



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KETUJUH

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA

THIRD SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA

THIRD MEETING

ISSN 0304-1697

JILID III

BIL. 2

HARI SELASA

13 DISEMBER 1988



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETUJUH

SEVENTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KETIGA THIRD SESSION

MESYUARAT YANG KETIGAA THIRD MEETING

Kandungan

Mukasurat

Perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan (1989), 1988
(samb.)

**LAPORAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG YANG KETUJUH
MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KETIGA**

HARI SELASA, 13 DISEMBER, 1988

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Encik Ooi Ean Kwong)
- Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
- Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri (Datuk Mohd. Saari bin Yusuff,
D.S.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas,
D.M.P.N., D.J.N.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N.,
J.M.N., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar,
P.P.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar,
P.J.K., P.J.M.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Ibrahim bin Saad)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad, P.P.N.,
P.J.K., P.J.M., J.P.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli,
P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Puan Hajjah Ragayah binti Ariff,
K.M.N., A.M.N., P.P.N., D.J.N., P.J.K.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Yahaya bin Jamaluddin)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid,
P.K.T.)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Boey Weng Keat)
- Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Encik Abdul Razak bin Ismail)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho, A.M.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Goik Hock Lai)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi (Encik Chin Kooi Thoon)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kebun Bunga (Encik Peter Huang)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng)

TIDAK HADIR

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Kit Siang) – Ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Pindaan) 1972.
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh) – Ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Pindaan) 1972.

TURUT HADIR

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan disambung pada jam 9.40 pagi.

DOA.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Rang Undang-undang sekarang dibuka untuk dibahas. Siapa yang ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Terima kasih, Tuan Speaker, Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Tahun 1989.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentang Belanjawan 1989 petang kelmarin, telah menegaskan bahawa negeri kita ini masih lagi menerima akibat dari kelembapan ekonomi yang disebabkan oleh faktor-faktor ekonomi sedunia di luar dari kawalan kita, dan bahawa kita hendaklah lebih berusaha bersungguh-sungguh untuk menarik dan memajukan sektor swasta bagi menggalakkan pemulihan yang lebih cepat dari kemelesetan ekonomi yang sedang melanda kita. Y.A.B. Ketua Menteri hendaklah menepikan alasan-alasan bagi ini yang dikatakan menyebabkan prestasi ekonomi kita menjadi lemah dan sebaliknya melihat dengan teliti ke dalam hal yang menyebabkan prestasi lemah ini dan keadaan hal ehwal di dalam negeri kita umumnya dan negeri khususnya.

Adalah tidak menghairankan untuk mendapati bahawa jiran-jiran dekat ASEAN kita seperti Singapura dan Thailand yang telah sama-sama merana dari tekanan ekonomi dunia yang sama, telahpun memulihkan diri mereka dan telah mencatat kadar pertumbuhan yang menakjubkan. Sudah tentu, adalah sesuatu yang serius dan tidak kena dengan negara kita apabila kita masih lagi meronta-ronta dari kelembapan ekonomi.

Negara ini, sebenarnya, masih lagi merana dari krisis keyakinan yang sama seperti yang telah ditegur oleh Ketua Pembangkang, Y.B. Encik Lim Kit Siang tiga tahun yang lalu. Moral negara ini adalah di tahap yang paling rendah dan ia memerlukan lebih dari perusahaan-perusahaan yang berkesan untuk membawa keluar negara ini dari belenggu krisis ekonomi ini. Pihak Kerajaan hendaklah menyedari asas utama bahawa ia memerlukan lebih dari belanjawan yang berhati-hati, projek-

projek pembangunan besar yang menakjubkan dan pelaksanaan licin untuk membuat ekonomi kita membawa kesan. Nadi ekonomi kita ialah kekuatan dan kesungguhan rakyat kita untuk mahu menyumbangkan jiwa raga, titik peluh dan nyawa mereka untuk negara ini.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri akhirnya telah menyedari bahawa kejayaan negeri ini bergantung kepada keikhlasan usaha kita untuk hidup, fikir dan bertindak bersama sebagai satu keluarga dan saudara rakyat Malaysia. Pada hakikatnya, sejak kebelakangan ini, Kerajaan telah memisahkan sebahagian besar rakyat negara Malaysia dengan melaksanakan dasar-dasar pecahan kaum yang memusnahkan negara. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru adalah satu dari contoh dasar-dasar yang telah membuat satu bahagian penduduk rakyat Malaysia merasa kehilangan sesuatu dan diketepikan atau dengan izin, *make to feel the sense of loss and deprivation*.

Tuan Speaker, kami dalam DAP menyokong penuh strategi dua serampang Dasar Ekonomi Baru untuk menyusun semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan tidak kira bangsa. Apa yang kami menentang dan bersuara lantang ialah perlaksanaannya yang menyimpang dari tujuan asal. Beribu-ribu rakyat Malaysia telah berhijrah ke luar negeri dengan membawa bersama-sama mereka modal-modal dan daya pemikiran yang sangat-sangat kita perlukan. Pengaliran keluar wang ini dan perasaan bimbang mungkin akan menjadi mangsa diskriminasi telah lebih kurang menyumbangkan kepada penurunan penyertaan swasta dan pelaburan tempatan sejak kebelakangan ini. Sebahagian besar dari rakyat kita telah menjadi mangsa-mangsa kepada pelaksanaan salah Dasar Ekonomi Baru di mana kuota mengikut bangsa dan pemilikan ekuiti nampaknya menjadi pilihan utama bagi pihak Kerajaan. Bagaimana boleh pihak Kerajaan mengharapkan golongan rakyat Malaysia ini menyumbangkan sepenuh daya usaha mereka kepada pembangunan negeri ini. Ini adalah satu perkara serius dan saya mendesak pihak Kerajaan Negeri memandang dengan serius akan keadaan hal ini.

Tuan Speaker, kami dari DAP mengalu-alukan jaminan yang diberikan oleh Y.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia bahawa pihak Kerajaan akan mengambil perkiraan pandangan-pandangan semua pihak termasuk parti-parti pembangkang sebelum mengambil keputusan ke atas dasar baru selepas tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada

tahun 1990. Saya harap ini adalah kata-kata ikhlas Y.B. Timbalan Perdana Menteri dan bukan hanya satu pernyataan pra-pilihanraya untuk memancing undi. Memandangkan atas pernyataan ini, saya menegaskan dengan lantang sekali kepada pihak Kerajaan Negeri supaya menubuhkan satu jawatan-kuasa peringkat negeri yang dianggotai oleh wakil-wakil dari semua parti-parti politik bagi menyemak semula Dasar Ekonomi Baru dan membuat syor-syor kepada Kerajaan Pusat bagi pembentukan dasar baru ini.

Tuan Speaker, krisis keyakinan bukan hanya melibatkan rakyat Malaysia tetapi telah juga mengakibatkan pelabur-pelabur luar negeri yang berpotensi. Penahanan berterusan Ketua Pembangkang Dewan ini, iaitu Ahli dari Kampong Kolam dan Ahli dari Bukit Glugor di bawah ISA telah menjunamkan negara kita ke krisis keyakinan yang lebih mendalam. Pelabur-pelabur luar merasa was-was untuk melabur di negara ini. Di beberapa bulan baru-baru ini, Y.A.B. Perdana Menteri dengan sendirinya terpaksa membawa Menteri Buruh, Y.B. Encik Lee Kim Sai secara senyap-senyap melawat Taiwan untuk menangkis rasa bimbang pelabur-pelabur dari Taiwan. Y.A.B. Ketua Menteri telah pun juga digunakan oleh Y.B. Menteri Perdagangan Perindustrian sebagai faktor kecinaan semasa satu misi pelaburan ke Taiwan pada bulan September lalu.

Tuan Speaker, telah dilaporkan di akhbar Kwong Wah Yit Poh keluaran 7 September tahun ini bahawa salah satu daripada isu-isu yang dibangkitkan oleh pelabur-pelabur Taiwan adalah perlaksanaan dasar-dasar diskriminasi kaum di Malaysia. Ini telah menanamkan rasa takut dan kebimbangan di kalangan peniaga-peniaga Taiwan oleh kerana sebagai orang Cina, mereka juga khuatir bahawa mereka juga mungkin akan menjadi mangsa dan sasaran kepada diskriminasi demikian. Laporan selanjutnya menyebutkan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu berkata bahawa pelabur-pelabur luar tidak perlu merasa bimbang kerana tuntutan-tuntutan tersebut tidak mempunyai asas. Akhbar-akhbar tersebut memperoleh gambaran negatif tersebut berkenaan negara ini dari pemimpin-pemimpin pembangkang dan orang-orang yang keciwa dengan pihak Kerajaan. Y.A.B. Ketua Menteri boleh menafikan bahawa beliau tidak pernah menyatakan apa yang dilaporkan di akhbar, tetapi sudah tentu pihak akhbar tidak boleh menulis laporan ini tanpa satu sumber. Sedikit sebanyak kebenaran dan asas hendaklah ada sebelum pihak akhbar membuat laporan.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan belanjawan petang kelmarin dengan betul-nya telah menyatakan bahawa kesetabilan negara ini adalah rangka kerja yang asas yang sangat penting untuk memajukan sosial dan ekonomi kita. Negara kita sekarang ini sedang melalui fasa ketidakstabilan yang paling buruk disebabkan oleh *politicising* yang hebat dan pergaduhan di dalam UMNO dan parit-parit komponen Barisan Nasional termasuk parti GERAKAN Y.A.B. Ketua Menteri dengan perlompatan ADUN parti beliau ke satu parti lain. Negara ini telah hilang pedoman dan ini adalah tidak baik kepada masa hadapan negara ini.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri juga telah menegaskan supaya rakyat bekerjasama dengan Kerajaan bagi mengatasi cabaran-cabaran yang sedang berhadapan dengan kita. Saya mahu tanya di sini bagaimana boleh pihak Kerajaan Negeri mengharapkan rakyat melakukan demikian apabila Ahli Parlimen dan ADUN-ADUN mereka ditahan tanpa segan silu di bawah ISA di atas tuduhan-tuduhan yang diada-adakan? Y.A.B. Ketua Menteri hendaklah menyedari bahawa penahanan berterusan Ahli dari Kampong Kolam Y.B. Encik Lim Kit Siang dan Ahli dari Bukit Glugor, Y.B. Encik Karpal Singh telah memisahkan hampir setengah dari penduduk-penduduk negeri ini dari pihak Kerajaan. Orang ramai tidak boleh bertolak ansur dengan pihak Kerajaan Negeri apabila wakil yang dipilih oleh mereka masih lagi dalam tahanan (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, ini masalah *Federal*, bukan masalah Kerajaan Negeri. Penahanan wakil daripada Bukit Glugor dan Kampong Kolam patut dibawa ke *Federal*, bukan dibawa di sini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, sabar sedikit. Saya ingin memberikan latar belakang dan pendahuluan mengapa saya membawa perkara ini.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tidak perlu, kita dah faham!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, perkara ini sahaja sudah cukup menewaskan segala usaha-usaha yang dilakukan

oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memberangsangkan ekonomi. Untuk membuktikan kebenaran pihak Kerajaan Negeri hendaklah tidak menepikan usaha untuk menyeru Menteri Dalam Negeri yang juga Perdana Menteri, Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamad supaya membebaskan kedua-dua ADUN DAP dan kemudian 49% dari pengundi-pengundi di Negeri Pulau Pinang yang telah mengundi 10 orang ADUN DAP barulah boleh mengambil kira untuk bekerja rapat dengan Kerajaan.

Tuan Speaker, dari ucapan Belajawan petang kelmarin juga Y.A.B. Ketua Menteri sedang meletakkan keseluruhan masa depan Negeri Pulau Pinang ke atas kemajuan projek reklamasi di kawasan pantai timur — *The Eastern Foreshore*, yang mana rancangan ini akan menentukan arah masa hadapan pembangunan sosio-ekonomi negeri ini menjelang abad ke 21. Y.A.B. Ketua Menteri sebenarnya adalah terlalu ghairah. Bagaimana boleh negeri ini menampung satu program raksa apabila kedudukan kewangannya mempunyai masalah. Projek gajah putih seperti KOMTAR yang telah menimbulkan beban kewangan dan sosial dan telah membebaskan pihak Kerajaan Negeri hendaklah dijadikan satu pengajaran kepada kita. Y.A.B. Ketua Menteri hendaklah berwaspada dalam memulakan projek besar tersebut, dengan memikirkan bahawa besar tidak selalunya membawa kejayaan. Satu kesilapan telahpun dilakukan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan belum pun selesai masalah yang diwujudkan oleh projek KOMTAR. Saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri tidak akan mewujudkan satu lagi kesilapan besar akibat dari projek reklamasi ini.

Y.A.B. Ketua Menteri seharusnya mengalihkan pandangannya ke arah membaiki asas ekonomi yang ada sekarang. Program perindustrian yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bukanlah boleh dianggap satu kejayaan kerana selain dari menyediakan peluang pekerjaan, Zon Perdagangan Bebas tidak membawa negeri ini ke arah satu negeri membangun dan moden. Asas perindustrian yang sempit seperti kilang-kilang elektronik dan tekstil telah membawa negeri ini terlalu bergantung kepada kuasa-kuasa pasaran dunia dan kelembapan ekonomi. Pembuangan besar beribu-ribu pekerja-pekerja kita baru-baru ini hendaklah menjadi satu tauladan untuk kita memperingati. Melainkan pergantungan ke atas kuasa-kuasa luar ini dapat diatasi, pembuangan pekerja-pekerja tempatan akan menjadi satu perkara yang berlarutan dari satu masalah yang tetap. Y.A.B. Ketua Menteri hendak-

lah memberi perhatian ke atas mengurangkan pergantungan corak ini bagi perindustrian Negeri Pulau Pinang.

Dengan menaruh harapan tunggal kita ke atas kemajuan reklamasi pantai timur bolehlah diibaratkan sebagai meletakkan semua telur ke dalam satu bakul. Ekonomi Pulau Pinang adalah begitu rapuh dan mudah hancur untuk membenarkan perancangan ekonomi seperti demikian. Selebih-lebih yang dapat Y.A.B. Ketua Menteri melakukan dengan projek reklamasi pantai timur ialah membina lebih lagi kilang-kilang elektronik dan tekstil, dan selanjutnya meletakkan Negeri Pulau Pinang ke atas kuasa sewenang-wenang pasaran dunia.

Tuan Speaker, dalam ucapan Rang Undang-undang perbekalan, Y.A.B. Ketua Menteri telah dengan bangga sekali menyatakan bahawa Kerajaan beliau begitu berazam sekali untuk mewujudkan satu iklim yang bersesuaian bagi memberangsang kegiatan-kegiatan ekonomi di negeri ini sehingga pihak Kerajaan sanggup mengambilkira mengurangkan simpanan terkumpul yang sedia ada bagi mencapai matlamat ini. Y.A.B. Ketua Menteri seharusnya menjadi lebih jujur dan mengaku bahawa Kerajaan beliau adalah bertanggungjawab bagi ketidakcekapan mengurus ekonomi negeri ini dan ini membuat beliau tidak mempunyai pilihan lain selain dari menyeluk ke dalam simpanan terkumpul kita bagi memperolehi kewangan.

Tahap khidmat pembayaran balik hutang dengan sendirinya telah memberi petunjuk bahawa pihak Kerajaan telah lebih cenderung untuk membelanja lebih dari yang ia mampu. Di lima tahun kebelakangan ini, kita terpaksa menggunakan puratra lebih kurang 40% dari jumlah hasil kita untuk membayar balik hutang-hutang negeri kita. Khidmat pembayaran balik hutang-hutang ini telah menjadi begitu serius sehingga Y.A.B. Ketua Menteri telah mengenalpasti perkara ini sebagai satu sebab bagi satu lagi belanjawan defisit.

Adalah jelas untuk diperhatikan bahawa kita telah meminjam satu jumlah wang yang besar dan pada masa yang sama, kita telah menggunakan sehingga 40% dari hasil negeri kita bagi membayar hutang-hutang. Projek-projek di mana wang pinjaman ini telah digunakan telah tidak mampu untuk menghasilkan cukup pendapatan untuk membuat pinjaman-pinjaman ini bermakna. Se-

telah gagal untuk menggunakan pinjaman-pinjaman ini dengan berkesan bagi membuahkan hasil, pihak Kerajaan telah memilih untuk memeras rakyat.

Tahun 1985 adalah tahun di mana nisbah khidmat pembayaran balik hutang kita telah meningkat ke 54.44% dari jumlah hasil pendapatan kita. Ini adalah juga tahun yang sama di mana pihak Kerajaan telah memilih jalan menyerbu dan menyemak semula kadar-kadar ke atas sewa tanah dengan satu lompatan naik dari \$7.4 juta di tahun 1984 kepada \$23.8 juta di tahun 1985. Walaupun dicekik sedemikian rupa, kadar khidmat pembayaran balik hutang kita masih berada di tahap yang tinggi. Sudah tentu ini adalah tanda salah pengurusan yang besar dan bahawa walaupun satu pinjaman yang besar, pihak Kerajaan Negeri telah tidak mampu untuk menghasilkan cukup pendapatan untuk terus timbul. Kita terpaksa membayar menggunakan sebahagian besar pendapatan kita untuk membayar balik hutang-hutang ini.

Tuan Speaker, dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri ke atas belanjawan juga telah dua kali beliau memberi petunjuk kepada kita bahawa negeri ini mempunyai batasan-batasan keupayaan bagi menambah hasilnya. Beliau telahpun memberi alasan yang sama pada ucapan beliau tahun lalu. Ini menunjukkan seolah-olah Y.A.B. Ketua Menteri hanya tahu untuk meminjam wang tetapi mengisytiharkan diri beliau muflis apabila tiba masa untuk mengeluarkan pendapat bagaimana untuk menghasilkan pendapatan selain dari mencik leher rakyat dan pergi mengemis kepada Kerajaan Pusat supaya menimbang permohonan untuk menambah jumlah pemberian baru melalui penukaran pinjaman-pinjaman tertentu supaya menjadi pemberian atau berkongsi sebahagian daripada pungutan tol Jabatan Pulau Pinang dengan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri beliau meluahkan masa untuk mencari jalan bagaimana menambah lagi beban cukai ke atas rakyat, sehinggakan mendenda penaja-penaja di atas kesalahan-kesalahan yang kecil.

Kita ingin meminta Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan dengan jelas dan tepat akan permintaan yang dibuat oleh Kerajaan beliau kepada Kerajaan Pusat. Ia tidak memberi erti bagi Y.A.B. Ketua Menteri dengan hanya memberi satu *token mouth service* atau *lip service* ke atas isu-isu ini dengan tidak membuat satu desakan yang spesifik.

Dalam hal ini, saya ingin mengucapkan

tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana akhirnya beliau telah membuka mata dan meminta untuk ditambahkan pemberian kiraan kepala dan pemberian penyenggaraan dari Kerajaan Pusat. Y.A.B. Ketua Menteri mungkin telah sedar setelah saya membangkitkan perkara ini semasa membahaskan belanjawan 1987. Semasa itu saya telah memberi petunjuk bahawa kadar pemberian kiraan kepala dan penyenggaraan jalan seperti mana yang telah ditetapkan pembagiannya di dalam perlembagaan adalah cukup tidak adil. Kadar itu adalah peruntukan yang ditetapkan 30 tahun dahulu dan perlu dipinda bagi membenarkan peratusan cukai yang dipungut dapat dikembalikan kepada negeri-negeri. Pada umumnya pihak Kerajaan Pusat hanya memulangkan kurang dari 18% dari apa yang diambil olehnya dari jumlah penuh cukai jalan. Sebagai contoh, pada tahun 1985, pihak Kerajaan Pusat mengambil \$49,877,277.00 tetapi hanya memulangkan penyenggaraan jalan sebanyak \$7.3 juta sahaja.

Contoh yang lebih buruk lagi akan ketidakadilan tersebut dapat kita lihat apabila membandingkan cukai pendapatan yang dipungut dari rakyat Negeri Pulau Pinang oleh pihak Kerajaan Pusat. Sebagai contoh, Negeri Pulau Pinang membayar \$346 juta wang cukai tetapi pihak Kerajaan Pusat hanya memulangkan sejumlah \$6.65 juta pemberian kiraan kepala bagi tahun yang sama mengikut kehendak Perlembagaan Negara kita.

Semasa membuat ucapan yang sama, saya memberitahu Y.A.B. Ketua Menteri janganlah hanya meminta Kerajaan Pusat menimbangkan perkara ini tetapi mendesak beliau untuk bersedia untuk mengorak langkah pertama bagi meminda perlembagaan. Saya menambah bahawa DAP bersedia untuk menyokong penuh Y.A.B. Ketua Menteri ke arah ini. Hari ini, saya mengulangi lagi seruan ini kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan ingin menambah bahawa orang ramai telah bosan mendengar alasan-alasan lapok yang sama dari beliau.

Y.A.B. Ketua Menteri terus menunjukkan kekurangan daya usaha dan kepimpinan apabila ianya adalah hal memperjuang bagi hak rakyat Negeri Pulau Pinang. Beliau seharusnya merasa malu untuk tampil di hadapan Dewan ini dan membuat satu pengakuan bahawa negeri ini tidak mempunyai kemampuan untuk menambahkan hasilnya.

Masa demi masa, di dalam Dewan ini, kami

telah membangkitkan isu memulangkan kembali status pelabuhan bebas Negeri Pulau Pinang. Dengan satu gerakan ini, sumber-sumber yang wujud mengikut perintah kita dapat dijadikan untuk membuah pemulangan yang lebih besar. Y.A.B. Ketua Menteri tidak mempunyai daya untuk memimpin Negeri Pulau Pinang untuk merebut kembali status pelabuhan bebas kita. Namun, beliau telah memilih untuk menjadi lemah dan menjadi hamba kepada kehendak dan kemahuan pihak Kerajaan Pusat yang tidak rasional yang telah memberi status pelabuhan bebas kepada Pulau Langkawi.

Pemulangan status pelabuhan bebas Pulau Pinang akan secara terus memberangsangkan industri pelancongan. Ianya akan memberi kesan yang berlipat ganda. Kekurangan daya politik ini akan juga bermakna bahawa Kerajaan Negeri tidak mengambil berat berkenaan industri pelancongan seperti yang telah diheboh-hebuhkan. Pulau Pinang juga tidak mendapat keuntungan langsung dari pelabuhannya. Jambatan Pulau Pinang dan juga perkhidmatan feri adalah di bawah takluk Kerajaan Pusat. Sekurang-kurangnya perkhidmatan feri hendaklah dipulangkan kepada Negeri Pulau Pinang.

Pada hakikatnya, peruntukan Kerajaan sebanyak \$1.6 juta bagi pelancongan adalah sangat memalukan terutama sekali apabila dibandingkan dengan peruntukan sebenar sebanyak \$1.3 juta bagi kedai-kedai tuak, satu pelaburan yang berterusan mencatatkan kerugian. Bolehkah Kerajaan Negeri menunjukkan bagaimana ia mengukur produktiviti pelaburan tertentu ini iaitu \$1.3 juta bagi kedai-kedai tuak? Bagaimana rakyat Negeri Pulau Pinang beroleh manfaat yang bermakna dari pelaburan ini? Kami bukan berkata bahawa kedai-kedai tuak hendaklah ditutup. Ianya hendaklah di-swastakan supaya Kerajaan Negeri tidak akan menanggung beban. Penswastan juga akan bermakna bahawa kedai-kedai ini akan dipertingkatkan tarafnya. Pada masa sekarang, keadaan kedai-kedai todi adalah kotor dan tidak teratur dan pelanggan-pelanggan tidak harus dipaksa menerima keadaan ini.

Setelah memerhati isu-isu tersebut, bolehkah rakyat mempercayai Ketua Menteri apabila beliau berkata bahawa Perbendaharaan Negeri akan terus mengawal dan menyelia dengan rapi simpanan kita yang terhad di sepanjang tahun yang akan datang. Semua perbelanjaan akan dikawal rapi dan perbe-

lanjaan akan hanya dibenarkan bagi aktiviti-aktiviti yang segera dan amat mustahak sahaja. Tetapi sebelum rakyat mempercayai apa yang akan dilakukan oleh Ketua Menteri dan Perbendaharaan Negeri, mari kita perhati rekod-rekod bagaimana wang dibelanjakan. Apabila kita melihat perbelanjaan bagi projek-projek kecil bagi kawasan pilihan raya tahun 1988, kita akan mendapati perbelanjaan-perbelanjaan yang sungguh ganjil. Ini adalah dari soalan yang diberi semalam:-

- 1) Di Seberang Jaya sahaja, sejumlah \$76,640.00 telah dibelanjakan untuk membekalkan pinggan mangkok kepada 8 buah kampung. Penerimaanya pula bukanlah surau atau pertubuhan-pertubuhan tertentu. Kalau diberi kepada kelab wanita atau surau dan mesjid, kita semua boleh faham. Ini tidak tentu ekor kepala siapa penerimaanya. Sejak bilakah ADUN kawasan ini bermain politik pinggan mangkuk untuk memajukan kampung-kampung tersebut?
- 2) Sejumlah \$3,286.86 telah dibelanjakan untuk membekal alat-alat pejabat kepada Tanjong Youth Activity Centre di No. 1893, Jalan C.Y. Choy. Bagaimanakah peruntukan ADUN Kawasan Padang Kota disalurkan kepada Kawasan Pengkalan Kota. Adakah benar bahawa Setiausaha Politik Ketua Menteri, Dr. Koh Tsu Koon menggunakan nama Y.A.B. Ketua Menteri untuk mendapatkan peruntukan bagi membantu Tanjong Youth Activity Centre itu, iaitu bekas pusat Perkhidmatan Dr. Koh Tsu Koon?
- 3) Sebuah kamera bernilai \$300.00 telah dibekalkan kepada Pusat Perkhidmatan ADUN Datuk Keramat yang juga kawasan Tuan Speaker sendiri.
- 4) Sebuah kipas angin (*stand fan*) bernilai \$350.00 telah dibekalkan juga kepada Pusat Perkhidmatan ADUN Datuk Keramat di No. 110, Jalan York.
- 5) Sebuah mesin taip telah dibekalkan kepada Pusat Perkhidmatan Barisan Nasional di No. 71, Jalan Lim Khoo Huat.
- 6) Di bawah kawasan ADUN Bafu Uban pula, kita mendapati:-

- a) 1 unit 'Shanki 3' *Drawer Steel Filing Cabinet* yang bernilai \$187.00;
- b) 1 unit *Steel Cupboard* bernilai \$185.00;
- c) 1 *Adler Typewriter* bernilai \$480.00;
- d) 3 set *Filing Pocket* bernilai \$55.00.

Ini semua telah dibekalkan melalui peruntukan kecil ADUN Batu Uban tetapi tidak dinyatakan untuk siapa. Adakah barang-barang ini dibekalkan untuk Pusat Perkhidmatan ADUN Kawasan Batu Uban?

- 7) Di kawasan Sungai Dua, sebuah T.V. warna dan mesin potong rumput bernilai \$2,440.00 dicatatkan. Soalnya, kepada siapa barang-barang ini dibekalkan? Ini semua tidak diterangkan.

Memandangkan ada contoh-contoh yang lain yang menunjukkan bahawa ADUN Barisan Nasional menggunakan peruntukan wang mereka, saya ingin memberi amaran kepada ADUN-ADUN yang mungkin menyalahkan pemberian peruntukan kecil ini bahawa pihak DAP tidak akan teragak-agak untuk membuat laporan kepada pihak Badan Pencegah Rasuah sekiranya ada terdapat ADUN-ADUN yang menggunakan wang rakyat untuk kepentingan mereka sendiri seperti membekalkan barang-barang ke pusat perkhidmatan sendiri.

Nampaknya pihak Kerajaan Negeri masih terus membazirkan wang walaupun Perbendaharaan Negeri diuruskan dengan belanjawan *deficit*. Kempen SEMARAK yang dilancarkan dari satu negeri ke satu negeri lain adalah kempen yang berbau politik yang tidak langsung dapat mengukur kesetiaan tulin rakyat terhadap negara dan Y.A.B. Perdana Menteri. Sebaliknya, sebanyak \$136,642.20 telah dibazirkan oleh Kerajaan Negeri untuk melancarkan sandiwara politik di Empangan Mengkuang. Bukankah wang ini boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain yang lebih produktif?

Perbincangan Belanjawan tidaklah lengkap jika saya tidak menyentuh skandal-skandal yang melibatkan pentadbiran Kerajaan iaitu:-

- 1) Kes rasuah yang dikatakan melibatkan Tuan Speaker Dewan ini masih belum diselesaikan lagi dan oleh itu, nama baik dan imej Dewan ini terus tercemar. Perkara ini haruslah diselesaikan dengan segera oleh pihak B.P.R.

- 2) Apakah yang terjadi dengan penyiasatan B.P.R. ke atas projek Pembentungan Batu Ferringhi?

Pihak B.P.R. telahpun diarah untuk memperingkatkan penyiasatan mereka. Kini kita mula nampak ada setengah-setengah kes rasuah yang didedahkan oleh B.P.R. Oleh itu, pihak B.P.R. haruslah segera menyiapkan penyiasatan mereka ke atas dua kes yang disebut tadi.

Kita amat faham bahawa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan amat memerlukan hasil kutipan. Tetapi kita amat kesal tentang cara bagaimana penjaja-penjaja miskin dan pemegang gerai diperas oleh pihak berkuasa yang suka mengeluarkan saman. Boleh dikatakan pada setiap hari, Pegawai-pegawai Penguatkuasa M.P.P.P. dan M.P.S.P. akan keluar untuk memburu para penjaja dan pemegang gerai untuk mencari kesalahan walaupun, kesalahan itu adalah kesalahan kecil dan boleh dimaafkan.

Pada hari Jumaat lalu, hampir 30 orang pemegang gerai di Pasar Jalan Maxwell telah diberi saman kerana menghalang lalu-lintas. Pihak Majlis haruslah lebih bersimpati dengan golongan penjaja-penjaja ini dan tidak perlu membebaskan mereka dengan sewenang-wenangnya. Sekurang-kurangnya pihak berkuasa memberi amaran terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan yang keras.

Pihak Kerajaan harus sedar bahawa mengeluarkan saman bukanlah satu cara positif untuk mengatasi masalah penjaja tidak berlesen dan penjaja tidak statik di negeri ini. Kami telahpun membangkitkan perkara bahawa perlunya pihak Kerajaan mengadakan satu dasar penjaja negeri bagi mengatasi masalah penjaja. Tetapi, malangnya, seruan ini tidak dirasakan penting di kacamata pihak Kerajaan Negeri.

Tuan Speaker, akhirnya, saya ingin menyeru Y.A.B. Ketua Menteri supaya menggunakan kepintaran politiknya serta hubungan rapatnya dengan Kerajaan Pusat bagi mendapatkan kelulusan kepada beberapa cadangan yang saya kemukakan. Kerajaan Negeri perlu menegakkan hak-haknya dengan cara yang tegas dan bukan sekadar membuat rayuan sahaja. Melainkan cadangan ini diterima oleh Kerajaan Pusat, Pulau Pinang akan terus terpaksa menanggung kesan-kesan ekonomi dan politik yang negatif.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya menyokong usul Rang Undang-undang Perbekalan bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang sebanyak \$68,146,170.00 daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu."

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri kita dan pentadbirannya di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri yang cekap atas pengurusan kewangan negeri yang cermat yang telah membolehkan negeri mengumpul "General Revenue Reserves" sejumlah \$21,241,436.00 pada hujung tahun 1987 walaupun kos upah dan perkhidmatan sedang meningkat. Sungguhpun lebih perbelanjaan sebanyak \$8,055,010.00 dijangkakan bagi tahun 1989, saya yakin kewangan negeri akan terus diuruskan dengan cermat dan perbelanjaan dibuat secara berhati-hati dan dikawal untuk membolehkan kita memenuhi kewajipan kita dalam membayar balik pinjaman-pinjaman.

Hubungan perlembagaan kukuh terwujud di antara negeri kita dengan Kerajaan Pusat. Ini terbayang dalam sokongan yang kita terima daripada Kerajaan Pusat dalam bentuk peruntukan-peruntukan dan pinjaman-pinjaman serta pegawai-pegawai dan kakitangan di setengah jabatan bagi membolehkan kita melaksanakan projek-projek pembangunan kita di dalam negeri. Kemerosotan ekonomi baru-baru ini telah menunjukkan bahawa negeri-negeri kekurangan sumber-sumber asli mudah dipengaruhi oleh aliran ekonomi dunia dan pekerja-pekerja kita mudah diganggu dan mengalami penamatan perkhidmatan, pengangguran, penggantian dan pertukaran kerja. Oleh itu saya menyokong penuh seruan oleh Yang Amat Berhormat supaya Kerajaan Pusat menambahkan jumlah peruntukan bagi Pulau Pinang dan memberi pertukaran-pertukaran baru dengan menukar pinjaman-pinjaman tertentu menjadi peruntukan. Kita telah memberi sumbangan yang agak banyak kepada Kerajaan Pusat dari segi cukai-cukai langsung dan tidak langsung dan ini juga akan menguatkan kedudukan kita dalam meminta pengajian semula atas peruntukan-peruntukan kewangan perlembagaan yang seharusnya berdasarkan prinsip memberi lebih kepada negeri-negeri yang kekurangan sumber-sumber asli daripada mereka yang boleh mendapatkan hasil dari sumber-sumber asli mereka.

Dengan lebih banyak peruntukan, Kerajaan Negeri akan dapat mencapai perkembangan ekonomi dan sosial yang lebih besar dalam negeri. Peruntukan-peruntukan tambahan dan penambahan dalam peruntukan-peruntukan sedia ada akan menggalakkan Jabatan-jabatan Persekutuan dalam negeri supaya meningkatkan prestasi mereka dan melaksanakan lebih banyak projek khususnya dalam bidang infrastruktur. Dalam perancangan dan perlaksanaan projek-projek baru, kita harus jangan lupa bahawa penyelenggaraan kemudahan-kemudahan yang ada sekarang adalah sama penting juga dan mereka memerlukan pertambahan dalam peruntukan sekiranya mereka hendak diselenggara dengan sempurna.

Pelaburan dalam infrastruktur oleh sektor awam terpaksa dikurangkan akibat kemerosotan ekonomi. Projek-projek terpaksa ditangguhkan kerana kekurangan peruntukan. Kini keseluruhan ekonomi Malaysia dalam keadaan beransur pulih, kita perlu mengkaji semula sambungan kemudahan-kemudahan infrastruktur ke kawasan-kawasan kurang maju serta penyelenggaraan sempurna bagi kemudahan-kemudahan sedia ada. Ini bukanlah mendapatkan soal lebih banyak peruntukan sahaja tetapi yang lebih penting ialah kesedaran bahawa penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sedia ada adalah sama penting dengan pembinaan kemudahan-kemudahan baru.

Jabatan Kerja Raya merupakan agensi utama bagi persekutuan dan negeri atas kerja-kerja awam. Ia bertanggungjawab atas pelaksanaan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan menyediakan perkhidmatan tambahan bertujuan mencapai matlamat-matlamat Kerajaan seperti terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di Pulau Pinang tugas-tugas merancang, membina dan menyelenggara kemudahan-kemudahan infrastruktur dikongsi oleh dua Majlis Perbandaran dalam kawasan bandar, 5 Pejabat Daerah. Sekarang kita boleh merujuk kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia berkaitan dengan lebuhraya ekspres yang telah siap dibina. Oleh itu, mengenai hal jalan-jalan, kita harus membezakan di antara jalan persekutuan, lebuhraya bertol, jalan negeri, jalan majlis dan lain-lain jalan kecil.

Kita perlu menyelaraskan kerja pihak-pihak berkenaan terutamanya apabila ia berkaitan dengan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan infrastruktur sedia ada. Wakil-wakil rakyat di kawasan-kawasan luar bandar dan separuh bandar sering menghadapi masalah-masalah di "grey area"

atau kawasan pelabur dan berakibat dari “syndrom bolasepak” dari pelbagai pihak-pihak berkenaan.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur di “grey areas” seperti jalan-jalan, lorong-lorong belakang, parit-parit sedia ada dan lain-lain yang dahulunya di bawah jagaan Majlis-majlis Daerah Luar Bandar atau RDC tetapi mutu pembinaan mereka tidak memenuhi taraf yang dikehendaki oleh Jabatan Kerja Raya. Oleh itu, Jabatan Kerja Raya tidak ada peruntukan bagi penyelenggaraan kemudahan-kemudahan ini. Jadi pihak manakah yang harus bertanggungjawab? Kes berikut adalah suatu contoh klasik yang menunjukkan kedudukan serba salah dialami oleh seorang Wakil Rakyat.

Kes rumah No. 89-A, Jalan Permai, Taman Brown, Kawasan Batu Uban — No. 89-A adalah sebuah kediaman berbentuk rumah bangalo terletak atas tanah tinggi di sempadan Taman Brown dan Taman Tun Sardon. Sebatang parit mengalir di sepanjang sempadan di sebelah timur rumah banglo ini dan semua air selokan dari rumah-rumah atas tanah tinggi di Taman Brown disalurkan ke dalam parit itu. Sejak pembinaannya 12 tahun yang lalu parit itu tidak pernah dibaiki kerana hingga hari ini tiada seorang pun tahu pihak manakah yang bertanggungjawab. Majlis Perbandaran Pulau Pinang berkata hal ini di luar bidangkuasanya kerana ia terletak di luar kawasan bandar. Jabatan Kerja Raya pula menyatakan ia hanya bertanggungjawab atas pembaikan parit-parit di sepanjang jalan-jalan besar.

Pada tahun 1980, bahagian atas parit itu runtuh dan mengakibatkan paip saluran najis yang merentanginya pecah. Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah membaiki paip saluran najis sebab pihaknya bertanggungjawab atas sistem pembetulan di dalam negeri kita. Parit yang pecah ditinggalkan sahaja. Kemudiannya air parit dari Taman Brown dibelok dari tempat asalnya ke bahagian bawah cerun berhampiran No. 89-A. Pengaliran air parit yang berterusan dan hujan lebat telah mengakibatkan bahagian bawah cerun terhakis hingga sekarang. Kejadian hakisan telah menyebabkan penghuni-penghuni rumah No. 89-A kehilangan tanah penampan seluas 8 kaki di antara pagar mereka dengan parit, keruntuhan pagar, sebahagian kebun mereka terbenam. Saya tidak akan merasa hairan kalau rumah mereka runtuh nanti. Sehingga hari ini, walaupun peruntukan telah diperolehi tetapi kerja belum lagi dimulakan.

Kes 89-A merupakan salah satu daripada banyak kes seumpama ini. Terdapat jalan-jalan dan lorong-lorong belakang yang tidak dapat dibaiki atau diselenggara sebab mereka tidak menurut taraf Jabatan Kerja Raya. Atas sebab itu peruntukan tidak diberi untuk penyelenggaraannya. Oleh yang demikian, pihak-pihak berkenaan perlu menyelaraskan kerja mereka dan mengkaji semula bidangkuasa mereka. Kawasan luar bandar yang ada sekarang mungkin menjadi kawasan separuh bandar tidak lama lagi dan seterusnya menjadi sebuah bandar. Negeri kita telah berkembang dengan pesatnya dalam masa 19 tahun yang lalu dan kawasan bandar Georgetown kian meluas hingga meliputi kawasan Batu Uban.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek pembangunan harus serentak dan selari dengan kecekapan dalam penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sedia ada. Pada pendapat saya masalah “grey areas” ini berpunca dari pentadbiran. Oleh itu saya menyeru pihak-pihak berkenaan untuk mengkaji semula luasnya bidangkuasa supaya mereka boleh mendapatkan peruntukan-peruntukan awam untuk digunakan.

Mengenai projek-projek pembangunan infrastruktur yang ditangguhkan akibat kekurangan peruntukan pusat pada masa kemerosotan ekonomi, skim-skim ini kini perlu dipulihkan semula dan projek-projek baru dirancang. Negeri kita mempunyai aset yang tidak ternilai dalam sumber-sumber tenaga manusia harus terus berusaha menyediakan pekerjaan dan latihan untuk rakyat kita. Kita bergantung kepada sektor pembuatan dalam ekonomi dan perindustrian. Di samping menyediakan satu rangkaian jalan yang berkesan menghubungkan kawasan-kawasan luar bandar dengan separuh bandar dan separuh bandar ke bandar, sambungan infrastruktur dalam negeri ke bandar-bandar dan kawasan perindustrian baru dan juga akan mempergiatkan pembangunan kawasan-kawasan itu dan menghasilkan taraf hidup yang lebih baik untuk rakyat kita.

Di Pulau Pinang, Projek Jalan Persisiran Pantai harus dipulihkan kembali kerana kita perlu menyambungkan Georgetown ke pusat pelancongan yang telah diperluaskan dari Batu Ferringhi ke Telok Bahang dan juga ke Lapangan Terbang dan Batu Maung di bahagian selatan pulau ini. Skim Penyelidikan Lalulintas Jambatan Pulau Pinang yang telah dilancarkan harus diteruskan dengan

perlaksanaan fasa-fasa lain hingga penyempurnaan-nya. Pembangunan infrastruktur adalah amat penting kepada negeri-negeri yang berkurangan sumber-sumber asli, terutamanya kepada Pulau Pinang yang pendapatannya hanya diperolehi daripada penggunaan sepenuhnya sumber tanah yang terhad.

Seberang Perai berpotensi menjadi sebuah pusat pembangunan perindustrian kerana lokasinya berhampiran dengan Negeri Kedah dan Perak yang boleh dijadikan sebagai daerah pendalaman dan pembekal barangan utama kepada industri-industri pembuatannya. Dalam proses membina Lebuhraya Utara-Selatan, saya ingin menyokong seruan supaya pembinaan lebuhraya-lebuhraya Butterworth ke Gurun dan Kulim dilaksanakan dengan segera. Ini akan membolehkan tanah di daerah ini dimajukan secara pesat terutamanya kalau pembinaan sebenarnya bermula dari Butterworth ke Gurun dan Kulim sebelum mereka dihubungkan ke Lebuhraya Utara-Selatan. Pembangunan lanjut dalam kemudahan-kemudahan infrastruktur di daerah ini juga akan mendorong potensi tanahnya digunakan dengan sepenuhnya.

Sebagai ADUN Kawasan Batu Uban dan bagi pihak pemilih-pemilih, saya ingin menyeru Jabatan Kerja Raya supaya mempertimbangkan pembinaan jalan-jalan berikut demi untuk mengurangkan kesesakan lalulintas di pusat-pusat yang berkembang pesat itu:-

1. Jalan keluar tambahan bagi Taman Brown yang menyambungkan Jalan Permai dengan Jalan Yeap Chor Ee;
2. Jalan keluar tambahan yang sangat diperlukan bagi Taman Tun Sardon yang menyambungkan Jalan Pemancar dengan Jalan Valley;
3. Lebih banyak jalan keluar perlu dibina dengan segera di Bandar Bayan Baru yang hanya mempunyai satu jalan keluar di Jalan Mahsuri pada masa kini.

Jalan-jalan yang dicadangkan di atas akan dapat menghindarkan kesesakan lalulintas di jalan-jalan keluar di kawasan-kawasan itu yang tinggi kepadatannya dan membantu menyelakkan lalulintas ke bahagian-bahagian lain di pusat-pusat itu.

Saya yakin bahawa aspirasi-aspirasi dan keperluan-keperluan rakyat Pulau Pinang akan terus dipenuhi kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Barisan Nasional selama ini telah membuktikan bahawa walaupun kita kekurangan sumber-sumber asli namun demikian kita masih dapat menduduki tempat hampir paling atas sekali dalam pembangunan serta mencapai progres sosio-ekonomi. Kejayaan kita ditentukan oleh faktor-faktor berikut:-

1. Mempunyai sebuah Kerajaan yang kukuh, bersatu dan stabil yang menitik-beratkan pembangunan dan kepentingan sosial dan ekonomi rakyat kita.
2. Pertalian persahabatan dan perhubungan erat yang wujud di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat kita yang boleh ditonjolkan oleh pemberian peruntukan-peruntukan dan pinjaman-pinjaman dari pusat untuk membantu kita dalam pembangunan.
3. Kecekapan dan kebolehan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kita di pelbagai Jabatan Kerajaan termasuk Badan-badan Berkuasa Kerajaan dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai kecekapan, keberkesanan dan daya pengeluaran yang lebih tinggi dalam perkhidmatan awam.
4. Kesedaran kian bertambah di kalangan rakyat Pulau Pinang bahawa walaupun negeri mereka miskin dalam sumber-sumber asli tetapi mereka mempunyai keazaman dan kemahuan untuk bekerja keras dan terus memberi sumbangan terhadap peningkatan pembangunan sosio-ekonomi negeri kita.

Oleh itu, untuk membolehkan kita mengekalkan keamanan, keselamatan dan kestabilan masyarakat kita sambil terus mencapai progres ekonomi dan sosial yang lebih, rakyat Pulau Pinang haruslah memberi sokongan penuh mereka kepada Kerajaan dan bersama-sama kita membina sebuah masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, mesra dan progresif.

Tuan Speaker, Ahli Kawasan Pengkalan Kota menyata atau membuat tuduhan di mana beberapa ADUN menggunakan atau makan rasuah dengan membeli bekalan-bekalan pejabat dari peruntukan

ADUN. Tuan Speaker, kalau Ahli Kawasan Pengkalan Kota baca baik-baik laporan itu atau buat siasatan dengan teliti untuk mendapat butir-butir tersebut, dia boleh sedar, ADUN kawasan tidak ada peruntukan dari Kerajaan yang boleh digunakan. Semua bahan-bahan pejabat atau mesin-mesin typewriter telah diminta oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung. Pejabat perkhidmatan saya semuanya telah dibayar oleh suami saya dan saya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, penjelasan! Boleh beri penjelasan?

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Boleh.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Apa yang disebut tadi bukan dari saya sendiri. Semua jawapan ini adalah diberi oleh Kerajaan Negeri. Tadi Yang Berhormat dari Batu Uban memberitahu sama ada peruntukan bukan dari Kerajaan Negeri tetapi dari Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung tetapi J.K.K.K. dapat peruntukan dari siapa? Saya sudah sebut semua senarai dan ada banyak pejabat J.K.K.K. mendapat mesin typewriter dan sebagainya. Ini peruntukan dari mana? Bolehkah Yang Berhormat Ahli dari Batu Uban memberi penjelasan?

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Tuan Speaker, Ahli Kawasan Pengkalan Kota selalu nak tuduh (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Bukan tuduh!

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

..... Selalau dia *suspicion* dan mengatakan Kerajaan makan rasuah oleh kerana dia tidak membuat siasatan yang baik. Kawasan-kawasan ADUN (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan!

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Duduk! Kawasan-kawasan ADUN di Pulau Pinang ada 5 Pejabat Daerah. Untuk pembangunan atau menolong Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung untuk menjadi lebih *efficient* dan oleh kerana kalau kita nak memberi perkhidmatan yang tinggi kepada penduduk-penduduk kita, pejabat J.K.K.K. mesti dilengkapi dengan bahan-bahan pejabat. Kalau Ahli Kawasan Pengkalan Kota mahu menerima maklumat atau butir-butir yang lain, sila bercakap atau sila minta maklumat daripada Pejabat Daerah dan jangan buat tuduhan di Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, ini bukan tuduhan.

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Tuan Speaker, perbelanjaan pejabat saya di Batu Uban ialah \$3,000.00 sebulan dan objektif kita ialah memberi perkhidmatan oleh ADUN-ADUN Barisan Nasional.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Tanjong Bungah.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan Rang Undang-undang Perbekalan (1989), 1988.

Saya ingin mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang telah dengan sedaya upaya dengan cemerlangnya membentangkan suatu belanjawan bagi tahun 1989 yang mencerminkan betapa seriusnya pihak eksekutif Kerajaan cuba meningkatkan hasil sebanyak \$12,784,330.00 dari 1988 dibandingkan dengan kenaikan perbelanjaan sebanyak \$3,858,960.00 dalam hakikat zaman sekarang di mana kos-kos emolument dan perkhidmatan kian meningkat. Prestasi cemerlang ditunjukkan oleh Pegawai Kewangan Negeri baru kita di mana perbelanjaan di bawah Maksud B.16 telah dikurangkan sebanyak \$2,465,410.00. Usaha-usaha pihak eksekutif di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu amat membanggakan kami

sebagai *back-bencher* Kerajaan sebagai pemegang amanah rakyat. Kita haruslah betul-betul meneliti Enakmen Perbekalan (gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Boleh beri penjelasan?

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang):

Jangan Kacau! Nanti! Beri saya habis dulu-lah!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Ini ada *atonement for the sin of the jumping from MCA*.

Ahli Kawasan Tanjong Bungah (Encik Khoo Boo Yeang):

Kita haruslah betul-betul meneliti Enakmen Perbekalan ini, barulah kita dapat menghargai betapa susahnyanya menjalankan tugas sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan yang sentiasa menjaga demi kepentingan rakyat di mana pertumbuhan ekonomi dipertingkatkan tanpa tambahan bebanan rakyat. Kerajaan kita patut menerima pujian daripada Ketua Audit Negara yang telah mengatakan Kerajaan Pulau Pinang ialah suatu '*model state*' dalam kawalan perbelanjaan.

Saya bersetuju dengan Y.A.B. Ketua Menteri bahawa Pulau Pinang tidak ada sumber-sumber semulajadi seperti bijih timah atau balak. Tetapi kita ada sumber-sumber semulajadi yang lain seperti cahaya matahari yang terang, kita ada pantai dan laut, kita ada bukit yang cantik. Yang pentingnya kita ada rakyat yang peramah dan produktif. Maksud saya ialah kita mesti mengeksploitasikan sumber-sumber ini dalam pembangunan industri pelancongan. Industri pelancongan kini telah memegang kedudukan kedua dalam ekonomi negeri kita. Bagaimana kita dapat memperkukuhkan usaha-usaha bagi memajukan pelancongan dengan peruntukan \$1.6 juta sahaja?

Kita harus menumpukan sebahagian besar tenaga dan usaha terhadap potensi industri pelancongan ini dengan mengeluarkan bahagian pelancongan dari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan menubuhkan suatu "Perbadanan Promosi Pelancongan Pulau Pinang" untuk merancang

dan mengendalikan segala aktiviti-aktiviti pelancongan termasuk misi-misi promosi luar negeri dan acara-acara antarabangsa seperti Pesta Pulau Pinang, MAS International Marathon, Lari Merentas Jambatan, Pesta Perahu Naga Antarabangsa, Perlumbaan Bot Laju Grand Prix Siri Dunia dan lain-lain.

Sehubungan dengan ini saya harap tempat-tempat pelancongan akan mendapat kemudahan-kemudahan yang lebih baik seperti lebih lagi lampu-lampu hiasan yang terang, khususnya di sepanjang Jalan Batu Ferringhi dan tandas-tandas awam yang bersih. Saya harap juga Jabatan Kebun Bunga dengan kerjasama Majlis Perbadanan Pulau Pinang dapat menjalankan projek-projek pengindahan sepanjang kawasan pelancongan seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, supaya kita betul-betul menjadi suatu 'Garden City'.

Usaha-usaha untuk mengawal kejadian jenayah terhadap para pelancong mesti diutamakan supaya nama baik kita dapat dijamin. Baru-baru ini kes-kes jenayah kian meningkat. Saya harap anggota polis akan menjalankan tugas-tugas mereka dengan jujurnyanya dan bukan seperti yang telah terjadi di kawasan KOMTAR di mana mereka melakukan kelakuan yang tidak diinginkan. Mereka telah terlalu menyusahkan rakyat yang membuat kesalahan yang kecil dengan tahanan, usik-usik, tangkap dengan hand-cuffs, hantar ke Ibu Pejabat Polis untuk menangkap gambar sebagai *criminal* yang serius dan dikurung dalam bilik gelap, walaupun mereka melanggar undang-undang seperti meletak motosikal di tempat yang salah.

Di bawah Maksud Bekalan B.9, Jabatan Perhutanan — Saya harap Kerajaan dapat mewartakan beberapa pulau di Utara Pulau Pinang sebagai Taman Negeri atau State Parks untuk mengekalkan hutan simpanan bagi tujuan ekologi dan rekreasi. Tanah-tanah Pihak Berkuasa Air di Batu Ferringhi dan Telok Bahang juga boleh dipajak kepada pihak swasta untuk projek-projek rekreasi yang tidak akan menjejaskan kawasan simpanan atau *water catchment*.

Di bawah Maksud B.1 — Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan, sebanyak \$650,000.00 telah diperuntukkan untuk memperbaiki Dewan Sri Pinang. Saya harap peruntukan akan dipertimbangkan untuk memasang alat-alat hawa dingin di Muzium dan Balai Seni Lukis Pulau Pinang dan juga membesarkan dewan menunggu dan tempat membeli tiket di stesyen-stesyen Keretapi Bukit Bendera untuk kenikmatan orang ramai.

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Tanah yang telah menimbang dan meluluskan kekurangan cukai tanah kepada petani-petani dan pemilik-pemilik tanah di Bukit Bendera. Saya harap dalam menyemak semula cukai tanah pada tahun 1995, tanah-tanah ini akan diwartakan sebagai tanah luar bandar dan bukan sebagai tanah bandar seperti sekarang.

Dari zaman dahulu, Pulau Pinang telah memberi faedah sebagai suatu pusat pelajaran antarabangsa. Penuntut-penuntut dari negeri-negeri jiran dan juga negara-negara jiran telah datang belajar di sini. Pada hari ini juga adanya institusi-institusi seperti Dalat School di Tanjong Bungah, satu sekolah antarabangsa untuk kanak-kanak kedutaan Amerika di Asia Tenggara dan Pusat Asia Tenggara untuk Sains dan Matematik di Gelugor. Saya percaya Y.A.B. Ketua Menteri akan berusaha lagi menarik institusi-institusi pelajaran antarabangsa seperti Dalat School ini seperti Sydney University dan lain-lain supaya nama Negeri Pulau Pinang sebagai pusat pelajaran akan dikekalkan.

Tuan Speaker, walau pun penswastaan projek-projek perumahan kos rendah sedang dijalankan dengan pesat, saya mengambil kesempatan ini untuk mengulangi rayuan saya untuk 'shelter housing' untuk golongan rakyat negeri kita yang hidup di bawah paras kemiskinan, golongan rakyat kita yang langsung tidak mampu membeli rumah, walaupun kos rendah. Saya harap Kerajaan akan menggubal suatu kertas kerja untuk memperolehi pemberian perlindungan. Inilah tugas kita untuk memenuhi perjanjian kita untuk membas kemiskinan.

Suatu lagi bidang yang kita tidak begitu berjaya ialah dalam *horticulture* dan *aquaculture*. Bidang ini perlu tajaan Kerajaan seperti dalam kes reklamasi tanah dan Kerajaan patut mengenalpasti mana tanah bukit yang sesuai dan memajak tanah ini kepada pihak swasta sepertimana kita menguruskan tanah perindustrian.

Tuan Speaker, segala perancangan yang Kerajaan sediakan akan terjejas melainkan produktiviti kakitangan kita dan etika kerja mereka positif. Perasmian kaunter perkhidmatan Kerajaan Negeri baru diadakan. Saya harap juga Ketua-ketua Jabatan dapat mengubah peraturan dan prosedur kerja mengikut selok-belok pengurusan sektor swasta di mana sikap mental kita mesti mengang-

gap perkhidmatan Kerajaan sebagai suatu perniagaan yang besar atau *big business concept*.

Adanya di antara kakitangan Kerajaan yang menghalang pembangunan dengan memberi kesulitan kepada pengusaha-pengusaha terutamanya pengusaha kecil apabila sebaliknya mereka mesti menolong segolongan ini menjalankan usaha-usaha mereka dengan nasihat yang baik dan mencari jalan untuk memberi segala bantuan kepada mereka supaya hasil negeri dapat dipertingkatkan.

Kita mesti melayan orang awam sebagai pelanggan kita dan mungkin juga menyediakan meja hospitaliti membantu orang awam mengisi borang-borang Kerajaan seperti di bank-bank. Kita mesti juga menukar cara menunggu dalam barisan untuk membayar kutipan seperti di bank-bank atau di kaunter jualan tiket penerbangan MAS.

Dengan ini saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan atas sumbangan mereka kepada masyarakat kita.

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Siapa yang ingin mengambil bahagian? Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Encik Yahaya bin Abdul Hamid):

Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian bersama-sama menyokong ucapan belanjawan yang dibentangkan di Dewan ini kelmarin iaitu satu belanjawan yang walaupun defisit, tetapi ketat dan bertimbang rasa. Satu belanjawan yang walaupun dicipta diambang ekonomi yang hampir pulih tetapi berhati-hati dan siaga kalau-kalau ke-melesetan datang lagi. Satu belanjawan yang bukan saja menekankan aspek pembangunan fizikal tetapi juga buat julung-julangnya memberi perhatian terhadap pertumbuhan keharmonian melalui program perkembangan pelajar yang bertujuan memajukan kekuatan keharmonian dan perwatakan belia-belia kita. Bagaimana pun, adalah kurang adil sekiranya saya terus memuji-memuji saja atau terus melemparkan tuduhan-tuduhan berbentuk agitasi dengan isu-isu diskriminasi kaum, krisis keyakinan, gajah putih, telur dan sangkar dan sebagainya. Dengan itu ada beberapa perkara yang perlu kita

renungi dan hayati bersama secara ikhlas dan bertanggungjawab. Beberapa hari lagi kita akan melangkah ke tahun 1989, dan amatlah elok kita bawa bersama tekad dan resolusi baru untuk sama-sama kita perjuangkan demi kepentingan bangsa, negara dan negeri kita.

Sebagai bangsa dan warganegara Malaysia, kita semua mengidamkan negara yang makmur. Walaupun ahli-ahli dari parti pembangkang gemar menimbulkan suasana kelam-kabut dan memainkan isu-isu sensitif yang merugikan negara, saya yakin mereka juga mengidamkan negara Malaysia yang aman dan makmur.

Negara yang aman dan makmur boleh dicapai jika kita ikhlas berusaha mencapainya. Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyedari bahawa "Kejayaan kita adalah bergantung kepada keikhlasan usaha kita untuk hidup, berfikir dan bertindak secara bersama sebagai adik-beradik rakyat Malaysia" demikian kata Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan ini kelmarin. Kita mempunyai semua kemudahan untuk itu, cuma yang kurang adalah kesungguhan dan keikhlasan. Keadaan ini berlaku kerana fikiran dan masa kita banyak dihabiskan untuk berpolitik, rebut merebut pangkat dan pengaruh, daripada merancang, menganalisa dan melaksanakan semua program untuk kemakmuran rakyat dan negara.

Pokok pangkalnya kita semua telah menjadi orang-orang yang tidak sabar. Kita menjadi gelisah, perengus, takut serta diselaputi oleh beranika kebimbangan. Kita patut anggapkan semua ini sebagai ujian Tuhan. Sepotong ayat Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 155, Tuhan berfirman yang bermaksud:

"Demi sesungguhnya kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh-musuh dan dengan merasai kelaparan, dan dengan berlakunya kekurangan dari harta-benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."

Jelas bahawa segala ujian Allah itu harus dihadapi dengan tenang dan sabar sepertimana difirmankan dalam ayat 156 yang berikutnya:

"Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu kesusahan mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Tuan Speaker, dua belas bulan yang lalu, kita melangkah masuk ke tahun 1988 dengan harapan suasana ekonomi dan politik negara lebih stabil. Malangnya harapan ini tidak semuanya tercapai. Kita berjaya menikmati suasana ekonomi yang lebih baik hasil daripada belanjawan yang kemas dan langkah berjimat cermat. Bagaimana pun, tidak demikian halnya dengan politik.

Di kala pucuk pimpinan kita gigih berusaha mewujudkan sebuah bangsa dan negara yang maju, dinamik dan progresif, UMNO dilanda peristiwa malang. Ekoran keghairahan merebut kuasa dan keengkarannya segelintir ahli UMNO menghormati keputusan demokrasi, UMNO diisytiharkan sebagai tidak sah.

Kehilangan sebuah parti yang menjadi tonggak kekuatan Kerajaan adalah suatu peristiwa yang amat malang bagi mana-mana negara pun. Peristiwa seperti ini boleh menyebabkan negara menjadi huru-hara, dan pentadbiran kucar-kacir. Bagaimana pun tidak demikiannya dengan Malaysia. Kecekapan pucuk pimpinan serta sokongan padu keluarga Barisan Nasional, berjaya mengatasi ujian perit itu dan UMNO kini berjaya dipulihkan semula.

Kita semua sedar bahawa UMNO yang ada sekarang ini adalah UMNO yang sama. Cuma kejahilan segelintir daripada kita untuk menghayati pentingnya keikhlasan perjuangan, dan ketidak-sabaran segelintir daripada kita untuk menginsafi takdir yang menimpa nasib bangsa, menyebabkan suara-suara sumbang kedengaran di sana sini. Kini keributan dalam UMNO kembali reda. Suara-suara sumbang semakin tidak mendapat tempat lagi kerana rakyat semakin matang membuat penilaian dan perbandingan di antara pemimpin yang benar-benar memimpin dengan pemimpin yang hanya suka dipimpin.

Malangnya ketika UMNO berjaya mengemas-kan rumahtangganya, Barisan Nasional terpaksa sekali lagi menghadapi ujian nafsu dan kuasa. Perebutan pengaruh di antara rakan kita MCA dan GERAKAN, dengan menjadikan negeri ini Pulau Pinang gelanggang pertarungan adalah perebutan yang sia-sia dan merugikan Barisan Nasional.

Saya melihat pergolakan ini sebagai kejahatan kita menghayati sejarah perjuangan. Perebutan pengaruh dan ahli di antara kedua-dua parti ini bukanlah perkara baru. Ia menjadi semacam satu putaran syaitan yang tidak menguntungkan mana-

mana pihak. Ia samalah seperti orang berjiran berebut air daripada perigi yang sama. Masing-masing berebut mencari timba dan membuat kolam, sedangkan telaga tetap tidak ke mana. Alangkah bertuahnya kedua-dua rakan kita itu jika mereka sama-sama memelihara dan memagar perigi supaya air tidak dicuri orang, daripada memenatkan badan dan menghabiskan masa berbut-rebut mencari timba dan membuat kolam besar. Saya menggunakan contoh air kerana pepatah Cina ada berkata "Pemimpin umpama pendayung dan rakyat umpama air. Sekiranya pendayung tersilap mendayung, sampan akan dikarami air." Semua kita mehamai hakikat ini. Kita semua sedar bahawa pendayunglah yang akan menentukan sama ada sampan itu berjaya menuju ke matlamatnya atau karam di tengah perjalanan. Sampan MCA dan GERAKAN pasti tidak akan sampai ke matlamatnya jika pendayungnya tidak cekap, dan pastilah jika kedua-dua sampan itu tidak dikemudikan dengan baik, sampan DAP akan memotong mereka.

Tuan Speaker, kita dalam Barisan Nasional bukan lagi mendayung sampan tetapi tongkang besar. Tongkang besar memerlukan ramai pendayung, dan pendayungnya mestilah mendayung serentak dan seirama, jika tidak lambatlah perjalanan tongkang itu Malangnya kerana tidak sebulu, pendayung dari MCA dan GERAKAN berlumbalumba menunjukkan kekuatan, menyebabkan kita tidak lagi mendayung serentak dan sehaluan. Pastilah yang ruginya nanti bukanlah pendayung MCA dan GERAKAN sahaja, tetapi semua penumpang tongkang besar.

Saya melihat perebutan ahli di antara MCA dan GERAKAN sebagai kesinambungan budaya Ghee Hin dan Hai San merebut lombong bijih di Larut di abad ke 18. Mereka sanggup bergaduh dan berperang untuk menunjuk kekuatan dan berebut kekayaan, sedangkan mereka adalah perantau dari tempat yang sama, dan ada pula di antaranya berkeluarga.

Maafkan saya kerana mengambil contoh ini, kerana sejarah membuktikan perselisihan dan pergaduhan sesama kaum Cina boleh menimbulkan atau meninggalkan kesan yang amat parah. Orang Melayu kalau bergaduh lebih banyak bertengkar daripada bertumbuk, tetapi kaum Cina bila bergaduh lebih banyak bertumbuk daripada bertengkar. Inilah yang amat membimbangkan kita.

Kita sekarang berada di ambang abad ke-21,

dan sepatutnya budaya rebut merebut, gangsterism dan khianat-mengkhianati di antara satu sama lain dihentikan. Bagi saya ini satu kerugian besar kepada Pulau Pinang, kerana walau siapapun di antara kedua-dua parti itu yang memerintah negeri ini, Ketua Menterinya tetap dari suku sakat keluarga yang sama. Ketua Menteri kita sekarang adalah bekas pemimpin MCA, yang pasti bersimpati dengan nasib keluarga dan suku sakatnya dalam MCA walaupun beliau menyarung selimut GERAKAN.

Jika demikian hakikatnya, Tuan Speaker, mengapakah MCA perlu merebut negeri yang kecil ini? Apakah salahnya jika MCA, GERAKAN dan UMNO mengukuhkan lagi kerjasama yang sedia wujud untuk membangunkan Pulau ini supaya sama-sama kita nikmati kemakmurannya? Biarkan kumpulan serpihan UMNO berpakat dengan DAP yang akan kita tentang habis-habisan atas sifat kita membela bangsa dan negara.

Tuan Speaker, Pulau Pinang digelar Prince of Wales oleh penjajah British dan selepas Merdeka, ia mendapat jolokan sebagai Pulau Mutiara. Gelaran ini adalah pengiktirafan dan lambang keindahan dan kemakmurannya. Seperti kita semua maklum, sebutir mutiara akan memancarkan sinarnya ke setiap ruang dan penjuru. Tetapi tidak halnya dengan Pulau ini. Sinaran cahayanya memilih-milih warna kulit dan bulu. Sinarannya lebih banyak memancar ke arah Georgetown, Tanjung Tokong tetapi tidak ke Balik Pulau dan Seberang Perai.

Ketua Menteri dan rombongannya telah dua kali melawat kawasan saya Pinang Tunggal iaitu nama yang hampir-hampir *synonymous* dengan Pulau Pinang. Pertama kali untuk meninjau pencemaran najis babi. Kedua, melihat keadaan banjir pada 25 November 1988. Bagi pihak penduduk saya ucapkan ribuan terima kasih. Ketua Menteri kita berjiwa rakyat, pencinta SEMARAK dan Bapa Pembangunan Industri bagi Negeri Pulau Pinang. Akan tetapi tidakkah terlintas sedikit sebanyak di hati Kerajaan Negeri untuk mencipta sebuah *village-town* di Pinang Tunggal itu?

Saya termimpi pada suatu malam melihat Pinang Tunggal mempunyai sederet kedai yang kemas, sebuah pasar awam yang bersih, sebuah pusat kesihatan yang terkawal rapi di tepi sebatang jalanraya yang lebar, dihiasi dengan bunga-bunga yang menarik di kiri kanannya, di samping keluha-

tan kelompok-kelompok petani sedang beristirahat di bawah pohon-pohon angsa, menghirup angin petang. Mereka penuh harapan kerana kualiti hidup mereka sedang dipertingkatkan dan banjir tidak menjadi satu perkara kecemasan lagi bagi mereka. Saya terjaga. Wah! rupa-rupanya itu sebuah mimpi sahaja.

Tuan Speaker, sekiranya kita semua ikhlas dengan hasrat kita melahirkan sebuah negeri yang makmur, maka langkah mengimbangkan pembangunan ekonomi negeri ini perlulah disegerakan dengan penuh keikhlasan. Orang Melayu di Pulau Mutiara ini masih melalui tahap pembangunan kelas tiga kerana ketiadaan program yang komprehensif untuk mengeluarkan mereka dari balutan kemiskinan. Dasar ekonomi yang memilih bulu dan warna kulit tidak menguntungkan negeri ini dan negara keseluruhannya.

Laporan PDC 1986 telah menggariskan peranan Perbadanan itu dalam m.s. 14 seperti berikut:-

“Sebagai agensi pembangunan Kerajaan Negeri yang utama, Perbadanan terlibat secara aktif dalam pengalakan dan pembangunan perindustrian, penggalakan pelancongan, perbandaran dan pembangunan semula bandar dan juga dalam projek-projek bertujuan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi rakyat negeri ini.”

Saya tidak hendak mendakwa bahawa kaum bumiputra tidak langsung mendapat *share* dari bahagian kek pembangunan ini. Dapat itu memanglah dapat, akan tetapi adakah ia mendapat juga bahagian *icingnya* iaitu satu bahagian yang ter sedap sekali daripada kek itu. Berkata lagi Laporan PDC 1987 pula m.s. 35 dalam bab Penyertaan Bumiputra:

“Dari segi peluang pekerjaan, pada akhir 1987 sejumlah 26,337 orang bumiputra telah mendapat pekerjaan di kawasan perindustrian yang dimajukan oleh Perbadanan. Ini merupakan 44.7 peratus daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan oleh sektor perkilangan di kawasan-kawasan ini”.

Nampaknya angka ini sungguh besar dan mempunyai nilai kuantitatif tetapi dari segi kualitatifnya tetap boleh dipersoalkan. Dari jumlah ini berapa peratuskah menduduki kategori pengurus-

an? Berapa pula dalam kategori pentadbiran? Bagaimana pula dalam kategori kemahiran? Jika daripada 44.7 peratus itu, ramainya berada dalam kategori kolar biru yang kemahirannya rendah, maka ini bukanlah suatu penyertaan yang aktif dari kalangan bumiputra. Mereka tak lebih daripada “ibarat abu di atas tunggul”.

Saya terbaca sebuah kajian yang dijalankan pada bulan Julai 1988 yang mengatakan bahawa penglibatan bumiputra di dalam kelas pekerjaan yang berpendapatan tinggi sangat tidak menggalakkan. Hanya 4.4 peratus sahaja bumiputra dalam kumpulan ikhtisas dan teknikal dan hanya 1.7 peratus sahaja dalam sektor pengurusan dan pentadbiran. Itu belum lagi kita masuk dalam perbincangan mengenai masalah ekuiti. Laporan PDC 87 dalam m.s. 5 menegaskan:

“Permintaan di masa hadapan sudah tentu akan berpusat terhadap berbagai jenis pekerja yang khusus kemahirannya serta kakitangan teknikal.”

Di sini boleh juga dipersoalkan. Sudah setakat manakah kita berbuat sesuatu untuk melahirkan pekerja yang khusus kemahirannya serta melatih kakitangan teknikal? Saya berpendapat ini adalah aspek terdekat yang harus kita sama-sama fikirkan dan laksanakan.

Elemen yang boleh mempercepatkan pembangunan satu-satu kaum ialah apabila wujudnya secara sempurna tiga strata kumpulan usahawan di dalam susun lapis masyarakatnya itu. Pertama, ialah usahawan kelas atasan, kedua kelas menengah dan ketiga, kelas bawah. Kita ramai usahawan bumiputra kelas bawah yang disuruh berebut-rebut projek “sisian”. Mereka disuruh menjaja, berniaga secara kecil. Kalau buat industri pun industri kecil yang untungnya amat *marginal*. Yang besar-besar kamu tak layak. Yang “*fringe*” itulah kamu rebutkan sesama kamu. Oleh kerana projek “*fringe*” kerjanya pun “*fringe*”. Untungnya pun “*fringe*” juga. Akhirnya bumiputra jadi “*fringe society*” di pulau gedung emas ini. Apa guna kuasa politik yang dipertahankan selama ini kalau perut masih terus-terusan separuh isi?

Meramaikan usahawan Melayu kelas menengah harus diberi prioritas buat masa ini. Mereka harus dibantu dan digalakkan penyertaan ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang berpotensi dan berkembang maju. Tidak adakah peluang langsung

dalam 289 buah kilang perindustrian kita untuk bumiputra tumpang setegok?

Tuan Speaker, tidak lama lagi kita akan men-debatkan Dasar Ekonomi Negara bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru. Walau apa nama pun diberi, saya tetap akan menyokong apa saja dasar ekonomi yang adil dan saksama untuk bangsa dan negara kita yang cintai ini. Bagaimana pun dalam mencari keadilan ini, kita pasti berlaku tidak adil kepada mereka yang sudah lama menikmati keadilan. Maksud saya mereka yang sudah kaya dan senang lenang, sama ada Melayu, Cina, India atau apa kaum sekali pun, mestilah sedia berkorban untuk orang Melayu, Cina, dan India serta apa kaum sekalipun yang miskin.

Oleh kerana takdir sejarah telah menolak orang Melayu ke lembah kemiskinan, maka orang bukan Melayu tidak sepatutnya berasa iri hati dengan sebarang usaha memberi keadilan ekonomi kepada kaum Melayu. Begitu juga dengan negeri ini. Oleh kerana orang bukan Melayu terutama kaum Cina sudah lama menikmati pancaran sinaran mutiara, maka berilah pula sedikit cahaya itu kepada orang Melayu.

Kita wajib melihat keadilan ekonomi dalam konteks kepentingan negara, bukannya kaum. Dasar Ekonomi Baru yang akan tamat tempohnya gagal mencapai matlamatnya kerana kita tidak melihat kepentingannya dalam konteks negara. Selagi kita tidak jujur mengatasi masalah ini, maka selagi itulah kita tidak dapat keluar daripada kemelut kepartian, untuk mara sebagai satu bangsa dari sebuah negara.

Tuan Speaker, tahun 1990 adalah Tahun Melawat Malaysia. Tempoh dua tahun lagi bukanlah lama. Soalnya apakah kita akan menghabiskan masa dua tahun akan datang itu untuk bertengkar, berhujah dan rebut-merebut ahli dan pengaruh sesama kita? Sesungguhnya ini adalah kerja bodoh yang merugikan. Masa dua tahun itu tentulah lebih bermakna jika kita tumpukan tenaga dan fikiran untuk memasarkan Pulau Pinang bagi meningkatkan kedatangan pelancong. Perutusan Pengerusi PDC dalam m.s. 4 Laporan Tahunan PDC 1987 menegaskan:

“Dalam bidang pelancongan, usaha-usaha penggalakan akan diperhebatkan lagi serentak dengan usaha penggalakan perindustrian.”

Saya fikir salah satu langkah untuk menggalakkan pelancong tinggal lebih lama di Pulau ini ialah dengan mengindah dan mencantikkan negeri ini. Kita mempunyai pantai yang cantik di dunia dan jambatan yang panjang di dunia, tetapi juga kita mempunyai masyarakat yang pengotor di dunia. Lihat betapa kotornya setengah-setengah gerai makanan dan warung-warung yang hendak kita pasarkan kepada pelancong luar. Selagi bau busuk dan sampah sarap yang menjadi kegemaran tikus, lipas, masih kelihatan di jalan dan warung maka selagi itulah pelancong tidak tertarik untuk tinggal lebih lama di sini, sebagai perangkaan puratanya 1.4 malam sahaja bagi hotel-hotel terpilih sama ada hotel bandaran atau pun pantai, seperti tercatat di halaman 29 Laporan Ekonomi Pulau Pinang 1987.

Mengikut sumber Jabatan Imigresen Pulau Pinang, pada tahun 1974 Pulau Pinang menerima sebanyak 100,773 orang pelancong. Angka ini meningkat kepada 248,438 pada tahun 1981, tetapi semenjak itu jumlahnya menurun sedikit demi sedikit hingga menjadi 142,675 orang pada tahun 1986, baru tahun 1987 naik sedikit kepada 153,881 orang. Kedua-dua tanda iaitu jangkamasa penginapan dan bilangan pelancong yang berprestasi menurun, secara spontan memberitahu kita ada silap di mana-mana.

Tuan Speaker, kebanyakan bandar besar di dunia mempunyai peraturan kebersihan yang ketat. Di Beijing sekarang ini, penghuninya tidak dibenarkan meludah di tepi jalan, apatah lagi membuang sampah di merata tempat. Di Singapura, semua warung dan tempat makan diwajibkan menggunakan pinggan kertas dan sudu plastik. Cara ini dapat mengelakkan air cucian dan sisa makanan mengalir ke longkang dan mengotorkan sungai. Penggunaan cawan dan pinggan kertas, diikuti dengan penguatkuasaan yang tegas dan sistem pungutan sampah yang teratur adalah jawapan kepada masalah kebersihan warung dan kedai makan di Pulau Pinang.

Antara perkara lain yang boleh memberikan kesan negatif terhadap industri pelancongan di Pulau Pinang ialah:

- a) Pencemaran terhadap kebersihan pantai;
- b) Masalah masyarakat setempat yang tidak memberi keselesaan kepada pelancong seperti gangguan ketenteraman dan kecurian;

- c) Wujudnya kegiatan kereta sewa yang tidak berlesen;
- d) Infrastruktur yang tidak baik seperti jalanraya yang tidak sistematik;
- e) Kekurangan tempat-tempat melancong yang dimajukan;
- f) Kekurangan kemudahan asas seperti pondok telefon, tandas awam dan lain-lain.

Tuan Speaker, seperti juga di sektor lain, kaum bumiputra masih juga tidak berinsentif untuk mengambil bahagian yang cergas dalam industri pelancongan. TDC melaporkan dari 115 agensi pengangkutan pelancongan yang berdaftar, cuma 5 sahaja diusahakan oleh bumiputra iaitu Hana Travel, Vienna Travel, Overland Travel, Indo Chitra dan Masmara. Lain-lain agensi daripada pengangkutan seperti penginapan dan rekreasi angkanya kosong. Dengan itu adalah perlu diberi galakan kepada kaum bumiputra, agar keseimbangan dalam aktiviti ini diperolehi, supaya peluang pendapatan yang dijangka meningkat dapat diagihkan kepada bumiputra.

Selain daripada itu, pemandangan yang melilukan di kawasan setinggan dan kampung tradisional yang uzur, yang rata-ratanya dipenuhi oleh orang Melayu perlulah dihapuskan, dengan membawa kemajuan ke kawasan ini. Mengikut sumber Kerajaan Negeri terdapat seramai 321 orang setinggan menduduki tanah Kerajaan Negeri yang melibatkan jumlah kawasan seluas 184 ekar. Ini jawapan yang saya terima kepada soalan lisan saya di Dewan yang mulia ini bertarikh 22 Jun 1987 yang lalu. Tetapi dari sumber lain pula saya memperolehi angka yang lebih besar iaitu 592 buah rumah setinggan di daerah Butterworth sahaja manakala 8 buah di Bukit Mertajam. Saya kurang pasti angka mana yang betul. Katakanlah yang pertama itu betul, pun data ini tidak memberi gambaran sebenar kerana secara pemerhatian terdapat banyak kawasan-kawasan yang mempunyai ciri-ciri perumahan setinggan dan kawasan sesak atau *slum* di mana rumah-rumahnya berkeadaan buruk dan sederhana buruk.

Tuan Speaker, kita mestilah memikirkan kesannya kepada imej negara Malaysia jika pelancong yang melawat Pulau Pinang nanti melihat rumah setinggan dan kampung Melayu yang uzur. Sudah sampai masanya identifikasi kaum mengikut pekerjaan, taraf ekonomi dan penempatan di Pulau

Pinang ini diubah bagi mencerminkan identiti sebuah masyarakat berbilang kaum yang adil dan saksama.

Kelewatan Kerajaan Negeri mengatasi masalah ini adalah disebabkan ketidaktegunan melaksanakan program ekonomi untuk orang Melayu. Selagi bangsa Melayu di Pulau Pinang tidak mendapat keadilan ekonomi, selagi itulah ia akan menjadikan isu perkauman yang boleh merebak ke negeri-negeri lain. Sejajar dengan hasrat melipatgandakan kemajuan rakyat Pulau Pinang, kaum bumiputra jangan bersikap mudah kalah. Isikan jiwa dengan semangat berani, kepintaran dan pengorbanan yang tinggi, kalau perlu mendinamikan budaya tradisi.

Seorang penjual belon berkulit hitam, sedang menjual belon di tengah Kota Chicago. Belon dilepaskan satu persatu supaya terbang ke udara untuk menarik perhatian kanak-kanak. Gelagatnya diperhatikan oleh seorang kanak-kanak bangsa Amerika. Kanak-kanak itu menghampirinya lalu bertanya, "Uncle, kenapa belon putih itu terbang rendah manakala yang lain naik tinggi?" Jawab orang Negro itu, "Nak, yang menyebabkan naik tinggi rendah bukan warna, tetapi isinya." Kepada kaum bumiputra saya berseru jadikanlah diri anda seperti belon-belon itu.

Tuan Speaker, seperti yang saya katakan tadi, kita akan melangkah ke abad 21 tidak lama lagi. Penganalisa ekonomi dan politik dunia meramalkan abad ke 21 tidak lama lagi. Penganalisa ekonomi dan politik dunia meramalkan abad ke 21 sebagai abad pasifik yang akan menjadikan rantau ini sebagai pusat tumpuan kuasa besar dan pusat perkembangan ekonomi dunia. Tentu sekali Pulau Pinang yang mendapat jolokan "*Silicon Valley of Malaysia*" akan menikmati manfaatnya. Kejayaan lawatan pelaburan Perdana Menteri yang mahukan pelabur asing menjadikan Malaysia pengkalan untuk memasuki pasaran Negeri Cina dan Jepun pasti akan menguntungkan Pulau Pinang.

Bagaimana pun, semua peluang untuk maju ini akan menjadi sia-sia sahaja, jika kita masih tidak keluar daripada lingkaran kepuakan dan politik perkauman yang sempit. Sudah sampai masanya kita berfikir dan bertindak sebagai satu bangsa Malaysia untuk sama-sama bergerak dan berusaha menjadikan Pulau Pinang negeri yang makmur untuk semua rakyatnya. Inilah sebaik-resolusi dan tekad yang perlu kita miliki untuk

melangkah ke tahun 1989.

Tuan Speaker, saya menyokong usul ini.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguh selama 15 minit untuk minuman ringan.

Dewan ditangguh pada jam 11.20 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 11.45 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Siapa yang ingin mengambil bahagian? Ahli Yang Berhormat Kawasan Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya bangun untuk mengambil bahagian dan menyokong Usul Belanjawan yang dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri mengenai Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1989 pada petang semalam.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri petang semalam adalah satu Rang Undang-undang yang tidak membebankan mana-mana pihak dan Rang Undang-undang yang benar-benar realistik dan untuk kebaikan kesemua rakyat di negeri kita ini.

Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang dikaji dengan teliti dan dibuat untuk pegawai-pegawai yang sungguh-sungguh bertanggungjawab. Saya di sini mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai Persekutuan yang telah memberi kerjasama di atas menggubalkan Rang Undang-undang Perbekalan dibentangkan di sini pada petang semalam oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Rang Undang-undang ini yang benar-benar bertanggungjawab. Apa yang saya tahu yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini bahawa Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri di Malaysia ini yang mana Rang Undang-undang Belanjawan yang dirancang oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang mana beliau telah berbincang dengan Menteri berkenaan terlebih dahulu. Ini menunjukkan Ketua Menteri kita

sungguh-sungguh bertanggungjawab berkenaan dengan Rang Undang-undang yang begitu jelas dan nyata bahawa Ketua Audit Negara juga bersetuju. Baru-baru ini kita adakan Seminar Kewangan Awam di Negeri Pulau Pinang ini dan di situlah kita nyata dengan jelas bahawa perbekalan Rang Undang-undang dikaji, diselidik terlebih dahulu. Jadi Tuan Speaker, tuduhan daripada parti pembangkang yang menyatakan yang Kerajaan mengemis untuk mendapatkan peruntukan itu adalah tidak benar. Itu bukan mengemis, tetapi berbincang bagaimana kita hendak mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih untuk rakyat. Kerajaan sama Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri adalah perlu, jadi perbincangan dan pandangan-pandangan daripada Kerajaan Pusat perlu, jadi perbincangan dan pandangan-pandangan daripada Kerajaan Pusat perlu. Sebab itu kita mengadakan perbincangan — bukan mengemis. Saya menolak tuduhan itu, itu adalah satu tuduhan yang tak betul.

Tuan Speaker, belanjawan ini menggambarkan bahawa ekonomi negeri ini sedang mengalami pemulihan daripada kemelesetan ekonomi yang melanda negeri kita sejak tahun 80an dahulu. Dalam keadaan ini adalah diharapkan semua pihak dapat memberi faedah kepada semua rakyat dan juga kepada orang-orang yang berkenaan. Belanjawan tahun 1989 juga menekankan perlunya disiplin pengurusan kewangan yang ketat di dalam keadaan pemulihan ekonomi yang belum mantap ini.

Jadi Tuan Speaker, pentadbiran dan pengurusan adalah satu aspek kerja kegiatan Kerajaan. Kegiatan kerja inilah yang sentiasa mempunyai hubungan yang amat rapat dengan rakyat jelata. Pengurusan dan pentadbiran memainkan peranan penting untuk kehidupan rakyat kita semua.

Tuan Speaker, oleh kerana negeri kita ini negeri yang berbilang kaum dan berbilang agama, kita perlu memahami hakikat rakyat. Parti Barisan Nasional ini parti yang boleh membangunkan negara kita dan mendapat amanah daripada Kerajaan untuk memajukan negara dan rakyat kita ini. Jadi walaupun Barisan Nasional mengandungi banyak parti bak kata pepatah Melayu — “Tidor bantal lain-lain tetapi mimpinya sama”. Walaupun parti lain tetapi haluan adalah sama. Tujuannya ialah untuk membangunkan dan memajukan rakyat kita. Inilah, tapi mimpi saja, tapi saya tak sempat nak mimpi tapi untung kawan saya daripada

Pinang Tunggal dia boleh mimpi. Saya tak sempat nak mimpi kerana kerja terlalu banyak. Nak tidur pun kadang tak sempat — letih kerana kerja. Mimpi pun tak datang.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Kerja apa?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Kerja untuk rakyat — boleh pening. Jadi kita kena kerja kuatlah. Ini Barisan Nasional, kita betul-betul kerja, Tuan Speaker. Sebab itulah kita bukan macam orang sebelah. Dia tahu mengadu, *complaint* dan sebagainya. Jadi apa yang kita buat semua tak kena. Kita Barisan Nasional ini perlu dan menerima segala tegoran dan bantuan khidmat nasihat daripada siapa sahaja bahkan rakyat dari taraf bawah hingga atas. Jadi kita berharap kepada kawan-kawan kita supaya dapat membantu Kerajaan yang mana Kerajaan kita pada hari ini mengharapkan bantuan dan tenaga yang lebih kuat. Kita perlu bersatupadu untuk mengemblengkan tenaga untuk membantu rakyat kita yang perlu bimbingan bagi memajukan negara kita pada hari ini.

Barisan Nasional seperti kata kawan saya daripada Pinang Tunggal tadi, dianggapkan sebagai bukan satu perahu tetapi satu tongkang. Pada saya pula bukan begitu — dulu tongkang, kapal layar, sekarang ini kita dah mempunyai kapal besar. Kita ada juruteknik-juruteknik yang ramai, yang pandai di zaman kemajuan ini. Barisan Nasional telah *promote* juruteknik yang ramai, *engineer* yang ramai menjadikan satu kapal. Zaman *nuclear* ini kita petik saja suis, semuanya sudah dapat jalan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Submarine!

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Submarine! Boleh tembak semua DAP yang kacau-kacau. Ini sudah maju, siapa datang, kita boleh lawan sekarang. 10 DAP pun kita tak takut, sekarang tinggal 8 lagi senang.

Tuan Speaker, peruntukan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri petang semalam sebanyak \$68,146,170.00 ini adalah peruntukan

untuk membayar perkhidmatan kepada kakitangan kakitangan Kerajaan dan kita mengharapkan kakitangan-kakitangan Kerajaan akan membayar balik dengan tenaga mereka supaya usaha-usaha mereka ini dapat membangunkan negeri kita ini.

Bukit Mertajam adalah sebuah daerah yang luas, penduduknya hampir 200,000 orang lebih. Yang menyedihkan ialah pejabatnya, yang terlalu uzur yang mana Ahli Parlimen 2 orang, satu daripadanya ialah Encik Chian Heng Kai dari Berapit, 6 orang ADUN dan pegawai-pegawainya begitu banyak. Pejabat Daerah ialah pusat pembangunan Daerah Seberang Perai Tengah. Pejabat Daerah terlalu uzur. Kalau kita masuk ke dalam Pejabat Daerah kita dapat susunan pejabat berbilik-bilik serupa dengan sardin. Jadi kalau tempat duduk itu, tak selesa — mana nak datang idea-idea yang baik untuk membangunkan daerah itu? Bilik Mesyuarat itu pun sempit, sesak, nak lalu pun susah. Saya berharap kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil perhatian yang serius dan dapat membina Kompleks Pejabat Daerah, Bukit Mertajam dengan seberapa segera yang boleh kerana Pejabat Daerah Bukit Mertajam itu penting. hingga kawasan nak meletak kereta pun tak ada tempat.

Begitu juga Negeri Pulau Pinang, sebuah Kompleks Agama Islam patut dibina di Negeri Pulau Pinang kerana agama Islam adalah agama rasmi dan terdapat jabatan Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, Pejabat Zakat, Baitulmal dan berbagai-bagai. Jadi patutlah Jabatan Agama Islam Kerajaan Negeri mengambil perhatian supaya membangun satu Kompleks Agama Islam. Kalau boleh buat di sebelah Seberang Perai sana kerana mungkin di Pulau Pinang ini tidak ada tempat lagi dan tempat yang ada ini kita jadikan Pejabat Kadi Pulau Pinang. Kita buat satu tempat yang indah. Padankan dengan Agama Islam ini sebagai agama rasmi di negara ini.

Tuan Speaker, saya sangat tertarik hati dengan seruan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamed bahawa pegawai-pegawai Kerajaan dengan Wakil-wakil Rakyat hendaklah berhubung baik, bersefahaman demi untuk memajukan rakyat di negara ini. Saya berharap ahli-ahli pembangkang kita juga dapat memberi kerjasama dengan pegawai-pegawai kita. Selama ini kita Wakil Rakyat Barisan Nasional sentiasa memberi kerjasama dan persefahaman dengan

Pegawai-pegawai Kerajaan. Dengan adanya persefahaman ini kita dapat membina negara kita dan membangunkan kawasan masing-masing mengikut kehendak dan harapan rakyat yang mana rakyat menanti ataupun menunggu harapan, mengharapkan sesuatu yang baik melalui Wakil Rakyat dan pegawai-pegawai. Oleh itu saya berharap kepada pegawai-pegawai hendaklah menjalankan tugas bersungguh-sungguh. Kami pihak Wakil Rakyat sentiasa memberi kerjasama dan saya berharap juga pegawai-pegawai hendaklah mengenalpasti benar-benar tugas dan bidang mereka masing-masing. Kalau bahagian pertanian — jaga pertanian. Kalau bahagian tanah — jaga tanah. Kalau bahagian perumahan kita buat cara perumahan dan juga kita kenalkan mana Exco tanah, mana Exco perumahan. Jika bahagian Exco perumahan, kita panggil Exco tanah bagi menyelesaikan masalah itu tak boleh. Kalau Exco pertanian kita panggil Exco tanah pergi tak bolehlah. Kalau boleh Exco tanah kita cari Exco tanah untuk menyelesaikan masalah — menjalankan satu-satu tugas yang bersangkutan. Itu mesti kita kenalpasti betul-betul, kalau tidak bercanggah. Bila bercanggah siapa nak salah? Ini yang kita mesti jaga kerana hubungan baik ini datangnya daripada satu pihak. Kalau satu pihak pandai mengatur, insyaallah kita beri.

Begitu juga kita sebagai pegawai dan Wakil Rakyat mestilah merahsiakan kerja-kerja dan juga rahsia pejabat. Rahsia Kerajaan dan rahsia pejabat mesti dirahsiakan. Sesuatu kerja yang hendak dijalankan, kita keluar dari mesyuarat tak sampai di rumah lagi perkara itu dah tahu. Ini dari mana datangnya? Inilah kita nak kena jaga rahsia pegawai dan rahsia kerja kita. Kerana rahsia boleh meruntuhkan sesuatu negara. Saya teringat semasa ucapan Y.A.B. Perdana Menteri bahawa di zaman dulu Kerajaan China, askar-askar dia, dia bagi duduk dengan orang ramai, satu keluarga bela satu askar, askar itu ditanggungjawabkan untuk satu keluarga. Satu hari rahsia untuk menjatuhkan Kerajaan, dia orang senyap-senyap walaupun dia orang duduk asing-asing tetapi dia menjatuhkan Kerajaan itu. Dia boleh menyimpan rahsia. Oleh itu rahsia mesti disimpan betul-betul kerana rahsia boleh menggugat Kerajaan.

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang mana belanjawannya ini ialah belanjawan yang betul-betul untuk memaju dan meningkatkan taraf hidup rakyat di negeri ini walaupun keadaan sekarang ini begitu baik tetapi hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk

meningkatkan taraf hidup dan prestasi pentadbiran ini amat baik. Saya juga mengharapkan Kerajaan Pusat dapat mengkaji semula peruntukan-peruntukan atau ditambahkan peruntukan kepada Kerajaan Negeri memandangkan Kerajaan Negeri ini mempunyai rakyat yang ramai dan juga banyak rancangan-rancangan hendak dibereskan. Maka peruntukan-peruntukan hendaklah dikaji semula. Jangan Kerajaan Pusat menganggap Negeri Pulau Pinang sebuah negeri yang kecil, jadi peruntukan dikurangkan tetapi walaupun negerinya kecil tetapi prestasi dan kerjanya lebih. Kita mesti melihat pada mutu kerja dan bilangan rakyat di negeri ini. Oleh itu saya berharap kepada Kerajaan Negeri untuk membincang bukannya mengemis seperti kata kawan kita tadi, mengemis — ini tak betul — tetapi membincangkan masalah-masalah yang kita hadapi supaya peruntukan pusat kepada negeri ini dapat ditambahkan lagi.

Di samping itu saya juga mengharapkan kepada Kerajaan Negeri untuk membanyakkan ataupun menambahkan kilang-kilang, meninggi dan menggalakkan sektor swasta di negeri ini. Saya juga berharap kepada Kerajaan Negeri supaya menumpukan kepada industri kampung — *cottage industry* — di kawasan-kawasan perkampungan. Kerana kalau kita tumpukan kepada bandar mereka akan menggunakan bahan-bahan yang ada di kampung-kampung, bahan-bahan yang ada di sekeliling kawasan mereka. Kita boleh bagi latihan kepada mereka, latihan sambil kerja seperti mana yang diserukan oleh Kerajaan Negeri melalui Exco Tenaga Rakyat yang memberi latihan sambil kerja. Ini amat baik. Juga jika industri kampung ini dapat dipromote ataupun dimajukan. Insyaallah rakyat di luar bandar dengan sendirinya dapat ditingkatkan pendapatan mereka. Kalau tak boleh adakan dengan sepenuh masa, kita boleh adakan *cottage industry* sebagai kerja-kerja sampingan. Kerana ini sudah menjadi amalan kita dari dulu lagi. Kalau pagi dia buat bendang, dia memotong, petang dia anyam tikar. Kalau petang mengerat padi malam dia menjahit kain, menenun, memukat dan sebagainya. Itu dapat menambahkan lagi pendapatan orang-orang kampung.

Saya juga mengharapkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri manakala melawat ke luar negeri janganlah tengok dan menumpukan kepada kilang yang besar-besar saja, kilang yang beratus-ratus juta, cuba selidik kilang yang kecil-kecil yang boleh dibuat di belakang dapur dan belakang rumah. Itu penting. Kerana itu me-

libatkan keseluruhan manusia. Makcik dan pakcik di rumah pun boleh juga buat kerja, yang tua-tua(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Anak pun boleh buat?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Itu tentu! Kerana kalau kilang besar-besar hanya untuk orang muda, orang yang ada kebolehan, hendak orang yang muda yang keluar lepasan sekolah, yang bertenaga dan sebagainya. Tetapi kalau *cottage industry* ini duduk di belakang rumah, siapa saja, mak bapak kita boleh buat kerja dan kemudahan-kemudahan pinjaman dan bantuan khidmat nasihat diberi dan kita banyakkkan lagi latihan sambil kerja ini. Ini kerana pengeluaran hasil yang banyak di Negeri Taiwan dan China ke seluruh dunia ini adalah *cottage industry*. Begitu juga Negeri Korea, kalau buat kepiah putih itu bukan kilang besar-besar, kilang di belakang rumah. Itu patut kita tumpukan.

Di samping itu juga, industri makanan iaitu industri mengetin dan sebagainya kita mesti pastikan. Jabatan Agama Islam juga mesti pastikan kilang-kilang mengetin. Kita tulis di sana "Di Tanggung Halal". Benda itu halal pun tidak, siapa yang pergi *check*? Siapa yang pergi tengok? Itu pun kita nak pastikan. Patutnya Jabatan Agama Islam adakan satu *department*, mengkaji pengeluaran-pengeluaran makanan itu supaya betul-betul bersih, bersih dari segi agama. Kita tak hendak cop "Di Tanggung Halal" tetapi benda itu belum tentu halal atau pun tidak. Ini perlu kerana kita Jabatan Agama Islam ini luas, bukan setakat nak tangkap khalwat, tak puasa dan sebagainya.

Tuan Speaker, peruntukan \$50,000.00 untuk pembangunan Agama Islam, pada saya adalah tidak cukup, kalau boleh lebih lagi \$150,000.00 kalau boleh. Sebab apa di bawah kod 4022 mengadakan \$50,000.00 telah diperuntukkan untuk sumbangan kepada peruntukan bimbingan pelajar-pelajar. Ini pada saya tidak cukup kerana apa yang kita jalankan pada tahun sudah, kita telah beroleh kejayaan. Patut kerja-kerja ini disambungkan kerana dengan wang ini kita dapat mendidikkan jenerasi kita, tenaga muda, orang-orang kita ke arah yang baik. Kita dapat mengadakan kursus-kursus, kita adakan kelas bimbingan dan sebagai-

nya. Pada saya peruntukan sebanyak \$50,000.00 ini tidak cukup, kalau boleh dikaji semula.

Begitu juga dengan guru-guru agama yang mengajar di surau, masjid yang di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam. Gaji-gaji mereka juga hendaklah dikaji, diselaraskan mengikut KEMAS, padankan. Saya dapati gaji-gaji mereka terlalu rendah. Kerja agak sama, patut diselaraskan. program-program hendak dijalankan oleh Jabatan Agama Islam, peruntukan bimbingan pelajar-pelajar ini hendaklah diuruskan dengan sendiri. Kita tak hendak program ini disalahgunakan oleh orang-orang lain. Ini hendaklah diambil perhatian. Saya dapati dua, tiga program yang saya hadir bersama seperti di U.S.M., ada satu dua tempat diserahkan untuk orang lain, kita lepas tangan. Orang lain yang makan angka, lain yang kena getah. Saya tak naklah kata siapa buat, Jabatan Agama Islam dapat, orang lain yang kelola. Matlamat dan tujuan tak sama. Kita haraplah sebarang program yang hendak dibuat ini hendaklah dipasti betul-betul supaya peruntukan kita tidak disalahgunakan oleh orang-orang lain.

Tuan Speaker, persefahaman dan gerak kerja jabatan ataupun pegawai-pegawai adalah perlu. Saya berharap kepada pegawai-pegawai hendaklah bekerjasama sesama pegawai, jabatan sama jabatan. Kalau orang kata jabatan sama jabatan tak "ngam", — ini jadi masalah. Jadi kita nak bantu Kerajaan tak boleh. Nak bantu rakyat tak boleh. Kalau pegawai dengan pegawai, pegawai dengan Wakil Rakyat, jalan tak seiring seperti kata "lagu dan irama" tak boleh dipisahkan. Tetapi saya tengok ada jabatan-jabatan — saya tak hendaklah nak berkelahi dengan siapa-siapa, tapi saya nak cerita betul-betul. Ada pegawai-pegawai dalam satu jabatan pun tak sama, tak "seangin". Misalnya satu orang kampung, dia nak pergi jumpa — masalah padi dia kata bukan pertanian punya, ini LPP punya, dia pergi berjumpa LPP, LPP kata ini MARDI punya, MARDI pula kata ini LPN punya, macam-macam lagi. Jadi di sini rakyatlah yang menjadi mangsa. Saya mintalah jabatan-jabatan dapat "ngam" iaitu memberi kerjasama. Itulah yang saya kata tadi "lagu dan irama" tak boleh dipisahkan. Pegawai dengan Wakil Rakyat tak boleh dipisahkan. Kalau dipisahkan hampa, kecewalah rakyat. Ini yang penting.

Tuan Speaker, saya tak pakai teks, saya nak bercakap juga sebab ahli-ahli lain tak nak bercakap. Jadi saya ambil peluang inilah. Jadi saya

mengikut apa yang Yang Amat Berhormat bercakap.

Tuan Speaker, mengenai Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sebuah jabatan yang baik, yang menolong orang susah. Semua orang sayang kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana boleh bantu. Saya mengharapkan pembinaan bangunan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini disegerakan dan peruntukan hendaklah ditambahkan lagi tahun ini sebanyak \$18,000.00 dan segala bantuan dan permohonan hendaklah disegerakan dan diselidik dengan rapi kalau nak buat pemotongan pun jangan dengar cakap orang. Kadang-kadang kawan-kawan yang sudah biasa dapat bantuan itu benar-benar dhaif, manakala jiran di sebelah rumah itu dengki. Dia pergi cakap dekat pegawai yang tuan ataupun Encik yang dapat bantuan itu senang kerana dia ada anak, ada menantu tetapi yang sebenarnya dia tiada siapa. Jadi bila pegawai buat pemotongan, dia cari Wakil Rakyat, kadang-kadang Wakil Rakyat kena bagi dululah, *advance*, kerana makan tak dak. Inilah saya minta Pegawai-pegawai Kebajikan dapat selidik dan kaji sebelum nak buat pemotongan.

Begitu juga dengan bantuan pelajaran. Bila tiba masanya untuk bayar yuran peperiksaan ada satu keluarga ini dia ada dua orang anaknya mengambil SPM dan yang seorang nak ambil SRP, jadi kesemuanya ada tiga orang yang mengambil peperiksaan dan ini merupakan satu bebanan bagi keluarga tersebut. Jadi Jabatan Kebajikan ini patut mengadakan satu tabong khas untuk membantu penduduk-penduduk luar bandar yang miskin untuk membayar yuran peperiksaan mereka dan juga buku-buku yang perlu dibeli. Saya berharap pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat mengambil perhatian terhadap perkara tersebut kerana kadang-kadang yuran peperiksaan ini dibayar oleh Wakil Rakyat sendiri. Bila lambat sangat proses, jadi tak ada peruntukan, maka kena *refer* sana, sini. Kalau boleh, jabatan ini adakan satu peruntukan *petty cash* dan sebagainya. Kerana tarikh pembayaran yuran peperiksaan itu terhad, iaitu hanya untuk beberapa hari saja.

Tuan Speaker, tebusguna tanah yang dilakukan oleh PDC di persisiran laut Prai yang melibatkan beratus-ratus hektar. Saya takut penambunan tanah ini boleh melibatkan nelayan-nelayan persisiran atau nelayan-nelayan di kawasan Juru kerana penambunan tanah ini bermula daripada Titi Jam-

batan Prai sampai ke Juru. Kerang mungkin akan mati, ikan-ikan di kawasan itu akan lari pergi ke lain tempat. Maka kehidupan nelayan akan terancam. Oleh itu (gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ada buaya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Datuk Rahman kata takut buaya lari ke situ. Buaya memang ada, di atas darat pun ada. Jadi saya mengharapkan kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil perhatian yang lebih dan mengkaji dengan teliti penambunan tanah itu supaya tidak menjejaskan nelayan-nelayan yang miskin di kawasan Juru. Saya rasa perkara ini telahpun dibangkitkan berkali-kali di Dewan Undangan Negeri yang lalu dan juga pertubuhan-pertubuhan lain supaya benda ini diselidik, dikaji terlebih dahulu supaya nelayan-nelayan ini tidak terjejas.

Tuan Speaker, Rancangan Kerajaan untuk memasukkan bekalan api dan air kepada penduduk-penduduk di negeri ini ke tahap 100% saya ingat susah kerana ada perkara-perkara yang timbul dan menghalang di mana rumah-rumah di kampung khususnya penduduk-penduduk di luarbandar ini, dia tidak mempunyai tanah sendiri. Ada yang menumpang di atas tanah orang, bila menumpang atas tanah orang, nak masuk paip ada rintangan dan halangan daripada tuan tanah. Yang menjadi peliknya, paip besar boleh masuk, paip kecil tak boleh. Yang selalunya paip kecil boleh masuk, paip besar susah, jadi terbalik pula. Oleh itu saya mintalah kepada pihak yang berkenaan, Kerajaan Negeri dapat mengubah dasar ini. Supaya polisi ini dapat dilonggarkan demi perikemanusiaan. Bukan kawasan saya saja mungkin kawasan-kawasan lain pun ada. Kalau boleh berkenaan dengan kemasukan api dan air ini, kita minta kelonggaran ataupun dilonggarkan daripada kebenaran tuan tanah kerana ini adalah sifat perikemanusiaan. Lagi satu kalau nak masuk air, dia terpaksa kena ada nombor. M.P.S.P. ataupun M.P.P.P. kena keluar nombor jika tidak, tak dapat bekalan air. Saya datang pada hari ini lambat sikit, ½ jam datang lambat ini disebabkan fasal api nak masuk di rumah. Rumah lama nombor tak dapat, buat permohonan ditolak. Kandungan surat berbunyi:

“Permohonan tuan diterima dan ditolak dan

minta kemukakan plan untuk pertimbangan."

Jadi rumah itu rumah lama dan tiap-tiap permohonan nak nombor "T.S." yang disahkan oleh J.K.K.K., Penghulu ataupun Wakil Rakyat. Jadi manakala Wakil Rakyat itu sah, maka rumah itu rumah lama. Sebab apa Wakil Rakyat, Penghulu dan J.K.K.K. selalu saja bersempang, minum kopi di rumah itu. Anak buah dia orang, dia orang pergi tengok, dia tahu rumah itu rumah lama, bukan rumah baru. Pegawai yang pergi itu, dia cari tiga hari tak jumpa lagi rumah itu. Bila dia sampai, dia tengok rumah itu rumah lama, tapi dia kata rumah baru. Pada hal rumah itu rumah lama, rumah itu *direpair* sedikit sebanyak — rumah itu sangat buruk. Anak dia dapat kerja, lulus SPM. Masa dulu dia miskin, dia jimat nak bagi anak dia mengaji sekolah. Sekarang anak dia dah pandai dah dapat kerja, *repair*lah rumah, tukar dinding, lantai, bumbung dan sebagainya. Sebab apa, kita berkehendakkan tempat perlindungan yang baik. Tiang kadang-kadang tukar, kadang-kadang tak tukar, tiang pakai tiang lama juga.

Jadi bila berkehendakkan api dengan air. bila tak dapat — hampa. Air tak dak, macam mana? Jadi saya mintalah pihak yang berkenaan dapat mencari jalan supaya memberi kemudahan kalau boleh, tak dak nombor pun tak apa. Buat *agreement* ataupun persetujuan dengan P.B.A. Sebenarnya P.B.A. bila nak bagi air di mana saja dengan syarat ada nombor. Kita longgarkan nombor itu. Kemudian pun tak apa, bagi air dulu, air dan api yang mustahak kerana kita amalkan minum air bersih. Kerana kita takut menjadi macam kelmarin — pembuangan sisa-sisa kilang mengalir ke sungai masuk dalam tanah pergi ke telaga. Sekarang ini tandas curah semua buat kolam 50 kaki daripada telaga air itu, tak bersih kalau kurang dari 50 kaki. Kita mesti utamakan minuman. Saya ucapkan terima kasih kepada P.B.A. yang mana kita minta di nak bagi, tapi dia kata macam mana Yang Berhormat saya nak masuk, nombor tak ada, kerana sudah ada *agreement*. Saya mintalah kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menyelesaikan masalah nombor bagi rumah-rumah kampung. Ini betul-betul. Sebab apa di kampung-kampung ini bukanlah hanya satu bangsa saja yang tinggal — Cina, Melayu, Hindu semua ada. Rakyat jumpa kita "apa Yang Berhormat, ini air pun tak boleh masuk, ini nombor punya fasal." *Sorry*lah Mr. Shanmugam, I cakap macam itu. Betul tak? Dia mengaku betul, kerana

di kawasan Kampong Telok banyak. Dia sokong saya hari ini. Ada tiga kosong, saya ingat lain tahun habis Dewan Undangan, ketiga-tiga itu penuhlah. Ada dengar angin nak datang, Prai, Batu Lanchang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Berapit?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Berapit tak boleh.

Tuan Speaker, masalah pembangunan di kawasan kampung ataupun kemudahan-kemudahan untuk orang kampung itu patut kita bagi keutamaan, terutama kepada bahagian kebersihan dan banjir dan sebagainya. Jadi, Tuan Speaker, Jabatan Kerja Raya jaga jalan sahaja. Jalan rosak, ada yang tampung, ada yang tidak tampung. Kadang-kadang jalan itu jadi jalan batik. Saya ingat kita sahaja ada baju batik, jalan pun ada jalan batik. Tidak apalah, asal boleh berjalan tak apa. Jadi kita mahu jalan ada *uniform* — sama. Kalau kita banding jalan di Seberang Perai dengan jalan di sebelah Kedah, jauh bezanya. Kadang-kadang orang tanya, bila berjumpa sama-sama Yang Berhormat atau pegawai-pegawai di sana — "Apa jalan Pulau Pinang teruk sangat?" Kita nak jawab macam mana, kita bukan Exco. J.K.R. J.K.R. kata dia tidak ada wang, tetapi peruntukan ada. Bila kita pergi persidangan UMNO di Kuala Lumpur dan sebagainya, daripada Kedah sampai Perak *best*. Bila sampai ke Pulau Pinang, *cut*, tidak *best*. Yang inilah saya minta Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Kumbar tolong perhati, terutama di kawasan Seberang Perai. Kita nak datang mesyuarat pun kadang-kadang lambat, jalan *slow*. Daripada Jarak dalam kawasan saya sampai ke Penanti, Tanah Liat, Batu 10, Ara Kuda, lagi satu baru-baru ini, kelmarin saya pergi ke Jarak, jalan di Padang Menora daripada Jarak sampai Padang Kedap cukup teruk. Betul tak Encik Mohd. Shariff? Itu kawasan Exco — dua Exco. Jalan itu jalan *disco*. Anak saya kata "Apa papa, ini naik kereta kudakah?"

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan, Tuan Speaker, boleh? Kamu naik Mercedes, bukan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tidak, saya naik motor masa itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Mana motor — Mercedes!

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Saya naik motor.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Kalau naik Mercedes dia boleh rasa, macam mana kalau naik Toyota?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Saya naik motor hari itu. Saya ada motor di rumah.

Jadi jalan di kawasan Seberang Perai, saya rasa keseluruhannya patut dikaji semula dan dibesarkan kerana kereta-kereta banyak lalu lalang, penduduk pun bertambah, teruama sekali kita hendak menyediakan untuk tahun 2000 sebagaimana yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri penduduk akan bertambah dengan begitu pesat.

Di samping jalan, parit-parit di tepi jalan kenalah buat. Parit-parit itu sedia ada. Masa kita kecil-kecil dahulu, masa belum Merdeka, pegawai-pegawai ataupun *labourer-labourer* J.K.R. selalu korek, tebas dan sebagainya. Tetapi sekarang ini tidak boleh dikorek, fasal apa?

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Minta penjelasan, boleh sebutkan nama kawasan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Kawasan Permatang Pasir, ADUN Kawasan Permatang Pasir keseluruhannya.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tempat yang betul-betul kata tersumbat, tidak boleh jalan air itu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Jalan Permatang Pasir, Jalan Guar Perahu (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Jalan Ayer Putih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Balik Pulau sendiri pun, bukan Permatang Pasir sahaja. *Roadside table* semak, orang nak lalu pun susah. Bila nak buat kerja, tunggu gotong royong sekali. Dekat nak SEMARAK gotong royong, lepas itu tinggal. Kerja *continue* tidak sambung. Itu jadi masalah sekarang ini, semak balik. Bila parit itu tidak ada air tidak boleh lalu, dia nak lintas jalan. Air pun nak lintas jalan juga. Jalan rosak. Kalau boleh, kalau jalan nak bagi elok, parit nak diselenggarakan, baru air boleh berjalan. Kadang-kadang kereta rosak. Kalau orang, orang rosak. Jadi saya mintalah kepada J.K.R. supaya di samping jaga jalan, jaga juga parit. Bila nak buat parit, dia kata parit *private*, tanah orang ramai tidak boleh. Tiap-tiap jalan ada peruntukan parit. Dahulu boleh korek, sekarang tidak boleh korek, kenapa? Bila kita jumpa pegawai, pegawai kata "Tidak boleh Yang Berhormat, tidak boleh korek sebab parit di tanah orang." Tetapi dahulu boleh, kenapa sekarang tidak boleh? Satu lagi mengenai pegawai "Tidak apa Yang Berhormat, minggu depan kita buat, *don't worry*." Apabila kita tunggu sampai 2 bulan tidak sampai korek parit, macam mana?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Sendiri koreklah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tidak bolehlah, kita tidak ada kereta korek seperti Y.B. Encik Lim Hock Seng punya kawasan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Penjelasan. Kamu sudah nasib baik ada parit. Saya punya tempat parit pun tidak ada. Sudah ada parit lagi mahu bising!

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Yang tidak ada parit itu sebab dia tidak buat. Jalan Raja Uda baru buat. Ini jalan dahulu. Itulah saya mintalah daripada sahabat saya Ahli Kawasan Telok Kumbar, bukan saya bercakap ini untuk kawasan Permatang Pasir sahaja tetapi khusus untuk semua kawasan-kawasan supaya parit dibuat.

Bagi Exco Tanah. Saya haraplah kepada Pejabat Tanah ini dapat mengutip cukai-cukai dan tunggakan-tunggakan yang terbengkalai dan yang tertinggal kerana hasil Kerajaan Negeri adalah bergantung kepada cukai tanah yang besar, sebanyak \$23 juta. Kalau boleh, tengok Agensi-agensi Kerajaan yang tidak bayar. Kita jangan tengok orang-orang kampung yang tidak bayar itu, tengok Agensi-agensi Kerajaan seperti P.D.C., C.E.B., P.B.A., L.L.N., M.P.S.P. Siapa yang tidak bayar, itu kita tengok dahulu. Suruh mereka bayar dahulu. Saya rasa itu pun berjuta ringgit. Kalau kita lelong ataupun kita ambil tindakan dia tidak bayar juga. Saya bersetuju dengan Ketua Menteri supaya kita minta mereka yang terlibat itu bayar secara ansuran. Itu patut. Kalau boleh kepada orang ramai, tetapi kepada Agensi-agensi Kerajaan kalaulah ada yang berhutang kita hendaklah bertindak dengan tegas supaya mereka membayar. Mereka mesti faham bahawa itu adalah wang rakyat untuk balik kepada rakyat. Saya minta kepada Exco Tanah supaya bertindak dengan segera.

Tuan Speaker, berkenaan dengan kedai tuak yang kelmarin Y.A.B. Ketua Menteri tidak sebut tetapi ada di dalam ini. Kedai tuak ini pada saya tidak menguntungkan apa-apa. Ini dibangunkan semasa penjajah dahulu yang hendak mengabaikan tanggungjawab rakyat kepada negara. Manakala orang-orang yang kena tuak lupalah hendak menuntut kemerdekaan, hendak memperjuang negara. Sebab itu dia boleh tahan lama. Di merata-rata ada kedai tuak, petang mabuk. *Sorry* Mr. Shanmugam, kita mahu tutup kedai tuak. Saya mahu cadang tutup kedai tuak. *Do you agree?*

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/o Nadason):

O.K.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Jadi kedai tuak ini, Tuan Speaker, amat

merugikan. Tempatnya di tempat-tempat strategic, dalam bandar-bandar dan pekan-pekan. Bukit Mertajam dalam pekan dan Butterworth dalam pekan. Kedai-kedai tuak di Georgetown pekan juga. Cikgu Yahaya tahu! Jadi kedai tuak ini, kalau boleh, Tuan Speaker — ya, ada apa-apa? Mahu marahkan kedai tuak punya fasal?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tuan Speaker, orang kaya boleh minum *whisky* dan *beer*. Orang yang miskin macam mana? Apa yang mereka hendak minum? Jadi saya ingat lebih baik bagi satu cadangan kepada Ahli Exco meninggikan taraf kedai tuak. Itu lebih baik.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan Tuan Speaker, saya cabar DAP. Saya cabar DAP cakap di luar kata: "DAP mahu kedai tuak lebih banyak lagi, cakap!"

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Saya mahu ditinggikan taraf.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Cakap di luar.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Boleh, tidak payah cakap di luar. Di sini ada wartawan-wartawan daripada beberapa *newspaper*.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ya, cakap kata DAP mahu kedai tuak lebih banyak. Bagi tahu!

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Saya mahu ditinggikan tarafnya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tuan Speaker, saya nak bagi banyak tidak mahu, nak meninggikan taraf pun tidak mahu. Kedai tuak itu tutup terus. Tempat-tempat kedai tuak itu kita boleh jadikan tempat pembangunan. Kita buka *supermarket*, tempat pembangunan untuk rakyat. Kedai tuak tidak ada untung.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, tidak boleh tutup semua. Tutup sedikit bolehlah. Kalau tutup semua tidak boleh buat kuih. Sedikit bolehlah! (ketawa).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Jadi kedai tuak ini nak buat apa? Tose dan apom? Bukan buat dengan tuak dengan air nyior, boleh. Jadi kedai tuak ini pada saya, yang ada pada hari ini kotor. Orang yang pergi ke kedai tuak ini bukan orang muda-muda, tetapi sudah tua-tua. Kita terus tutup sebab yang ada pada hari ini semata-mata merugikan betul-betul. \$1.3 juta belanja untuk kedai tuak, tetapi pegawai-pegawai yang kerja di situ boleh dipindahkan ke pusat-pusat pembangunan, masuk ke dalam pejabat-pejabat yang mana kita dapati kurang pegawai pada hari ini. Mereka pegawai-pegawai Kerajaan juga. Masuk ke pejabat-pejabat lain untuk menampung tempat-tempat yang kosong. Duduk di kedai tuak tidak ada apa, layan orang teruk-teruk, lama-lama dia pun kena tuak juga. Saya harap sungguh-sungguh kedai tuak ini ditutup di Negeri Pulau Pinang. Kalau nak buat di kawasan Paya Terubong tidak tahulah!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Saya setuju.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Dr. Lim Boon Sho):

Penjelasan. Saya pun tidak boleh bersetuju nak tutup semua kedai tuak itu. Nanti orang India mahu minum, orang miskin mahu minum susah juga. Saya pun mahu minum. Ada kala saya pun mahu minum. Ini tuak satu yang (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Puan Kee Phaik Cheen):

Tuan Speaker, penjelasan. Kaum wanita sokong penuh semua kedai tuak ditutup oleh kerana mereka menjadi mangsa bila ada beberapa orang yang pergi ke kedai tuak mabuk dan tahun dahulu Persatuan-persatuan Wanita di Pulau Pinang dipaksa menjalankan satu seminar mengenai penganiayaan terhadap wanita dan kanak-kanak.

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya minta kaum wanita jangan campur tangan (ketawa).

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Saya sokong penuh.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Wanita campur tangan sebab jadi mangsa. Kita kena bela kaum wanita yang perlu pembelaan. Wakil Permatang Pasir Insyaallah akan bekerjasama dengan kaum wanita di mana-mana.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Itu sudah jadi satu perangailah!

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Jadi Tuan Speaker, habis kedai tuak kita pergi ke bahagian perumahan. Saya ingin nak mengungkit kelmarin bahawa didapati pemaju-pemaju perumahan cabut lari. Bila pemaju-pemaju perumahan bankrap ataupun lari, rumah-rumah terbengkalai. Rumah senget, rumah yang separuh siap, mungkin boleh runtuh bila-bila saja. Ini bukan hak Kerajaan. Ini hak swasta. Nampak Encik Zul susah hati. Jadi ini akan mengakibatkan keburukan daripada kebaikan. Kalau benda itu tidak runtuh, ada orang jadi penghuni. Jadi penduduk secara *illegal* di kawasan itu. Kalau boleh saya minta pihak yang berkenaan — saya rasa M.P.S.P. dan M.P.P.P. boleh keluaran *notice of destruction* bagi halangan atau kotoran atau bahaya, bangunan itu boleh runtuh bila-bila. Bila runtuh orang lalu-lalang di situ atau timpa sesiapa sahaja yang main di situ, penghuni-penghuni *illegal*kah? Maka barulah kita nak buat satu suruhanjaya pula nak siasat. Barulah kita gempar. Lebih baik sebagai kata pepatah “Sebelum hujan sediakan payung”. Sebelum jadi apa-apa trajedi, baiklah kita runtuhkan bangunan itu. Itu tidak menguntungkan, boleh runtuh bila-bila. Kalau saya boleh tunjuk tempat — di Permatang Tinggi ada satu terbengkalai dan di kawasan Sungai Acheh ada terbengkalai. Sungai Dua sendiri ada terbengkalai. Banyak kawasan-kawasan. Lagi satu bila pelancong datang tengok bangunan apa — akropolikah apa? Tidak siap ditinggalkan begitu dan yang menyedihkan, bila rumah itu dibuat, tidak siap, Pegawai-pegawai Kerajaan ataupun kakitangan Kerajaan, sesiapa sahaja yang ambil *loan*, rumah tidak siap, pemaju lari, bayaran bulanan masih dipotong. Jadi teruk. Pegawai itu duduk di rumah

sewa. Rumah ini tidak siap, potongan dibuat, mana tak sedih? Gaji bukan banyak sangat. Yang beli rumah itu ialah peringkat sederhana, anak nak sekolah, nak bela emak mertua lagi. Jadi sesaklah keadaannya. Jadi saya haraplah pihak yang berwajib, pihak yang berkenaan sebagaimana Datuk Rahman, wakil dari Bertam berunding dengan Kementerian Perumahan, Timbalan Menteri Perumahan, Datuk Subramaniam supaya dapat menyelesaikan masalah itu dengan segera. Ini serius, melibatkan bahaya orang dan ekonomi orang terjejas.

Bahagian pelancongan — saya haraplah pihak pelancongan dapat mengadakan banyak lagi aktiviti-aktiviti menjualkan negeri kita di luar negeri. Semasa saya dengan Yang Berhormat Tuan Speaker ada di Cyprus, Greece, saya dengar satu pegawai Greece tanya, Penang di Chinakah? Penang di mana? Dia tidak tahu Malaysia di mana. Jadi macam ini kita patut memperkenalkan negeri kita di mata dunia yang mana Pulau Pinang ini adalah sebuah negeri yang cantik dan adakan peruntukan-peruntukan yang lebih untuk pelancongan. Saya berharap Pejabat Pelancongan Negeri ini akan bekerjasama dengan Jabatan Pelancongan peringkat *Federal* dan adakah aktiviti-aktiviti pertunjukan ke arah perpaduan, menunjukkan nilai-nilai hidup rakyat Malaysia kita.

Jadi Tuan Speaker, saya juga nak mengucapkan terima kasih kepada Exco *man power* yang mana telah memberi kerjasama dengan saya dan dapat sedikit peruntukan untuk melatih rakyat di kawasan saya yang begitu baik, dan melibatkan lebih daripada 100 orang telah mendapat latihan sambil kerja. Saya berharap latihan ini dapat ditambah lagi dan dapat diperkukuhkan lagi. Di samping itu manakala dapat latihan sambil bekerja itu memudahkanlah mereka dapat pekerjaan di tempat lain yang lebih perlu. Saya berharap manakala pekerja-pekerja yang mendapat latihan sambil kerja itu adalah menjadi satu syarat atau menjadi satu kemudahan jika mereka nak bekerja dengan kilang-kilang mana atau di tempat mana-mana mereka hendaklah mendapat latihan sambil bekerja diberi keutamaan. Ini adalah satu sekim vokasional secara Kerajaan Negeri, bukan *Federal*.

Jadi Tuan Speaker, saya juga berharap pihak Perumahan Negeri dapat mengadakan tempat seperti tanah lapang yang cukup, surau, tempat-tempat permainan, tempat riadah yang cukup untuk penghuni-penghuni rumah-rumah sekim

Kerajaan di tempat perumahan-perumahan yang telah dibina itu. Kalau boleh, Kerajaan Negeri yang mana telah menswastakan rancangan perumahan kepada pihak swasta dapat menyejajarkan pembinaan dengan secepat mungkin. Kita tidak hendak melambat-lambatkan kerana bila lambat-lambat, takut jadi macam yang lalu. Ada dua tiga syarikat perumahan yang menjadi masalah, yang saya tahu dan serupa dengan Kubang Semang di kawasan saya, perumahan sedang dibina. Saya harap dapat dipercepatkan dan saya juga telah meminta kepada syarikat tersebut dapat mengadakan peruntukan untuk membina surau yang sedia ada. Saya harap pembinaan surau yang sedia ada itu dapat peruntukan yang mencukupi untuk menyelesaikan surau yang ada kerana kawasan itu kawasan kecil dan rumah banyak. Saya haraplah Datuk Rahman dapat berhubung dengan pihak yang berkenaan memperuntukkan \$20,000.00 atau \$30,000.00 (ganguan).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

\$30,000.00

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

\$30,000.00? Lulus \$20,000.00. Jadi saya mintalah pihak yang berkenaan dapat memperuntukkan tambahan surau yang sedia ada supaya dapat orang-orang di kawasan itu menjalankan ibadat di surau tersebut.

Jadi Tuan Speaker, dengan itu saya tidak hendak bercakap panjang dan saya nak mengambil kesempatan berterima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang mana telah bersungguh-sungguh dan berusaha untuk memajukan negeri ini dan meningkatkan prestasi perkhidmatan negeri ini. Sekali lagi saya mengulangi, sebelum beliau membuat belanjawan ini, beliau terlebih dahulu berunding dengan Y.B. Menteri Kewangan. Ini telah disahkan oleh Menteri Kewangan yang datang di sini baru-baru ini. Ini menunjukkan kerjasama yang erat, persefahaman yang sungguh-sungguh yang mana tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat untuk membantu perkhidmatan Negeri ini dan kerjasama ini hendaklah diteruskan dan Ketua Menteri telah berunding terlebih dahulu untuk membuat peruntukan Rang Undang-undang ini. Itu disahkan.

Jadi dengan ini saya lagi sekali menyokong

Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk diluluskan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.40 petang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula. Siapa pun mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Prai Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tuan Speaker, saya bangun untuk berucap atas Rang Undang-undang yang dibahaskan pada masa ini.

Tuan Speaker, kelmarin Yang Amat Berhormat dalam ucapan beliau ada berkata dan saya sebut di sini:

“Belanjawan tahun 1989 disediakan dengan tujuan untuk mengukuh dan mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan asas yang disediakan oleh Kerajaan bagi memberi faedah yang lebih besar kepada rakyat di dalam usaha-usaha mereka untuk meningkatkan taraf hidup mereka sendiri selaras dengan semangat pensyarikatan Malaysia”.

Tuan Speaker, saya ingin mengucap di sini, dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri tidak ada apa-apa perkara untuk Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat dan Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat ini nampaknya telahpun diketepikan. Saya nampak dalam Rang Undang-undang dan juga di dalam ucapan beliau, tidak ada apa-apa peruntukan untuk menjalankan Jawatankuasa ini dengan berkesan. Tuan Speaker, apabila masalah buruh dan tenaga rakyat telah ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini, sudah beberapa kali kita diberitahu perkara ini ialah perkara di bawah Kerajaan Pusat, dan tidak boleh ditimbulkan di sini. Jikalau begitu, saya ingat Tuan Speaker tidak perlu mengadakan satu potfolio untuk buruh dan tenaga rakyat dan jikalau kita ada kita pulangkan

tugas kepada Kerajaan Pusat. Ini maknanya kita cuma membuang ataupun membazir wang rakyat. Tetapi Tuan Speaker, saya ingin berucap di sini Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat yang ditubuhkan di mana ada seorang Ahli Exco yang mengetuai Jawatankuasa ini boleh memainkan satu peranan yang penting untuk pekerja-pekerja dan juga untuk faedah pemuda-pemudi dalam Pulau Pinang.

Jadi di sini saya ingin berucap bahawa Kerajaan Negeri telahpun gagal untuk mengadakan satu imej yang baik tentang pandangan pekerja-pekerja. Walaupun kita ada satu Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat, kita tidak menggunakan jawatankuasa itu untuk mengadakan satu imej yang baik dan daripada kalangan pekerja-pekerja pun mereka dapati apabila jawatankuasa ini tidak bergerak, mereka syak wasangka atas apa yang dimaksudkan jawatankuasa ini. Dari sini saya ingin bercakap Tuan Speaker, apabila Menteri Buruh baru-baru ini ada mengumumkan bahawa pekerja-pekerja daripada industri elektronik boleh mengadakan satu persatuan. Y.A.B. Ketua Menteri telahpun terkejut dan dengan izin *surprise* ada mengucap bahawa sama ada pekerja-pekerja dalam industri elektronik adakan satu persatuan ataupun tidak — Itu terpulang kepada pekerja-pekerja.

Tuan Speaker, ini merupakan satu sikap yang kurang sihat dan satu sikap yang negatif dan manakala bagi kalangan pekerja mereka dapati sikap sebegini sebagai satu sikap *confrontational*. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mesti mencadangkan kepada pekerja-pekerja supaya mereka mengadakan satu organisasi ataupun badan yang mewakili pekerja-pekerja. Dengan itu Kerajaan Negeri boleh mengadakan satu hubungan yang baik dengan wakil-wakil pekerja dan juga Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat boleh menjadi satu alat koordinasi ataupun penyelarasan antara Kerajaan dan pekerja-pekerja dalam negeri kita. Buat masa ini Tuan Speaker, saya dapati Kerajaan Negeri telahpun ada membuat, apa yang boleh dikatakan “lip-service” dengan izin iaitu berkenaan cubaan Kerajaan untuk mengadakan satu latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja dalam Negeri Pulau Pinang. Saya mencadang di sini supaya Kerajaan Negeri mesti *coordinate* dengan kilang-kilang dalam Zon Perdagangan Bebas dan mesti mengadakan satu kerjasama dengan mereka untuk menubuhkan satu *Training Institute* ataupun Institusi Latihan. Jikalau kita ada satu Institusi Latihan ataupun kita ada satu cara yang baik untuk meng-

ajar ataupun mengada satu latihan yang baik dalam Pulau Pinang, kita boleh meningkatkan produktiviti dalam negeri kita. Jikalau kita ada produktiviti yang tinggi kita ada keyakinan yang lebih tinggi antara pelabur-pelabur atau pekerja-pekerja kami dan saya cadangkan di sini sudah tidak ada masa untuk Kerajaan mengadakan satu hubungan yang baik dengan pekerja-pekerja dan juga mengadakan satu latihan untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja di masa akan datang dan kita mesti mengadakan langkah-langkah positif untuk menyakinkan pekerja-pekerja bahawa Kerajaan ini sebenarnya menjaga mereka dan salah satu tindakan ataupun langkah yang boleh memberi faedah kepada pekerja-pekerja ialah memberikan latihan-latihan yang sesuai untuk pekerja-pekerja yang sedia meningkatkan kemahiran mereka. Di sini Tuan Speaker, saya ingin memberi satu contoh di mana saya telah katakan tadi sikap Kerajaan kita di sini bukan satu sikap yang sihat tetapi satu sikap *confrontational*. Sebelum pilihanraya 1986, apabila satu kilang iaitu kilang Mostek telahpun membuang beberapa ratus pekerja dan pekerja-pekerja ini telahpun pergi ke tempat KOMTAR untuk mengadakan satu perbincangan dengan Pemangku Ketua Menteri. Pada masa itu Pemangku Ketua Menteri ialah Datuk Khor Gark Kim, walaupun beliau tidak ada di sini tetapi beliau mewakili dan beliau ada menggantikan Ketua Menteri pada masa itu. Tetapi bila pekerja-pekerja ini mahu berjumpa Pemangku Ketua Menteri, beliau tidak bersedia berjumpa dengan pekerja dan pekerja-pekerja ada menunggu beberapa jam dan selepas itu barulah Pemangku Ketua Menteri datang, tetapi bukan mahu berjumpa semua pekerja tetapi hendak jumpa dengan wakil sahaja, tiga atau empat orang sahaja. Walaupun kemudian beliau berjumpa dengan wakil itu, beliau ada menubuh satu badan di mana ada pihak daripada Kerajaan dan pihak pekerja-pekerja ataupun MTUC, tetapi Pemangku Ketua Menteri pada masa itu berjanji beliau akan bekerjasama dengan badan itu untuk mengatasi masalah-masalah pekerja ini, tetapi sampai sekarang kami tidak tahu apa-apa perjuangan ataupun apa-apa aktiviti badan itu. Ini satu contoh menunjukkan Kerajaan Negeri tidak mempunyai satu perhubungan yang sesuai dengan badan-badan pekerja tetapi mempunyai satu sikap *confrontational*.

Tuan Speaker, terdapat banyak industri-industri dalam Pulau Pinang yang ada pengharapan yang baik atau potensi yang baik. Antara industri-industri ini ialah industri pelancongan dan industri

hotel dan Kerajaan boleh menggunakan Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat untuk mengaturkan satu latihan pemuda-pemudi untuk menyediakan mereka dimasukkan dalam industri-industri yang ada pengharapan dan berpotensi. Industri pelancongan juga, Tuan Speaker boleh meninggikan atau membesarkan industri-industri tambahan yang lain sebagai industri *handicraft*, industri makanan dan sebagainya. Oleh kerana itu kita tidak boleh mengeneipkan Jawatankuasa Tenaga Rakyat dan Buruh sebagai satu Jawatankuasa yang sebagai *show piece* sahaja yang tidak digunakan dan tidak bergerak dan dari situ kita boleh mengaktivite jawatankuasa ini bagi jawatankuasa ini memainkan satu peranan yang baik untuk meninggikan kemahiran dan kualiti pekerja-pekerja dalam negeri ini.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri juga boleh membantu ataupun menolong mengubah Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat sebagai satu agensi yang boleh mencipta atau mengadakan satu program untuk memeriksa dan mengkaji jalan-jalan bagi menolong dan membantu pekerja-pekerja yang menganggur dan juga pemuda-pemudi lain untuk memasuki perniagaan ataupun bekerja sendiri dengan izin *self-employment*. Dalam kalangan ini juga jawatankuasa ini boleh menyediakan dan boleh mendapati permit-permit ataupun lesen-lesen dan boleh memberikan pinjaman-pinjaman yang kecil untuk menolong membantu pemuda-pemudi yang ingin bekerja sendiri (*self-employment*). Dengan gerakan ini dan dengan satu aktiviti ini Kerajaan Negeri boleh membina satu hubungan yang baik antara Kerajaan dan pekerja-pekerja dan juga badan-badan pekerja sebagai *Trade Union*. Dalam persidangan Dewan yang mulai ini pada masa bulan Disember, tahun 1986 apabila parti kami DAP mencadangkan satu usul untuk mengadakan satu tabung pekeliling ataupun satu *revolving fund* untuk membantu pekerja-pekerja yang menganggur. Usul itu telahpun ditolak oleh pihak Kerajaan dan juga semua *back-bencher-back-bencher* dari pihak Kerajaan, tetapi sampai masa sekarang walaupun Kerajaan sudah menolakan usul itu tetapi Kerajaan tidak ada jalan yang lain yang menggantikan apa dicadang oleh pihak kami daripada DAP dan sampai masa sekarang juga pekerja-pekerja yang dibuang kerja dan juga lain-lain pekerja yang mahu latihan-latihan ataupun bantuan-bantuan daripada Kerajaan tidak dapat apa-apa jalan.

Akhirnya Tuan Speaker, saya ingin berucap

di sini jikalau Jawatankuasa Buruh dan Tenaga Rakyat sampai masa sekarang menjadi satu jawatankuasa yang tidak bergerak dan cuma mengutip angka-angka dan butir-butir daripada Pejabat Buruh dan lain-lain pejabat dan bergerak tidak digunakan untuk rakyat ataupun untuk pekerja ataupun untuk pemuda-pemudi di dalam negeri kita, lebih baik kita tutup jawatankuasa ini. Jikalau kita mahu Jawatankuasa ini menjadi satu jawatankuasa yang bermakna ataupun *meaningful* kita mesti menggunakan jawatankuasa ini. Apa yang kita boleh buat dengan jawatankuasa ini, kita boleh mengadakan satu hubungan yang baik iaitu satu *relationship* di antara pekerja-pekerja dengan Kerajaan. Saya di sini Tuan Speaker memberi contoh-contoh saja bagaimana Jawatankuasa ini boleh digunakan, walaupun ada kebanyakan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pihak sebelah sana yang selalu menuduh pihak DAP cuma cakap-cakap sahaja dan tidak ada cadangan-cadangan yang baik, tidak ada satu *criticism* yang *constructive* yang boleh digunakan. Saya harap cadangan-cadangan yang saya beri sekarang boleh dikaji dengan baik oleh Yang Amat Berhormat ataupun Yang Berhormat Ahli daripada Bukit Tengah. Saya harap juga masa akan datang Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh mengadakan satu perhubungan yang baik dengan pekerja-pekerja dan jikalau boleh memberi peruntukan kepada jawatankuasa ini untuk maksud-maksud bagi menolong pekerja-pekerja dan maksud yang pentingnya mengadakan satu *relationship* yang baik antara Kerajaan di kalangan pekerja-pekerja.

Sekian, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan untuk tahun 1989 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kelmari dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri telah dianggap sebagai seorang pemimpin yang pandai dan berpengalaman, tetapi Kerajaan Negeri di bawah pimpinan beliau telah mengemukakan satu perbelanjaan *deficit* untuk tahun depan dengan jumlah wang sebanyak \$8,055,000.10. Berita ini sukar dipercayai oleh rakyat negeri ini. Yang Amat Berhormat berkata perbelanjaan perbekalan tahun hadapan adalah dirancang dengan teliti dengan pengalaman dan juga pengawalan yang rapi. Beliau menyalahkan *deficit* ini adalah disebabkan oleh

kelemahan kemelesetan ekonomi sedunia yang sedang melanda kita. Di sebaliknya Yang Amat Berhormat berkata bahawa kami akan mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 7.4% pada tahun hadapan. Tuan Speaker, segala-gala ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri di bawah pemerintahan Barisan Nasional telah gagal dan cuma mahu menolak tanggungjawab kepada alasan-alasan yang tidak munasabah.

Tuan Speaker sebenarnya, jika jabatan-jabatan Kerajaan Negeri adalah cekap dan berproduktif, *deficit* itu akan dikurangkan kepada minimumnya. Mari kita mengambil satu contoh — cukai tanah. Cukai tanah dikekalkan sebagai satu-satunya punca hasil negeri yang terbesar. Oleh kerana kelemahan prestasi Pejabat Tanah, Kerajaan telah hilang kesempatan untuk memungut lebih hasil. Tuan Speaker, pada hal pejabat ini bertindak sebagai sebuah organisasi monopoli. Ia mengangap tuan-tuan punya tanah akan membayar sebelum bulan Mei tiap-tiap tahun secara automatik. Ia tidak menghiraukan untuk menghantar surat-surat bayaran kepada tuan-tuan punya tanah. Tuan Speaker, ada juga tuan-tuan punya tanah berpendapat bahawa kalau tidak ada orang mahu pungut, tidak payah bayarlah. Tahun demi tahun, hutang jadi banyak — sekali kena notis baru sedar, tetapi tidak mampu membayar hutang tersebut. Oleh sebab itu pejabat ini mengalami hutang sebanyak \$12 juta oleh pemilik-pemilik tanah. Tuan Speaker, perkara ini telah disedari oleh Pejabat Tanah dan baru-baru ini ramai telah menerima notis bayaran cukai tanah untuk tahun hadapan, melalui pos. Kalau tidak salah saya, ini adalah kali yang pertama pejabat ini menghantarkan notis melalui pos sebagaimana yang saya terima ini. Pada masa yang dahulu bila kami sedar bahawa kami kena bayar cukai tanah kami kena pergi ke Pejabat Tanah dan pegawai-pegawai di sana akan menanya "Ada bawa surat lama?" Kalau kita tidak bawa surat lama, dia kata "Tidak boleh, balik bawa surat lama untuk semak." Sehingga hari ini baru dapat surat baru, dengan adanya surat baru ini kita boleh pergi bayar. Inilah baru betul. Pemilik-pemilik tanah bila dapat surat ini melalui pos mereka tidak tahu sampai masa mereka kena bayar, kalau tidak dapat surat ini mereka langsung tidak tahu kerana bukan semua yang pandai-pandai dan cergas. Saya kena puji Pejabat Tanah sedari kesalahan mereka dan menghantar notis-notis bayaran kepada pemilik-pemilik tanah.

Tuan Speaker, lagi satu contoh — saya ada seorang kawan, beliau memiliki sekeping tanah

di Permatang Pauh. Tanah ini adalah tanah pertanian, tetapi tidak ada apa-apa tanaman yang berhasil dan cuma semak-semak dan lalang sahaja. Hasil tanah ialah \$3.00 setahun. Pada satu masa, beliau memohon supaya dapat kelulusan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk mendirikan sebuah kilang perindustrian kecil. Pejabat Tanah telah menafsirkan, beliau kena bayar kadar cukai tanah perindustrian sebanyak \$900.00 setahun. Dia sedia membayar, tetapi peluang pungut hasil tanah ini terhapus apabila pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai menolak permohonannya. Ini salah siapa? Salah antara satu pejabat dengan satu pejabat.

Tuan Speaker, dalam ucapan perbelanjaan bekalan tahun hadapan Y.A.B. Ketua Menteri ada menyatakan bahawa daripada 6 *packages* penswastaan projek-projek perumahan, cuma dua didapati mengikut jadual di dalam pembinaannya. Ini bermakna bahawa empat lagi ada dalam kelewatan menyiapkan rumah masing-masing. Ini juga akan mengakibatkan pungutan hasil-hasil. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua agensi-agensi yang berkenaan supaya berhati-hati apabila menawarkan projek-projek kepada pemaju-pemaju. Pada masa ini industri pembinaan adalah susah sedikit oleh kerana tidak boleh mendapat *credit facility*. Perdagangan cuma mengikut cara *cash* atau *bond* dan *guarantee* sahaja. Ini bermakna mereka yang kurang modal dan kurang kepujian tidak akan berjaya dalam perusahaannya ini.

Tuan Speaker untuk makluman, satu lagi projek J.K.R. untuk membina sebuah mesjid di Seberang Jaya telah terbengkalai akibat sebab-sebab ini. Tuan Speaker, saya tidaklah mahu menyentuh kesemua perbadanan-perbadanan yang melibatkan perbelanjaan bekalan tahun hadapan ini. Kalau disebut sampai malam pun tidak boleh selesai. Saya cuma mahu menyentuh satu lagi jabatan yang saya agak tidak begitu memuaskan dalam pentadbirannya. Sila kita semak peruntukan yang diberikan kepada J.K.R. Jabatan ini diperuntukkan sebanyak \$15,883,220.00. Antara anggaran ini \$1,420,850.00 adalah untuk elaun lebih masa. Seperti tuan-tuan dapati di muka 83, Maksud Bekalan 12, Butiran 14000. Ini adalah satu kali ganda kepada gaji dan upahan. Gaji dan upahan boleh didapati di Butiran 11000. Apa *over-time* ini? Siang tak mahu kerja, malam baru mahu kerja?

Berkenaan dengan penyelenggaraan loji-loji. Loji-loji ini berkenaan dengan lori *tipper*, *tractor* dan *trencher*. Saya mendapati apabila kenderaan-kenderaan seperti ini rosak dan memerlukan pembaikan, bila ia masuk ke Worksop, baikpun di Penanti mahupun di Bukit Tengah — tidak tahulah bila akan keluar. Ini akan melewatkan kerja-kerja yang telah diaturkan. Bila program dikacau, kerja tidak boleh diselesaikan, sama ada banjir, lopak-lopak jalan atau semak-semak tepi jalan, rakyat jua yang derita.

Tuan Speaker, kita boleh nampak bahawa loji-loji yang agak tidak boleh dipakai lagi atau telah di *condemn* oleh pakar-pakar J.K.R., tetapi apabila ditender keluar tidak lama lagi semua dapat dipakai oleh swasta dan bergerak lancar seperti baru. Ini bukti apa lagi? Kurang mekanik yang mahir yang boleh memperbaiki kenderaan-kenderaan itu.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Penjelasan, minta sebut lebih *detail* sedikit.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya kata bila loji-loji atau kenderaan yang telah dianggap tidak boleh dipakai lagi atau sudah di *condemn*, ia akan ditender keluar, bukan? Maksudnya dijuallah sebagai *scrap iron* pun boleh, loji lama pun bolehlah. Tetapi kamu pergi itu *second-hand dealers* boleh nampak banyak-banyak *roller*, *tipper*, lori *scrapers*, *trenchers*, ada chap J.K.R. Tapi bila sampai di tangan mereka, mengecat sekali, *over haul* sekali, menggantikan alat-alat yang di-kena ganti, dia boleh jalan. Saya membangkitkan perkara ini oleh sebab saya menemui kesulitan meminta J.K.R. mengorek parit di tepi jalan. Saya tidak mahu sebut siapa yang saya hubungi nanti dia kena marah pula. Dia berkata "Yang Berhormat, minggu depan saya berjanji akan korek parit itu." Saya kata, "Baik, terima kasih saya tunggu". "Bila kamu mahu pergi, sila cakap sama saya, saya tunggu." Dia kata, "Baik-baik." Sampai-sampai hari itu tak nampak, saya tanya dia "Apa pasal ini, tak ada kereta ke?" Dia kata, "*Trencher* ada, lori tak ada, tak ada lori bagaimana mahu angkat tanah." Saya cakap, "O.K. Tak apalah, tunggu sampai lori boleh keluar." Dia cakap "Tak boleh tahu bila boleh keluar, minggu depan mungkin boleh." Tunggu-tunggu, sampai minggu depan tak mari lagi. Saya tanya, "Apa pasal?" Dia kata,

"Lori ada, tapi *trencher* tak ada, *trencher* rosak pula." Tunggu-tunggu, sampai satu bulan, dua bulan, tiga bulan, saya pun tak mahu panggil lagi-lah (ketawa).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Korek sendirilah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak ada, tak ada. Saya tak mahu korek sendiri. Tak mahu — tinggalkan begitu. Kalau pengundi-pengundi itu marah kepada saya pun tak apa. Ini bukan salah saya. Saya sudah jalan tugas, saya sudah minta tetapi Kerajaan sahaja yang tidak boleh bagi. Apa boleh saya buat? Saya tak boleh buat apalah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Masuklah Kerajaan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Masuk Kerajaan pun serupalah, kalau loji-loji itu rosak, apa boleh Kerajaan buat? Beli barulah baru boleh, minta peruntukan untuk beli baru.

Tuan Speaker, jikalau kami kaji secara mendalam semua Perbadanan ada kelemahan. Rakyat sedar hanya melalui perpaduan dan bekerja dengan rajin barulah dapat mencapai satu masyarakat yang makmur dan aman. Akan tetapi, ekor beberapa kejadian seperti skandal kooperasi, skandal lebuhraya Timur Selatan, pertikaian kehakiman, pertahanan raksasa, pertikaian UMNO baru dan lama, dan perang saudara MCA dan Gerakan, rakyat telah hilang kepercayaan dan keyakinan kepada pentadbiran Barisan Nasional. Ini saya bagi satu *tip*, tak berani kata *warning*, — *tip* sedikit.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan sedikit, boleh?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Boleh.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Jadi nampaknya Ahli Yang Berhormat Bagan Jermal ini cakap 'lajak' sangat ini, tetapi bukti tak ada. Kalau nak tahu, ada keyakinan atau tidak ada keyakinan, cuba DAP letak jawatan — kita bertanding. *You* letak tengok.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya letak Bagan Jermal, boleh?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ya, boleh.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Kamu mari Bagan Jermal, boleh?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tempat DAP sesuai dengan DAP, tempat saya kalau *you* mai pun susah, kita bagi *fair* (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Saya letak jawatan, *you* mari Bagan Jermal, kita cuba tengok. Kita *test* tengok.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Kalau saya letak Bertam, *you* pun susah juga.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Bertam, saya ada keyakinan (ketawa). Bertam saya ada ramai kawan-kawan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

You punya kawan berapa orang?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Ahli O.K. lah kita tunggu, tahun depan mungkin bulan April kita boleh bertemu. *O.K.*?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Di mana mahu lawan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Di mana-mana pun bolehlah. Kita kawan baik punya pasal (ketawa).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Kalau *you* tak mahu, *you* bagi tahu Shanmugam, saya lawan dia.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tahun depan, bulan Mei atau bulan April, kita mungkin berjumpa.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

You tak mahu lawan saya atau mahu lawan?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tak mahulah (ketawa). Ada saya, tak ada kamu, ada kamu, tak ada saya.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

You mahu dua-dua?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Dua-dua semua baik-baik. Kita mahu jumpa di sini.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

O.K. Saya mahu lawan sama Shanmugam. Boleh?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Boleh! Boleh!

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Kita pergi ke Kubang Pasu, macam mana? (ketawa).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Apa?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Apa?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Kubang Pasu.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

You nak pergi?

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Ya, boleh. Kita berdua pergi ke sana (ketawa).

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Macam mana?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Oh, dia nak pergi ke Kubang Pasu.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Kubang Pasu boleh pergi, sekarang pun boleh pergi.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam a/l Nadason):

Bila pun boleh pergi.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Tuan Speaker, rakyat sedar hanya melalui perjuangan politik berbilang kaum dan khasnya pembebasan tokoh-tokoh dan pemimpin-pemimpin politik seperti Saudara Lim Kit Siang dan Karpal Singh akan membawa kestabilan dan keamanan. Bila ada kestabilan dan keamanan, barulah ada kemakmuran dan semua rakyat boleh hidup dalam sempurna dan tidak ada pertikaian. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Kerajaan Negeri supaya mengambil satu langkah untuk

menyeru pembebasan rakan-rakan saya di sebelah sana.

Sekian, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, saya ingin membahs Usul Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Mengurus tahun 1989 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, sebelum saya membahs tentang belanjawan Negeri Pulau Pinang, saya berasa kesal bahawa rakan saya dari Pinang Tunggal, dalam perbahasannya menyatakan ahli-ahli MCA dan GERAKAN sentiasa mengadakan pergaduhan dan ini akan terjejas pembangunan Negeri Pulau Pinang. Tuan Speaker, saya tidak berpendapat begitu kerana perselisihan itu hanya dalam keluarga Barisan Nasional dan ianya tidak akan mengakibatkan prestasi Kerajaan. Tuan Speaker, apa yang patut ditegaskan oleh rakan saya di Barisan Nasional ialah hak-hak bukan cara-cara bagaimana menambah hasil dan bagaimana dapat dikurangkan perbelanjaan dalam perbahasan Ahli dari Pinang Tunggal tadi.

Tuan Speaker, saya yakin Barisan Nasional di Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu masih kuat dan kukuh dan sanggup menerima apa-apa cabaran di hadapan kerana semangat ahli-ahli Barisan Nasional tetap kuat dan kekal lagi. Oleh itu Ahli Kawasan Pinang Tunggal janganlah bimbang perhubungan antara MCA dengan GERAKAN.

Tuan Speaker, bagi tahun 1989, jumlah hasil Kerajaan Negeri ialah sebanyak \$105,253,170.00, jumlah perbelanjaan mengurus ialah \$113,308,180.00 dan kurangan ialah \$8,055,010.00. Jika kita membandingkan anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun ini dengan tahun hadapan (tahun 1989), Kerajaan Negeri adalah amat teliti dalam jumlah perbelanjaan mengurus. Dari segi angka, setiap perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 1989 telah dikaji dengan teliti. Sekiranya kita membandingkan perbelanjaan bekalan pada tahun ini dengan tahun hadapan, terdapat perbelanjaan bekalan bagi tahun 1988 ialah \$70,416,740.00 dan perbelanjaan bekalan bagi tahun depan adalah hanya \$68,146,170.00. Angka ini juga menunjukkan perbelanjaan bekalan Kerajaan Negeri bagi tahun 1989 telah dikurangkan sebanyak \$2,270,570.00 berbanding dengan tahun

1988. Ini membuktikan Kerajaan Negeri telah mengkaji dengan amat teliti setiap perbelanjaan mengurus dalam menyediakan belanjawan negeri dan telah mengurangkan banyak perbelanjaan mengurus yang tidak perlu. Ini adalah menggalakkan. Namun demikian, saya berpendapat bahawa sekiranya Kerajaan Negeri dapat mengkaji anggaran hasil dan perbelanjaan mengurus dengan lebih teliti, maka ianya bukan sahaja memerhati mengurangkan anggaran perbelanjaan mengurus, bahkan hendak mencari jalan untuk menambahkan jumlah hasilnya. Jikalau Kerajaan Negeri dapat menuntut lebih banyak peruntukan dari pihak Kerajaan Pusat serta menambahkan anggaran hasil dalam negeri, tiada kurangan akan muncul di dalam belanjawan negeri. Di samping itu, jikalau Kerajaan Negeri dapat mengutip balik setengah bayaran yang telah lama dihutang dengan positifnya, maka kurangan belanjawan Kerajaan Negeri akan dikurangkan.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan beliau kelmarin telah menyentuh tentang segelintir tuan tanah yang tidak bertanggungjawab dalam negeri. Mereka telah berhutang lebih kurang \$12,000,000.00 cukai tanah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri akan memberi arahan kepada jabatan berkenaan untuk mengutip balik hutang-hutang ini. Tuan Speaker, difahamkan oleh saya bahawa antara si-hutang yang begitu banyak itu, termasuklah agensi Kerajaan Negeri, iaitu PDC telah berhutang cukai tanah yang bukannya sedikit termasuk berhutauang pada Kerajaan Negeri sebanyak \$5,000.00 ke atas setiap lot dan sekurang-kurangnya ada 7 lot. Tanah 7 lot ini yang telah berhutang pada Kerajaan Negeri kira-kira \$615,000.00. Salah satu lot yang berhutang pada Kerajaan Negeri sebanyak kira-kira \$304,000.00 cukai tanah selama 10 tahun. Satu lagi lot berhutang pada Kerajaan Negeri sebanyak kira-kira \$112,000.00 cukai tanah selama 12 tahun.

Tuan Speaker, tanah-tanah sektor swasta kadang-kala dilelong atau dirampas oleh Kerajaan Negeri sekiranya cukai tanah dihutang oleh sektor ini. Akan tetapi, kenapa Kerajaan Negeri tidak mengambil tindakan terhadap satu agensi Kerajaan Negeri, iaitu PDC yang telah berhutang cukai tanah pada Kerajaan Negeri selama 10 tahun ke atas? Sekiranya setiap pembayar cukai di Negeri Pulau Pinang mempelajari tauladan PDC, saya percayalah Kerajaan Negeri akan menghadapi bankrapsi pada ketika itu. Oleh itu, saya berharap adalah perlu bagi Kerajaan Negeri menyelesaikan

masalah ini dengan serius.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri akan membayar balik pinjaman perumahan termasuk faedahnya sebanyak \$133,188,800.00 kepada Kerajaan Pusat pada tahun depan. Di Dewan yang mulia ini pada tahun lepas, Y.A.B. Ketua Menteri pernah menyentuh tentang sejumlah kira-kira \$6 juta bayaran sewa rumah-rumah kos rendah dihutang oleh penghuni-penghuni pada Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Negeri akan mengutip balik anggaran wang yang terhutang itu dengan positifnya. Saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri dapat memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa berapakah banyak bayaran sewa rumah-rumah kos rendah yang terhutang pada Kerajaan Negeri setakat ini? Adakah hutang sebanyak \$6 juta telah dikurangkan? Saya berpendapat bahawa adalah perlu bagi bayaran sewa yang dihutang itu. Jikalau hutang ini tidak dapat dikutip balik, sebahagian pembangunan dan pembinaan di dalam negeri tidak akan dilaksanakan dengan licinnya. Di samping itu, Kerajaan Negeri terpaksa membayar balik pinjaman perumahan serta faedahnya kepada Kerajaan Pusat. Ini tentunya akan menambahkan bebanan Kerajaan dan rakyat jelata. Oleh itu, saya berpendapat bahawa adalah perlu bagi Kerajaan Negeri mengambil berat persoalan ini.

Tuan Speaker, berhubung dengan hasil kepada Kerajaan khasnya hutang bayaran sewa rumah-rumah kos rendah, saya juga ingin membangkitkan satu persoalan tentang "*Strata Title*" kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah bertingkat. Tuan Speaker, kehidupan moden hari ini menegaskan rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah yang bertingkat. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensinya, PDC serta kebanyakan projek-projek perumahan kos rendah yang di-swastakan itu juga menumpukan usahanya kepada pembinaan perumahan yang bertingkat-tingkat. Usaha ini adalah dipujikan di mana kita cuba sedaya upaya memenuhi keperluan rumah oleh rakyat di dalam negeri ini. Akan tetapi, tanggungjawab kita tidak tamat setakat ini. Tidak bermakna bagi seseorang memiliki unit-unit rumah pangsa atau *apartment* sekiranya mereka tidak memperolehi hakmilik yang sah. Hakmilik yang sah ini bererti satu jaminan kepada penghuni-penghuni. Hakmilik ini juga bererti membolehkan kesenangan untuk melepaskan harta itu, iaitu ianya mempunyai pasaran. Hakmilik ini juga membolehkan seseorang pembeli mendapat pinjaman dari mana-mana satu institusi kewangan dengan kadar faedah yang paling rendah sekali, terutamanya kepada

rumah-rumah *apartment*/bertingkat yang harganya melebihi \$100,000.00.

Tuan Speaker, Akta *Strata Title* 1985 kini dilaksanakan di Pulau Pinang. Akan tetapi, adakah pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengamalkan kebijaksanaan Parlimen ini? Satu hari demi satu hari, kita mendengar aduan-aduan dari penghuni-penghuni rumah pangsa bahawa mereka tidak sanggup memperolehi hakmilik yang sah bagi unit-unit yang diduduki masing-masing. Kadangkadang ada setengah dari mereka ingin menjual rumahnya kerana taraf kehidupan telah bertambah baik, tetapi didapati pembeli-pembelinya tidak mempunyai wang yang secukup untuk membeli rumahnya dengan bayaran sekaligus. Ini adalah kerana pembeli-pembeli ini apabila memohon bantuan kewangan dari institusi kewangan untuk menyelesaikan pembeli itu, mereka menghadapi masalah sebab institusi-institusi kewangan tidak berminat memberi pinjaman kepada mereka. Ini juga disebabkan bank-bank ini tidak bertanggungjawab, iaitu bank-bank ini tidak memainkan peranannya dengan berkesan dalam usaha Kerajaan untuk memberi tempat kediaman kepada orang-orang miskin dan berpendapatan rendah. Kenapa bank-bank ini hendak meminjam wang dengan kadar faedah 8% apabila bank-bank ini boleh mendapat keuntungan yang lebih baik di bidang-bidang pinjaman lain. Oleh itu, saya mengatakan mereka tidak bertanggungjawab. Memandangkan ini adalah kewajipan Kerajaan Negeri, maka pihak Kerajaan harus memberi perhatian yang berat kepada pembekalan *Strata Title* ini.

Tuan Speaker, di bawah Seksyen 8, syarat-syarat adalah dikenakan bagi pemaju sesebuah pembinaan yang telah siap di atas tanah yang boleh dipindahkan hak untuk memohon pembahagian kecil pembinaan itu sekiranya ia telah menjual atau bersetuju menjual mana-mana bahagian pada bila-bila masa. Akta ini memberi tempoh tidak melebihi enam bulan untuk membuat permohonan sedemikian dengan membenarkan satu tempoh lanjutan sekali sahaja selama tidak melebihi tiga bulan. Oleh itu, tempoh maksima yang dibenarkan ialah sembilan bulan dari tarikh yang mana penjualan yang pertama sebahagian di dalam pembinaan itu dilakukan, iaitu perjanjian yang pertama untuk dijual. Jika tidak berbuat demikian, seseorang pemaju akan dikenakan denda tidak melebihi \$5,000.00 dan denda selanjut tidak melebihi \$1,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu berikutan.

Tuan Speaker, adakah kita melaksanakan Akta ini? Biarkan kita tidak menyentuh pemaju-pemaju swasta. Biarkan kita sentuh kepada PDC saja, iaitu satu agensi Kerajaan di Pulau Pinang sebagai pemaju rumah pangsa yang terbesar sekali. Sekiranya pemaju-pemaju swasta tidak bertanggungjawab, tiada alasan bagi PDC mengikutnya. Sebaliknya, pihak PDC sebagai satu agensi Kerajaan harus menjadi panduan dan satu tauladan yang baik kepada lain-lain pemaju. Kita harus ingat — hutang PDC akan bertambah sekiranya Seksyen 8 ini dilaksanakan dengan ketat. Adakah mereka berharap bantuan dari Kerajaan yang akhirnya bererti rakyat akan membayarnya ataupun mereka berharap Kerajaan mengabaikan undang-undang dan mencari jalan yang lain? Jika ia demikian, kita mesti menjadi satu Kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Jika betul, maka kita akan melanggar undang-undang Parlimen.

Tuan Speaker, saya berpendapat bahawa kita harus melaksanakan Akta *Strata Title* dengan berkesan berasaskan kepada alasan-alasan seperti berikut:-

- (i) Pendapatan hasil negeri akan bertambah daripada kutipan memproses permohonan *strata title* dan kutipan denda bagi mereka yang melanggar Akta ini. Pendapatan ini akan dapat digunakan untuk projek-projek pembangunan demi kepentingan rakyat.
- (ii) Pembeli-pembeli rumah pangsa atau bertingkat akan mempunyai hakmilik yang sah — iaitu hak yang terjamin. Ini akan mengelakkan daripada pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab untuk gadaikan tanah kepada institusi-institusi kewangan dan melepaskan tangan, meninggalkan masalah yang rumit kepada pembeli-pembeli untuk menyelesaikan. Ini adalah merupakan satu ketakutan dan ketidakpercayaan kepada pembeli-pembeli.
- (iii) *Strata title* bererti unit-unit rumah pangsa akan mempunyai pasaran, iaitu mewujudkan pasaran perumahan di mana perniagaan, pendapatan akan meningkat dan terus mewujudkan satu keadaan pelaburan yang lebih baik di dalam negeri.
- (iv) Pengurus rumah-rumah pangsa kemudiannya akan dipindahkan kepada penghuni-penghuni rumah pangsa itu sendiri.

Ianya akan memupuk kesedaran masyarakat, kebersihan dan memberi satu peluang kepada pengurusan, iaitu penghuni-penghuni rumah pangsa untuk memperbaiki dan meningkatkan kehidupan masyarakat sendiri. Pada masa kini, pengurusan rumah pangsa sedemikian adalah di tangan pihak pemaju. Mereka mengenakan bayaran penyelenggaraan tetapi tidak memberi perkhidmatan yang baik kepada penghuni-penghuni. Saya difahamkan bahawa ada setengah-setengah rumah pangsa Kerajaan dan rumah pangsa PDC telah mengabaikan penyelenggaraan oleh sebab setengah penghuni tidak membayar bayaran penyelenggaraan. Oleh itu, ini adalah tidak adil dan memecat hak penghuni-penghuni yang telah membayar bayaran mereka. Kesemua ini akan dikurangkan sekiranya *strata title* dikeluarkan dan penghuni-penghuni rumah pangsa boleh menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan sendiri.

Berdasarkan apa yang telah saya sentuh di atas, adalah perlu dan mustahak melaksanakan Akta *Strata Title* dengan segera khususnya bagi bahagian yang berkenaan dengan pemberian *Strata Title* kepada penghuni-penghuni rumah pangsa. Ini adalah satu tanggungjawab bagi Kerajaan yang baik untuk memastikan keperluan rakyat dapat dijaga dan hak mereka diperindungi. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji perkara ini dengan serius dan jika perlu, menubuhkan sebuah pasukan petugas untuk menyelia pelaksanaan Akta *Strata Title* di Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, pemberian mengikut kiraan kepala dalam Belanjawan Negeri Pulau Pinang 1989 ialah \$6,810,000.00. Pemberian mengikut kiraan kepala bagi tahun 1981 ialah \$6,303,125.00. Jika dibandingkan pemberian mengikut kiraan kepala bagi tahun 1989 dengan tahun 1981, maka anggarannya bertambah sebanyak \$506,875.00.

Tuan Speaker, bilangan penduduk pada masa kini telah bertambah begitu pesat jika dibandingkan dengan bilangan penduduk pada tahun 1981. Pada tahun 1989, pemberian mengikut kiraan kepala dari Kerajaan Persekutuan ialah \$6,810,000.00. Mengikut pembahagian pemberian kepada bilangan penduduk sebanyak 1 juta orang, maka seorang hanya akan dapat sebanyak \$6.81¢

setiap tahun. Adakah pemberian ini adil atau tidak? Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia mempunyai perasaan yang sama. Memandangkan kepesatan bilangan penduduk di Negeri Pulau Pinang, perkembangan kilang-kilang, kedai dan perdagangan juga turut pesat. Oleh itu, kuasa pembelian orangramai juga meningkat. Ini jelas menunjukkan penduduk Pulau Pinang memberi cukai yang banyak kepada Kerajaan Pusat. Akan tetapi, pemberian mengikut kiraan kepala dari Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Pulau Pinang tahun 1989 hanya bertambah \$506,875.00 jika dibanding dengan tahun 1981. Peratusnya hanya bertambah 8% saja. Ini tidak adil kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri akan menuntut lebih banyak pemberian mengikut kiraan kepala daripada Kerajaan Pusat secara adil. Dengan adanya tambahan pemberian ini, segala pembangunan dan pembinaan dalam negeri akan dapat dimajukan. Saya percaya bahawa bayaran cukai dari penduduk-penduduk lain negeri kepada Kerajaan Pusat tidak begitu banyak daripada penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang. Akan tetapi, saya juga percaya bahawa pemberian mengikut kiraan kepala dari Kerajaan Pusat kepada negeri-negeri lain adalah lebih banyak daripada Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, pemberian jalanraya negeri dari Kerajaan Pusat kepada Negeri Pulau Pinang pada tahun 1981 ialah \$3,034,630.00. Pemberian bagi tahun 1989 ialah \$10,359,000.00. Jika dibanding dengan tahun 1981, pemberian jalanraya negeri pada tahun 1989 adalah bertambah sebanyak \$7,334,367.00. Peratusannya ialah 24.2%. Oleh itu, saya merasa tidak ada sebab bagi Kerajaan Pusat menambahkan pemberian jalanraya tetapi tidak menambahkan pemberian mengikut kiraan kepala kepada Negeri Pulau Pinang. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat memerhati diskriminasi dalam pemberian ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, penjelasan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

No, please sit down! Please sit down!

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Penjelasan mengenai perkara ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Please sit down, tidak beri jalan. O.K?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, sila duduk!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

O.K. sit down first.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Jangan takut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Apa takut?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Saya mahu bantu.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Jangan bantu, saya lebih tahu.

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Pengkalan Kota, sila duduk!

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Please sit down. I know better than you. If you don't know, I teach you. O.K?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

What do you know?

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Do you know, what I am talking? Sila duduk! Jangan kacau, jangan ganggu, awak tidak tahu tapi mahu jadi hero.

Negeri Pulau Pinang adalah sebagai pusat pelancongan. Banyak kelab-kelab rekreasi telah ditubuhkan semasa Kerajaan Negeri berusaha memajukan perusahaan pelancongan. Kutipan hasil hiburan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri bagi setiap tahun ialah \$3.5 juta. Anggaran ini merupa-

kan satu pendapatan besar kepada Kerajaan Negeri. Di samping memperoleh pendapatan hasil, Kerajaan juga harus memerhati persoalan akhlak dan moral. Ini disebabkan oleh separuh kelab ini telah melanggar syarat-syarat tertentu. Pada kebelakangan tiga bulan yang lepas, pihak polis telah menangkap setengah gadis yang belum dewasa di kelab-kelab itu dalam tindakan tebusan. Perkara ini telah mempengaruhi dengan serius kelab-kelab yang benar-benar memberi hiburan dan rekreasi yang bersih dan sihat. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat meneliti perkara ini. Selain dari itu, saya juga menerima aduan-aduan daripada orang-ramai bahawa setengah murid sekolah sentiasa kunjungi kelab-kelab itu dan mengabaikan pelajaran mereka. Oleh itu, saya mengesa Kerajaan Negeri akan mengenakan syarat supaya pemuda-pemudi yang belum dewasa serta murid-murid sekolah dihalan memasuki kelab-kelab itu. Kerajaan Negeri juga perlu mengambil tindakan yang tegas dan sentiasa memeriksa kelab-kelab itu supaya memastikan aktiviti-kaitiviti hiburan yang bersih dan sihat dijalankan dalam kelab-kelab itu.

Tuan Speaker, anggaran perolehan daripada jualan barang-barang bagi tahun 1988 — Kod: 7300 dalam Belanjawan Negeri Pulau Pinang ialah \$16,581,000.00. Tetapi setelah disemak dengan teliti, anggarannya telah dikurangkan sebanyak \$4,981,000.00. Hasil Kerajaan Negeri telah berkurangan sebanyak \$11,600,400.00. Satu lagi anggaran 'premium land' — Kod: 7302 bagi tahun 1988 ialah \$13,000,000.00. Selepas disemak, anggarannya telah dikurangkan sebanyak \$2,300,000.00. Anggaran Hasil Kerajaan Negeri juga berkurang sebanyak \$10,700,000.00.

Tuan Speaker, semasa kita menyediakan satu Belanjawan, sama ada sektor swasta atau syarikat besar, Majlis Perbandaran atau Kerajaan Negeri, tidak boleh menjamin 100% yang betul. Akan tetapi, Anggaran Belanjawan itu juga tidak boleh berbeza begitu besar. Sekiranya tidak ada kepastian, biarlah kita menyediakan satu angka yang tepat.

Mengenai anggaran Perolehan Daripada Jualan Barang-barang Tahun 1989 sebanyak \$14,175,000.00 dan anggaran 'premium land' ialah sebanyak \$11,800,000.00. Saya merasa curiga sama ada tujuan ini dapat dicapai atau tidak? Sekiranya kita tidak dapat memperoleh kedua-dua angka yang dianggarkan, maka kurangan mungkin melebihi \$10 juta. Oleh itu, saya berharap Kerajaan memerhati kedua-dua anggaran tersebut di atas.

Tuan Speaker, satu lagi sumber pendapatan Kerajaan Negeri dalam Belanjawan Negeri 1989 ialah sebanyak \$850,000.00. Ianya datang daripada sewaan bangunan-bangunan dan rumah-rumah Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan. Kita memahami bahawa Kerajaan Negeri mempunyai banyak harta seperti bangunan-bangunan dan rumah-rumah yang terletak di kawasan yang baik. Dikesalkan bahawa rumah-rumah dan perabut-perabut Kerajaan terlalu lama. Saya percaya kutipan hasil Kerajaan Negeri dari sewaan rumah-rumah Kerajaan yang terlalu buruk. Dari segi ekonomi, Kerajaan Negeri harus mempunyai satu rancangan untuk merobohkan sebahagian rumah-rumah Kerajaan yang buruk sekali, dan digantikan dengan bangunan yang bertingkat-tingkat untuk dijual atau disewa kepada kakitangan Kerajaan. Dengan itu, tanah Kerajaan tidak akan dibazirkan. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga boleh menswastakan setengah kawasan yang baik bagi tujuan pembinaan rumah-rumah pangsa. Ini tentu akan menambahkan hasil Kerajaan setiap tahun. Ini selaras dengan cadangan saya bagaimana menambah pendapatan Kerajaan Negeri tanpa membebankan rakyat jelata.

Tuan Speaker, mengikut Belanjawan Negeri Tahun 1989, pokok-pokok buah-buahan yang dipajakkan di dalam negeri ialah sebanyak \$120,000.00. Adakah harga pajak sebanyak \$120,000.00 ini mengikut harga pasaran dan berapakah pohon buah-buahan dapat dipajakkan? Berapakah luasnya kawasan tanaman pokok-pokok buah-buahan dan apakah jenis buah-buahan? Sekiranya harga tender itu lebih rendah daripada harga pasaran, adakah Kerajaan Negeri menimbangkan semula harga tender yang sebenarnya sebab ini merupakan satu sumber pendapatan tambahan Kerajaan Negeri.

Sebelum saya menamatkan perbahasan saya, saya sekali lagi ingin mengingatkan Kerajaan Negeri bahawa kurangan bagi anggaran perbelanjaan mengurus adalah sebanyak \$8,055,010.00 sekiranya tiada sebarang perubahan yang besar dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Mengurus Tahun 1989. Akan tetapi, anggaran perbelanjaan mengurus ini tidak termasuk perbelanjaan kenaikan gaji bagi kakitangan Kerajaan yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Parlimen baru-baru ini. Oleh itu, sekiranya perbelanjaan kenaikan gaji ini dicampur dalam anggaran perbelanjaan mengurus tahun 1989, maka kurangan perbelanjaan mengurus tetap akan meningkat dan dianggarkan sekurang-kurangnya melebihi \$10

juta. Saya di sini menyeru Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri harus menimbulkan perkara ini dalam Mesyuarat *National Financial Council* yang akan datang dan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya perbelanjaan kenaikan gaji kakitangan Kerajaan itu dapat diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan memberi satu 'Grant' peruntukan yang asing dan bukannya merupakan satu pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Dengan ini, bebanan kewangan Kerajaan Negeri tidak akan diberatkan. Memandangkan peruntukan dari Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah kecil jika dibandingkan dengan peruntukan bagi lain-lain negeri. Tambahan pula, Negeri Pulau Pinang adalah merupakan salah satu negeri yang memberi kutipan hasil dan cukai yang terbanyak sekali kepada Kerajaan Pusat. Oleh itu, peruntukan 'grant' yang saya maksudkan itu adalah berpatutan untuk membantu mengurangkan kurangan perbelanjaan mengurus bagi tahun 1989.

Tuan Speaker, sekali lagi saya menyokong usul Y.A.B. Ketua Menteri tentang Rang Undang-undang — Enakmen Perbekalan (1989), Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Tan Loo Jit):

Tuan Speaker, saya bangun mengambil bahagian untuk membahaskan belanjawan 1989 dan ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa perkara seperti berikut:-

Yang pertama, Tuan Speaker, lalu-lintas di negeri ini masih kelam kabut. Pemandu-pemandu dari luar negeri takut membawa keretanya di jalan raya kita. Kesesakan di sana, sini.

Jalan-jalannya masih kecil dan sempit. Deretan jalan dari lapangan terbang ke bulatan Bayan Baru masih gelap gelita. Di Seberang Perai, sebaik keluar dari pekan atau bandar, masuklah orang ke kawasan gelap. Kalau ada lampu pun, hanya sebuah, dua saja.

Tuan Speaker, feri banyak digunakan oleh rakyat biasa. Sejak runtuhnya jeti feri yang mengorbankan 32 nyawa dan mencederakan beratus-ratus orang, perkhidmatannya masih belum sempurna dan sesuai. Bagi langkah sementara, digunakan feri untuk membawa kereta itu. Penumpang terpaksa berjalan kaki di bawah matahari tarik dan berhujan. Buat mereka yang naik keretapi,

jauh lagi terpaksa mereka berjalan dan membuang masa.

Tuan Speaker, lalu-lintas yang tidak licin sudah pasti membuang masa rakyat dan memboroskan wang dan tenaga manusia. Kadang-kadang rosak lampu isyarat di persimpangan jalan, tidak nampak ada polis trafik yang bertugas di situ.

Penjaja-penjaja juga tidak diberi tempat sesuai untuk berniaga. Oleh kerana hendak mencari rezeki, mereka terpaksa berjaja di tepi jalan. Ini lebih memburukkan keadaan lalu-lintas. Keadaan di sepanjang Jalan Jelutong dan Jalan Perak dapat menunjukkan gambaran yang sebenar.

Yang kedua, Tuan Speaker, tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan Negeri banyak menarik pelaburan dari luar negeri. Akan tetapi nampaknya Kerajaan tidak memberi perhatian kepada pelabur tempatan. Mungkin ada orang kata modal tempatan terlalu kecil. Ini tidak menjadi masalah. Modal-modal ini boleh digabungkan atau diusahakan bersama satu dengan yang lain. Perindustrian yang dibawa masuk ini juga mendatangkan kesulitan kepada pekerja-pekerja tempatan. Mereka dibuang saja kalau kilang tersebut ditutup. Kasihan para pekerja kerana mereka telah bekerja lama di situ. Ada yang menganggur, terus menganggur kerana mereka tidak ada kemahiran yang lain kecuali bekerja di kilang saja.

Terdapat tidak sedikit orang yang menjadi penjaja hari ini. Ini jelas menunjukkan mereka ini ialah orang yang dibuang kilang. Apa guna dengan wang pampasan yang sedikit itu. Hanya cukup makan buat satu masa yang pendek saja. Diharap Kerajaan membantu mereka ini dengan mendirikan kilang-kilang sendiri supaya dapat mengambil balik pekerja-pekerja ini. Tambahan pula mereka telah mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang itu. Tetapi, sayang sekali perindustrian yang diusahakan oleh PDC, banyak yang mengalami kerugian. Ada yang banyak berhutang, ada yang hampir-hampir bankrap. Saya menyeru kepada pihak Kerajaan jadilah majikan sendiri dan janganlah biarkan rakyat kita menjadi pekerja orang.

Yang ketiga, Tuan Speaker, negeri ini sangat bergantung kepada perindustrian pelancongan. Akan tetapi, kita harus juga memberi banyak perhatian dan berusaha lebih giat untuk menarik lebih ramai pelancong.

Kita ada pantai. Tetapi pantai hari ini tidak sebersih dahulu. Sekarang juga kurang atau tidak ada langsung kemudahan bagi perenang atau orang yang bermain ke situ untuk berehat. Tidak ada penyelamat di tepi laut, tidak ada bilik air atau tempat menyalin baju.

Ramai pelancong telah menjadi mangsa kepada penjahat dan perompak. Beg mereka dirampas. Kadang-kadang dcederai pula. Ada juga pelancong wanita dinodai. Saya menyeru tambahan lagi bilangan polis pelancongan di kawasan-kawasan peranginan dan tempat-tempat yang sering dikunjungi orang. Negeri ini memang penuh dengan bermacam-macam jenayah. Pihak polis sudah cukup sibuk dengan pekerjaan hariannya. Agak kurang adil jika mereka dipanggil untuk berkhidmat di tepi pantai pula. Polis pelancongan ini mestilah mereka yang boleh bertutur sedikit sebanyak bahasa asing. Jika tidak susahlah para pelancong hendak berhubung dengan mereka.

Yang keempat, Tuan Speaker, di kawasan pilihanraya Batu Lanchang, terdapat beberapa masalah perumahan. Sebuah projek perumahan yang diusahakan oleh Yew Lean Development Sdn. Bhd. di Jalan Perak telah tergendala. Beratus-ratus pembeli telah menghadapi masalah kewangan dan kerumitan. Antara mereka kebanyakan ialah penjaja, peniaga kecil, pekerja kilang, buruh atau pekedai. Terdapat sesetengah daripadanya telah membayar 60 hingga 90 peratus harga rumah itu. Akan tetapi, rumah-rumah itu ada yang separuh dibina, ada yang tidak nampak bayang pun.

Kami tidak boleh membiarkan perkara ini berpanjangan dan berlarutan dan tidak memberi apa-apa pertolongan kepada si pembeli itu. Kerajaan Negeri harus boleh berbuat sesuatu jika ia berhasrat berbuat demikian. Jangan lupa mereka adalah rakyat negeri ini. Jika mereka menghadapi masalah perumahan dan tidak ada tempat kediaman, mereka mungkin tidak dapat menyumbangkan tenaga kepada pembangunan masyarakat dan negeri kita.

Yang kelima, Tuan Speaker, satu lagi masalah di kawasan saya ialah tentang telaga air. Selalu dikaitkan oleh pihak Kesihatan M.P.P.P. Air telagalah yang membawa kuman kepalu (*typhoid*), taun dan lain-lain penyakit. Maka ada cadangan ditutup saja telaga-telaga di kawasan Jalan Perak dan Jalan Jelutong Barat.

Penutupan telaga ini sudah tentu akan menjejaskan hidup dan pendapatan penduduk-penduduk di situ. Air telaga sesuai digunakan untuk penanaman taueh kerana suhu airnya sederhana dan ia tidak mengandungi lain-lain bahan kimia seperti di dalam air paip. Apa lagi, kini belum diketahui sama ada air telaga atau sampah-sarap yang ditimbunkan di Jalan Jelutong Timur itu punca kuman membiak? Kami menyeru kepada pihak berkenaan jangan menutup telaga selagi belum dikesan mana satu yang membawa dan membiak kuman itu. Saya minta pihak berkenaan memberi perhatian serius dan pertimbangan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini.

Yang keenam, Tuan Speaker, tentang projek kecil di kawasan saya. Projek yang saya minta itu ada yang diluluskan, ada yang tidak. Selama ini saya telah menerima beberapa surat dari Jabatan Kejuruteraan, M.P.P.P. menyatakan permohonan bagi projek kecil harus dibuat melalui J.K.K.K., Rukun Tetangga, Persatuan Penduduk atau badan-badan sosial yang tidak berbentuk politik. Soalnya sekarang ialah sama ada projek kecil yang kami cadangkan itu masuk akal atau tidak? Berfaedah kepada penduduk-penduduk atau tidak? Ada atau tiada peruntukan untuk projek kecil itu? Jika ia '*feasible*', dengan izin, kenapa ia tidak diterima?

Wakil Rakyat dipilih oleh semua pengundi. Dia bukan mewakili satu parti sahaja, tetapi ia mewakili semua rakyat di kawasan itu. Tugasnya ialah memberi perkhidmatan kepada semua rakyat. Beliau adalah Ahli Dewan yang mulia ini. Kenapa projek-projek itu tidak ditimbang berdasarkan jasa dan merit. Apa ini dasar M.P.P.P.? Saya berharap Exco yang berkenaan memberi perhatian segera dan serius ke atas perkara ini.

Tuan Speaker, akhirnya, saya patut memberi pujian kepada Pihak Berkuasa Air dan L.L.N. yang menjalankan tugas dan memberi perkhidmatannya kepada semua pembayar cukai dan rakyat. Badan-badan ini bersifat rasional, adil, berperikemanusiaan dan penuh dengan *profesionalisme*.

Sekian, terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh selama 15 minit untuk minuman.

Dewan ditangguh pada jam 4.16 petang.

Dewan disambung semula pada 4.49 petang.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Siapa ingin mengambil bahagian?

Ahli dari Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, sebagai seorang Wakil Rakyat, saya berwajib menyuarakan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat rakyat di Dewan yang mulia ini. Pada hakikatnya, makin ramai rakyat Negeri Pulau Pinang sudah hilang keyakinan terhadap Kerajaan Negeri. Ini adalah disebabkan bukan sahaja mereka tidak lagi mendengar pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan Ketua-ketua Kerajaan melaung-laungkan cogan kata "Bersih, Cekap dan Amanah" dan "Kepimpinan Melalui Tauladan" bahkan mereka mengalami pengalaman sendiri. Adalah disedari bahawa Kerajaan Negeri makin lama makin tidak bersih, tidak cekap dan tidak boleh dipercayai. Untuk membuktikan hakikat ini saya ingin memberi beberapa contoh di bawah ini.

Pada 5 September, 1988, Pensyarah, Badan Pencegah Rasuah mendedahkan Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri di mana kedudukan keadaan rasuah di nombor ketiga dalam negara kita yang mana hanya di belakang Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sahaja. Perkara ini bukan disebut oleh saya, ia juga disebut oleh parti-parti pembangkang tetapi tidak lain tidak bukan didedah oleh orang nombor satu dalam bidang anti rasuah Kerajaan dalam satu upacara rasmi di Kuala Lumpur. Lebih-lebih lagi Y.B. Tuan Speaker Dewan yang mulia ini pun terlibat dalam satu kes yang disyaki (gangguan)

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, terlibat di mana? Ada buktikah?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Saya kata yang disyaki.

Tuan Speaker:

Jangan menggunakan Dewan ini untuk tuduh orang (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tidak tuduh. Tuan Speaker, saya kata ini

satu kes yang disyaki. Ini kes telah dilaporkan kepada Polis.

Di bawah keadaan ini, macam mana rakyat negeri kita ini boleh percaya bahawa Kerajaan Negeri ini adalah sebuah Kerajaan yang bersih. Saya minta Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu kita apakah beliau percaya dengan kebersihan Y.B. Tuan Speaker. Apakah tindakan telah diambil untuk memulihkan imej baik Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, tentang kecekapan. Rakyat Negeri Pulau Pinang terutamanya penduduk-penduduk di Bukit Mertajam memang berimej kuat berkenaan dengan ketidakcekapan Kerajaan. Misal kata, dalam perkara kerosakan jalan. Penduduk-penduduk di Bukit Mertajam akan bersyukur sekiranya jalan yang rosak itu dapat diperbaiki oleh Jabatan Kerja Raya dalam tempoh masa satu bulan oleh kerana pada masa sekarang jalan-jalan yang rosak itu kadang-kadang terbiar sahaja — bulan demi bulan. Kerosakan lampu-lampu di pusat penjaja malam di Taman Sentosa, Bukit Mertajam merupakan satu contoh lain ketidakcekapan Kerajaan Negeri. Kerosakan ini sudah hampir satu tahun. Saya telah membangkitkan perkara ini pada 28 Januari tahun ini, pada Jun tahun ini barulah saya diberitahu oleh Lembaga Letrik Negara bahawa perkara ini adalah di bawah bidangkuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pada 21 Jun, 1988, saya menulis supucuk surat kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai tetapi hingga hari ini jika tidak silap saya lampu-lampu di sana masih gelap.

Pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Perkhidmatan Kesihatan juga tidak memuaskan. Ada surat-surat kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai tidak dapat sebarang jawapan termasuk pengakuan penerimaannya. Surat-surat ini seperti apa yang dikatakan oleh orang Tionghua "Szek cheng ta hai" ertinya "macam membuang batu di dalam laut", langsung tidak timbul lagi.

Tuan Speaker, berkenaan dengan perkhidmatan angkat sampah, baikpun ia diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai atau di-swastakan, saya yakin jika bukan 100% sekurang-kurangnya 90% penduduk-penduduk di Bukit Mertajam akan menunjukkan ketidakpuasan mereka sekiranya satu pungutan suara diadakan. Saya berharap Yang Berhormat dari Sungai Pinang boleh

memberitahu kita, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini semasa Rang Undang-undang ini digulung.

Tentang tidak boleh dipercayai, Presiden MCA, Datuk Ling Liong Sik telah beberapa kali mengakui dalam surat khabar bahawa beliau telah berasa bosan terhadap Barisan Nasional oleh kerana janji-janji dibuat menjelang pilihanraya umum 1986 tidak ditunaikan. Siapa lagi yang lebih layak membuktikan Barisan Nasional tidak boleh dipercayai selain daripada Dr. Lim? Mungkin ada orang mahu tanya adakah janji Kerajaan Negeri, Barisan Nasional tidak digunakan. Jawapan saya ialah memang ada. Contohnya Y.A.B. Ketua Menteri pernah berjanji (gangguan).

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, sekarang kita berbahas perbelanjaan, bukan ucapan lain (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Apa itu?

Ahli Kawasan Paya Terutong (Encik Chin Nyok Soo):

Ini *Point of Order*.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Apa *Point of Order*? Duduklah! Kalau mahu saya beri.

Tuan Speaker:

Sila duduk, Ahli Kawasan Berapit. Ada satu cadangan (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Mahu *point of order*kah?

Tuan Speaker:

Sila duduk! Ahli Kawasan Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Saya mahu tahu itu ada *point of order*?

Tuan Speaker:

Ya, betul, dia kata *point of order* untuk menegor.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Sekarang kita berbahas perbelanjaan negeri. Kalau nak buat apa-apa ucapan, bukan sekarang. Tuan Yang Terutama punya ucapan bolehlah. Sekarang sudah jadi MP Parlimen mesti faham.

Tuan Speaker:

Ahli dari Kawasan Berapit (gangguan).

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

You tak tahu. Ini sekarang peluang saya. *You* duduk!

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, ada satu teguran. Sila kedua-dua ahli duduk! Saya nak buat keputusan. Ahli Kawasan Berapit, sila mengelakkan perkara yang tidak menyentuh Dewan ini. Sila teruskan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, saya sekarang mahu menunjukkan bagaimana Kerajaan Negeri kita menjalankan tugasnya. Itu tidak bolehkah? Itu saya ingat memang boleh.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri pernah berjanji dia akan menolong pihak Sekolah Menengah Jit Sin menyelesaikan masalah tapak sekolah itu. Yang Berhormat dari Bertam juga pernah berjanji masalah ini akan diselesaikan sebelum 31 Disember, 1986. Kedua-dua janji ini dibuat menjelang pilihanraya umum 1986. Ini 24 bulan telah lepas kononnya perkara ini akan diselesaikan tidak lama lagi tetapi siapa pun tak tahu. Siapa Ahli Yang Berhormat di sebelah sana boleh beri jawapan?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Siapa mahu beri jawapan? Takut beri jawapan?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):
Kerajaan macam ini, bolehkah kita percaya?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Percaya siapa, Ahli Parlimen Bukit Mertajam?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, kes Tabung Tun Dr. Awang Hassan adalah satu kes lain yang membuktikan Ketua Kerajaan tidak mengikut perjanjiannya. Saya akan membangkitkan kes ini nanti.

Tuan Speaker, penunggang-penunggang motosikal sekarang boleh menggunakan mana-mana jalan dan jambatan dalam negara dengan percuma termasuk Lebuhraya Utara-Selatan kecuali Jambatan Pulau Pinang. Saya sudah bawa perkara ini dalam Dewan Rakyat meminta pihak yang berkenaan mengecualikan bayaran mereka tetapi malangnya permintaan saya ini gagal. Walau bagaimanapun, saya kira sekiranya Kerajaan Negeri boleh bersama-sama saya membuat permintaan ini demi kepentingan penunggang-penunggang motosikal yang mana kebanyakan mereka adalah dari golongan berpendapatan rendah, saya yakin peluang kejayaan permintaan ini akan meningkat.

Oleh yang demikian, saya ada satu pertanyaan lisan berkenaan dengan perkara ini dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri kali ini tetapi malangnya ditolak oleh Y.B. Tuan Speaker atas alasan Peraturan 25(5). Saya memang sedar kutipan tol adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Namun demikian tak kan kuasa permintaan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan pun di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Jika benar begitu, betapa kasihannya Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pada pendapat saya ini semata-mata Tuan Speaker salahguna kuasa akibat kurang faham beliau. Haraplah saya dapat jawapan daripada Y.A.B. Ketua Menteri apabila beliau menggulung supaya rakyat tahu sama ada Kerajaan Negeri benar-benar menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah.

Tuan Speaker, saya tertarik dengan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semalam dan dengan izin saya memetik ucapan Y.A.B. Ketua Menteri berkata:-

“Saya dengan ikhlasnya menggesa Kerajaan Persekutuan supaya menimbang permohonan untuk menambah jumlah pemberian ini dan memberi pemberian baru melalui penukaran pinjaman-pinjaman tertentu supaya menjadi pemberian atau berkongsi sebahagian daripada pungutan tol Jambatan Pulau Pinang dengan Kerajaan Negeri.”

Tuan Speaker, saya sokong dengan sepenuhnya gesaan Y.A.B. Ketua Menteri dan berjanji akan membangkitkan perkara ini dalam Parlimen. Bolehkah?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Beraniakah?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker, satu tahun yang lalu, saya bercadang di Dewan yang mulia ini supaya nama mendiang Encik Soon Ban Kheng digunakan di sebatang jalan di Bukit Mertajam untuk memper-ingatkan sumbangan dan jasa beliau kepada penduduk-penduduk di Bukit Mertajam di bidang pendidikan. Pada masa itu Kerajaan Negeri berkata cadangan ini akan ditimbang. Sesudah ditimbang satu tahun, saya rasa jawapan patut diberi sekarang.

Di samping itu saya juga ingin mengesyorkan di sini bahawa nama-nama jalan lama jangan ditukar dengan sesuka hati kecuali dengan alasan yang cukup meyakinkan. Sepanjang pengetahuan saya, semenjak kemerdekaan, pihak yang berkenaan biasanya menukar nama dengan dua alasan. Pertama untuk memperingatkan nama orang-orang yang berjasa kepada rakyat dan negara. Kedua, menukar nama yang berbau penjajah. Saya sokong nama-nama orang yang berjasa kepada negara dan masyarakat diguna sebagai nama-nama jalan. Sungguhpun selama ini contoh-contoh telah terbukti bahawa Kerajaan Negeri sering menyalahgunakan kuasa mereka untuk menukar jalan-jalan dengan nama-nama orang yang hanya berjasa kepada Barisan Nasional dan bukan kepada negara dan masyarakat kita.

Walaupun bagaimanapun, saya tidak bersetuju menukarkan nama jalan yang berbau penjajah. Pada hakikatnya bahawa kita pernah dikongkong atau diperintah oleh penjajah suatu ketika. Apalah salahnya kita simpan nama jalan yang berbau penjajah supaya anak cucu kita boleh ingat sejarah ini dan memupuk perpaduan antara kaum demi lebih menyintai dan menyayangi kemerdekaan negara kita. Lebih-lebih lagi peniaga-peniaga, penduduk-penduduk, pihak Kerajaan terutamanya Pejabat Pos akan menghadapi berbagai-bagai masalah sekiranya jalan yang berkenaan ditukar nama. Sekiranya jalan berkenaan ditukar nama, pentadbiran pasti terganggu dan wang akan dibazir. Demi menjimatkan wang dan tenaga maka saya bercadang

nama jalan jangan ditukar sewenang-wenangnya dan jika nama seorang mendiang mahu digunakan sebagai nama jalan gunakanlah dalam jalan baru sahaja.

Tuan Speaker, dalam jawapan Y.A.B. Ketua Menteri semalam, beliau berkata, jika tidak silap saya, sebahagian wang Tabung Bantuan Tun Dr. Awang bin Hassan akan dijalankan pada awal tahun hadapan sebaik sahaja Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Bantuan tersebut diadakan dan perkara ini sekali lagi Y.A.B. Ketua Menteri sebagai Pengerusi Tabung Bantuan tersebut tidak memberi satu masa dan tarikh yang tetap. Bukanlah sebelum itu Y.A.B. Ketua Menteri telah memberitahu beliau akan mengumumkan cara urusan tabung bantuan tersebut selepas Mesyuarat Jawatankuasa diadakan pada 26 September yang lalu. Sekarang pula kata awal pada tahun hadapan. Jadi soalan yang timbul di kalangan rakyat sekarang, mungkinkah pada awal tahun hadapan Y.A.B. Ketua Menteri sekali lagi mengumumkan bahawa sebahagian wang tabung bantuan tersebut hanya dijalankan pada pertengahan tahun atau akhir tahun.

Tuan Speaker, mungkin pada pendapat Y.A.B. Ketua Menteri sebahagian wang tabung bantuan boleh dilambatkan selepas \$400,000.00 dibahagikan kepada keluarga-keluarga simati dan mangsa-mangsa cedera dalam tragedi jeti feri di Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth. Akan tetapi beliau sudah lupa atau beliau tidak sedar masih ramai mangsa-mangsa cedera berihat di rumah mereka untuk menunggu pemulihan badan mereka dan rezeki keluarga mereka sedang terancam. Demi kepentingan mereka ini, saya mencadangkan supaya sebanyak \$200,000.00 wang tabung bantuan tersebut diperuntukkan kepada semua keluarga yang berkenaan dan mangsa-mangsa cedera dengan serta-merta sebelum sekolah dibuka pada 2 Januari, 1989 dan bakinya habis dibahagi sebelum 6 Februari, 1989 iaitu Tahun Baru Cina. Selepas itu membubarkan jawatankuasa itu.

Tuan Speaker, akhirnya saya ingin memberi sedikit *comment* tentang ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semalam yang mana beliau berkata dengan izin saya petik dalam muka surat 3:-

“Semua perbelanjaan akan dikawal rapi dan perbelanjaan akan hanya dibenarkan bagi aktiviti-aktiviti yang segera dan amat mustahak sahaja.”

dan juga di muka surat 14 bahawa Y.A.B. Ketua Menteri berkata:-

“Kerajaan telah menyemak dengan teliti prestasi belanjawan semua jabatan dan berharap bahawa semua jabatan dapat menjalankan semua aktiviti mereka dengan cekap dan berkesan.”

Tetapi Tuan Speaker, saya ingin mengambil satu contoh dalam Laporan Ketua Audit Negara muka surat 13, kebenaran untuk mengeluarkan wang pinjaman. Ini perenggan 30.

“Undang-undang memperuntukkan bahawa pengeluaran wang daripada akaun pinjaman hendaklah dengan kebenaran waran daripada Ketua Menteri. Dalam tahun 1985, wang pinjaman sebanyak \$7.53 juta telah dikeluarkan tanpa waran pinjaman.”

Tuan Speaker, mungkin Y.A.B. Ketua Menteri boleh memberi jawapan apabila beliau mengulung. Satu lagi Tuan Speaker, muka surat 17, perenggan 42:-

“Setakat akhir tahun 1985, Kerajaan Negeri berhutang kira-kira \$243,870.00 kepada Syarikat Telekom Malaysia mengenai 20 talian bagi PABX di KOMTAR. Selain daripada itu diperhatikan Kerajaan Negeri belum lagi menjelaskan bayaran yang berjumlah kira-kira \$108,000.00 bagi beberapa talian terus yang lain. Kerajaan Negeri juga belum menjelaskan bil-bil sebanyak \$29,169.00 mengenai 62 talian yang telah dipotong semenjak beberapa tahun.”

Perenggan 41:-

“Peraturan Kewangan menwajibkan bil-bil dibayar dalam tempoh sebulan dari tarikh penerimaannya. Diperhatikan Pejabat Setiausaha Kerajaan masih belum menjelaskan bil-bil elektrik Dewan Sri Pinang yang berjumlah \$68,762.00. Bil-bil tersebut telah diterima dalam tahun 1982 hingga tahun 1984.”

Tuan Speaker, ini menunjukkan betapa cekapnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam perkara ini. Adakah itu cekap dan bersih?

Tuan Speaker, akhirnya saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan politik di dalam

negeri ini oleh kerana Y.A.B. Ketua Menteri menasihatkan bahawa parti-parti dalam negeri jangan buat kacau. Tetapi nampaknya baru-baru ini ada peniaga politik dalam (gangguan).

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Berapit, ini bukan tempat ahli politik.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, tapi kita mahu itu politik (gangguan).

Tuan Speaker:

Politik di luar, bukan di Dewan.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, kita mahu politik stabil (gangguan).

Tuan Speaker:

Rapat umum boleh cakap politik. Di sini tak boleh. Di sini masalah rakyat. Kalau tidak ada lain, sila duduk! Kalau politik tidak boleh.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Itu bukan politik. Itu untuk kestabilan.

Tuan Speaker:

Untuk kestabilan boleh. Tetapi politik tidak boleh.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, penjelasan. Kita semua ahli dari *political party*. DAP, MCA, GERAKAN, MIC, kalau tidak cakap politik macam mana boleh?

Tuan Speaker:

Walaupun kita semua ahli politik tetapi peraturan-peraturan ini mesti dikuatkuasakan. Adakah memberi kehormatan kepada peraturan-peraturan?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Mana? Tunjuk peraturan yang tidak boleh cakap politik?

Tuan Speaker:

Itu untuk rakyat.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Tunjuklah! Mana?

Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Ayer Itam, sila duduk!

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Gooi Hock Seng):

Kalau tak tahu jangan sebut.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Tuan Speaker (gangguan).

Tuan Speaker:

Ada perkara lain?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, perkara yang akhir.

Tuan Speaker:

Bukan politik?

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Ya, saya ingat mahu memberi nasihat kepada MCA oleh kerana mereka mahu kerusi Ketua Menteri (gangguan).

Ahli Kawasan Mak Mandin (Dr. Sak Cheng Lum):

Kalau Yang Berhormat hendak memberi nasihat kepada MCA, baik masuk MCA dulu.

Ahli Kawasan Berapit (Encik Chian Heng Kai):

Itu lain perkara. Saya kata MCA ada berminat untuk kerusi Ketua Menteri, jadi saya bercadanglah supaya MCA boleh berhubung dengan Y.A.B. Ketua Menteri supaya masuk balik MCA. Itu perkara boleh selesai.

Sekian terima kasih, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan ahli-ahli yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini bahawa Peraturan 46(8) akan dikuatkuasakan. Siapa ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya bangun mohon izin

untuk mengambil bahagian membahas Rang Undang-undang yang telah dibentang oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang iaitu suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi peruntukan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Sepertimana yang telah disarankan oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu sejumlah \$68,146,170.00 akan dipergunakan untuk perbelanjaan yang dicadangkan bagi tahun 1989 sepertimana yang tercatat di dalam risalah Bilangan 10 tahun 1988.

Sepertimana yang telah sama-sama kita maklum bahawa belanjawan ini merupakan belanjawan *deficit* bagi tahun 1989 kerana jumlah hasil yang jangka dipungut sebanyak \$105,253,170.00 yang mana dijangka perbelanjaan kita iaitu berhubung dengan jumlah anggaran mengurus pula sebanyak \$113,308,180.00. Ini membuktikan atau menunjukkan *deficit* sejumlah \$8 juta.

Sepertimana yang kita sama maklum, walaupun perbelanjaan ini menunjukkan *deficit* adalah juga diramalkan pertumbuhan pendapat yang diramalkan bagi tahun 1989 sebanyak 7.4% kalau kita bandingkan dengan pertumbuhan di negeri-negeri lain adalah amat baik sekali. Berlainan sekali dengan pendapat salah seorang wakil pembangkang bahawa ini adalah pertumbuhan yang kurang baik.

Saya juga merasa kesal kerana terdapat pihak pembangkang mengatakan bahawa kelemahan, kelambatan prestasi ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang dan menyebutkan juga krisis keyakinan, sentimen perkauman yang berlaku dalam perpecahan kaum pada masa kini yang mana saya nafikan perkara ini berlaku tetapi perkara ini dibangkitkan adalah dari pihak pembangkang sendiri yang cuba mengapi-apikan orang ramai mengatakan Kerajaan kita ini menjalankan pentadbirannya secara yang tidak seimbang.

Sama-sama kita maklum, Kerajaan kita telah berusaha melalui konsep Rukun Negara untuk menunjukkan supaya setiap rakyat kita mengamalkannya supaya mempunyai kepercayaan kepada Tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang, kesopanan dan kesusilaan. Tetapi masih terdapat segolongan terutama pihak parti-parti pembangkang tidak mengamalkan konsep ini dan sentiasa cuba memutarbelitkan hasrat Kerajaan untuk menyatukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini dengan berbagai cara dan rancangan yang telah

diadakan. Dibangkit-bangkitkan sepertimana perhimpunan SEMARAK iaitu setia sama rakyat. Agak saya pihak pembangkang telahpun takut pada bayang-bayang mereka sendiri kerana apa yang telah berlaku di Pulau Pinang pada 3 September yang lalu, kita jangka kehadiran rakyat dalam SEMARAK ini 40,000 orang tetapi lebih daripada 80,000 orang menghadiri SEMARAK di Mengkuang. Patut kita mengucap terima kasih kepada penganjur SEMARAK ini. Ini membuktikan rakyat mempunyai keyakinan yang penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional lebih-lebih lagi Kerajaan Pulau Pinang yang dipimpin oleh Y.A.B. Dr. Lim Chong Eu. Saya harap supaya perkara yang sedemikian akan dapat dipelajari oleh pihak pembangkang akan usaha-usaha ke arah perpaduan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk juga Kerajaan Pusat Malaysia.

Saya juga suka mengingatkan sepertimana kata pihak pembangkang di mana tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 dan sepertimana kata Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri perkara ini akan diberi peluang yang sama sama ada pihak Kerajaan atau pihak pembangkang untuk mengemukakan kehendak-kehendak mereka. Apa yang kita fahamkan, seperti kata pihak pembangkang saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kerana menyokong Dasar Ekonomi Baru cuma mengatakan cara perlaksanaannya. Mungkin cara pelaksanaan ini tidak difahami dengan sedalamnya oleh pihak pembangkang maka itulah dianggap pelaksanaan itu tidak dijalankan dengan baik tetapi sepertimana yang sama-sama kita maklum, Pegawai-pegawai Kerajaan kita sedang berusaha dan merancang dan menjalankan dasar-dasar ini dengan baik. Kita yakin anggapan tidak bersih, cekap dan amanah itu adalah mimpi kepada pihak pembangkang.

Saya suka mengambil perhatian sidang Dewan ini bahawa anggapan pihak pembangkang Kerajaan "mencekik" rakyat adalah satu perkara yang agak keterlaluan. Kerajaan sedang berusaha mengadakan rancangan-rancangan sama ada dalam bandar mahupun luarbandar dengan peruntukan yang begitu banyak dengan tujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat serta menghapuskan kemiskinan, tidaklah seperti dianggap oleh pihak pembangkang bahawa usaha-usaha itu hanya sebagai impian sahaja. Pada masa ini kita dapati semua rancangan sepertimana kemudahan asas terhadap rakyat adalah berjalan dengan baik. Kita dapati di mana-mana kita pergi, sokongan mereka itu terhadap rancangan Kerajaan begitu baik sekali.

Hasil daripada kita bangkit dalam Dewan ini, segala rancangan dan kritikan yang kita secara membina, pada masa ini terutamanya di kawasan saya, saya nampak sedang berjalan dengan baik, seperti Jabatan Kerja Raya telah membesarkan beberapa batang jalan di kawasan saya tetapi ada lagi juga yang masih perlu diperbaiki. Kita mesti cakap dengan kenyataan. Kita tidak mahu memutarbelitkan. Kalau Kerajaan buat, Jabatan Kerja Raya buat, kita kata buat, tidak buat — kita kata tidak buat. Cuma kita hendak minta kuatkan lagi usaha, tambah lagi, lagi lebih. Terutama setelah jalan diperbesarkan masih terdapat titi-titi dalam keadaan yang lama juga. Kita harap titi-titi ini dapat diperbesarkan dalam peruntukan yang akan datang, seperti di Jalan Permatang Tengah. Sekarang jalan telah diperbesarkan dan telah diperbuat dengan baik, cuma titi saja kecil. Bila tahun depan diperbesarkan, memang cukup baik sekali. Titi pula di kampung saya nama Titi Teras, kalau wakil-wakil dari sebelah sana nak tahu — itulah Titi Teras.

Jadi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kerja Raya kerana pada masa ini seperti apa yang disarankan pada masa yang lalu telahpun berbunga dan berbuah. Bukan berbunga sahaja seperti kata pihak sebelah sana tetapi berbunga dan terus berbuah. Begitu juga di Kuala Jalan Baru sekarang sedang diperbesarkan, pada hari ini sedang diturap semula permukaan jalan. Ini satu perubahan yang baik dan saya yakin pada masa yang akan datang perhatian-perhatian semacam ini akan dibuat lebih baik lagi sepertimana di kawasan Telok Bahang di mana terdapat pembangunan yang pesat, sebuah hotel yang bertaraf antarabangsa, sebuah pasar dan berbagai-bagai lagi seperti Taman Rama-rama, Rimba Rekreasi dan kita harap akan ada lagi projek-projek yang sedemikian yang boleh menarik lebih ramai lagi pelancong.

Cuma apa yang saya suka di sini iaitu bekas Jubilee Camp di Telok Bahang, tempat Pengakap, masih lapang dipunyai oleh Kerajaan Negeri dan satu-satunya kawasan yang masih dibuka untuk digunakan oleh orang ramai dan para pelancong. Adalah menjadi harapan saya supaya kawasan ini terus dikekalkan supaya pihak Pengerusi Pelancongan atau Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian supaya memajukan kawasan ini kerana kawasan-kawasan lain telahpun dipenuhi dengan hotel-hotel yang besar dan tidak ada tempat-tempat yang hendak ditumpu dan berihat oleh

rakyat biasa seperti kita, seperti saya inilah. Barangkali di sebelah sana tarafnya tinggi sedikit.

Jadi di kawasan ini saya nampak strategi sekali untuk orang ramai khususnya di kawasan luar-bandar untuk pergi berihat pada hari minggu atau pada hari cuti. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Letrik Negara yang baru-baru ini telah mengadakan gotong-royong dan telah menghadihkan 6 kerusi untuk orang ramai boleh berihat. Jadi saya harapplah lebih ramai lagi agensi-agensi Kerajaan dan juga Jabatan Kerajaan yang boleh berbuat sedemikian itu.

Pembangunan di kawasan ini amat penting, seperti mengadakan pondok-pondok rihat, mungkin ada sebuah rumah bekas ibu pejabat *volunteer* dulu yang dijadikan ibu pejabat pengakap boleh dijadikan kantin atau boleh dijadikan sebuah restoran yang boleh menarik lagi pelancong-pelancong tempatan dan juga luar negeri untuk berihat di situ. Kerana kita pandang hotel-hotel besar yang saya sebutkan tidak berkemampuan rakyat merhin kita ini untuk pergi berihat di sana oleh kerana harganya begitu tinggi, harga makanannya yang begitu mahal. Jadi kita harap tempat yang macam inilah menjadi tumpuan rakyat.

Tuan Speaker, selain daripada itu, saya suka lah menyentuh berhubung dengan ucapan yang disampaikan oleh wakil dari Prai berhubung dengan Tenaga Rakyat. Sebenarnya apa yang telah diucapkan itulah yang sedang dibuat oleh Jawatankuasa Tenaga Rakyat. Mungkin wakil dari Prai, mungkin dia tidak faham atau mengetahui apa yang kita sedang rancangan. Saya sebagai salah seorang Ahli Jawatankuasa Tenaga Rakyat, kita telah mengadakan berbagai-bagai rancangan termasuklah latihan-latihan termasuklah memberi saguhati (gangguan).

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Penjelasan, Tuan Speaker. Adakah Ahli Yang Berhormat menjawab atas (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Bukan menjawab. Saya suka menerangkan sebagai seorang Ahli Jawatankuasa (gangguan).

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tetapi saya tidak tahu. Itu saya pulangkan kepada Ahli (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Ya, saya bahas sebagai seorang Jawatankuasa yang mengetahui, bertanggungjawab menerang dan menjelaskan kepada orang yang tidak jelas. Bila selepas ini Pengerusi Jawatankuasa terangkan, ibarat kata pepatah orang Melayu — “Sudah terang lagi bersuluh, bulan terang lagi kita bersuluh.” Ya, kita hendak bagi dia jawab tetapi sebelum dia jawab, sebagai Jawatankuasa tidak ada makna kita jadi *back-bencher*, tidak boleh tolong dia dari belakang. Asyik harap dia saja, kita biar dia kena tekan, kita turut tekan pula — tak boleh. Kita kena angkat dia. Ini membuktikan kerjasama.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Tidak payah angkat dia. Dia sangat tinggi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tinggi tak apa. Sungguhpun tinggi, kadang-kadang orang rendah pun berguna juga daripada orang tinggi. Kalau masuk rumah yang jenis rendah, dia tidak payah tunduk. Dia terus pang-gong. Tapi kalau orang yang tinggi, silap-silap jalan terantuk, baru dia hendak tergedah, tidak guna juga.

Ahli Kawasan Ara Rendang (Tuan Haji Zakaria bin Bakar):

Penjelasan, Tuan Speaker. “panggong” apa ini?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

“Panggong” — Ada macam-macam panggong (ketawa). Panggong ini kepala. Kalau kita tidak panggong ke atas, kita asyik jalan terus terantoklah, bengkaklah. Kita tidak mahu bagi bengkak.

Tuan Speaker, berhubung dengan Tenaga Rakyat ini memang kita usaha. Sepertimana yang dikatakan oleh wakil dari Permatang Pasir tadi, dia telah mendapat peruntukan mengadakan latihan dalam memberi latihan kemahiran kepada orang-

orang di kawasan sana. Kalau wakil dari Prai minta, kita boleh beri. Buat tempat, kita akan beri peruntukan, kita akan hantar jurulatih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Tuan Haji Adnan bin Haji Ramli):

Tapi syaratnya ada lagi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Tapi syarat adalah. Sekurang-kurangnya pun kenalah ikut bapa. Macam kitalah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bapa kita Kerajaan Persekutuan, kita kena ikut bapa. Kalau kita asyik ‘gedas’ di belakang bapa, bapa nanti pegang tongkat bagi kepalalah. Itupun kena faham. Itu adat, kata orang.

Tuan Speaker, sepertimana yang telah dibangkitkan oleh setengah-setengah pihak pembangkang Kerajaan kerana mereka tidak begitu teliti berhubung dengan apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi bantuan kepada masyarakat kita khasnya kepada rakyat di negeri kita ini.

Sepertimana yang dikatakan oleh seorang pihak pembangkang bahawa Y.A.B. Ketua Menteri kita atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengemis kepada Kerajaan Pusat. Kita tidak mengemis tetapi sebagai anak terhadap bapa selalu berbincang, merayu supaya diberi peruntukan atau bahagian yang lebih besar sepertimana yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri supaya Kerajaan Pusat akan menimbang saranan-saranan yang dibuat dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin. Tetapi kemungkinan kalau DAP terpaksa kena mengemis, kalau tidak, orang tak beri peruntukan yang sedemikian itu. Kalau tidak mahu mengemis, nak jadi anak, nak merayu kepada bapa kenalah menyeberangi dulu.

Tuan Speaker, cuma saya suka membangkitkan dalam soal kita nak memberi kemahiran kepada rakyat negeri kita ini supaya Kerajaan dapat mengadakan peruntukan khas sebagai latihan-latihan projek ekonomi kepada belia-belia dan beliawanis di negeri kita kerana belia-belia dan beliawanis di negeri kita ini banyak yang menganggur dan mereka ini banyak lepasan sekolah dari setahun ke setahun perlu mendapat latihan kemahiran. Walaupun kita tahu sekarang rancangan Kerajaan banyak hendak mendirikan sekolah-sekolah vokasional. Jadi sebelum rancangan ini

dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya adalah diharapkan peruntukan khas diberi supaya latihan-latihan melalui belia-belia dan beliawanis ini akan dapat menambahkan lagi kemahiran kepada mereka supaya mereka dapat berdikari sepertimana yang disarankan oleh wakil dari Prai tadi. Memang inilah hasrat Kerajaan kita kerana tidak 100% yang dapat kita membendong segala masalah-masalah yang timbul dan masalah ini di mana negara dan juga negeri berlaku ibarat kata orang tua-tua — “Tidak ada gading yang tidak retak.” Oleh sebab itu kita tidak boleh layan kesemua pihak yang akan boleh memberikan khidmat kepada orang ramai hanya terpujanglah kepada diri sendiri seperti kata pepatah orang tua-tua — “Tepok dada tanya selera.” Janganlah kita hanya berharap kepada orang lain. “Harap sahabat, buta mata sebelah.” Ini pepatah orang tua-tua.

Di samping itu, saya suka membangkitkan juga perkara yang berlaku di KOMTAR baru-baru ini di mana saya dapati melalui akhbar seorang rakan di dalam Dewan ini telah dibesar-besarkan berita yang kecil berhubung dengan *parking* ataupun tempat letak kereta di KOMTAR sehingga dibesar-besarkan. Perkara ini tidak harus berlaku dan saya amat kesal kerana perkara ini boleh berlaku. KOMTAR adalah bangunan yang dipunyai oleh Kerajaan dan diberi peluang untuk diswastakan kawasan letak kereta itu sedangkan Wakil Rakyat dikenakan bayaran. Saya difahamkan bahawa salah seorang Wakil Rakyat kita telah meletakkan kereta itu di lot khas untuk Exco Kerajaan Negeri kita. Sebab dia awal datang, dia letak tempat kosong itu. Tetapi bila mana dia turun dari situ, pihak yang mendapat kontrak *parking* itu menahan dan meminta wang. Ini adalah satu perkara yang agak amat ganjil. Sebab itu saya ingin tahu apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada tawaran kontrak bagi pihak yang mengkontrakkan tempat letak kereta itu dan mengapakah boleh jadi begitu ghairah sekali ia menghendakkan wang? Dalam prinsip bukan kita tidak mahu bayar, hanya saya ingat tidak sampai pun \$1.00.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Jadi *hero*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Bukan jadi *hero*. Prinsipnya kita hendak menjaga maruah sebagai seorang Wakil Rakyat.

Yang keduanya, sebab dia letak di petak Kerajaan — mengapa harus dibayar? Inilah satu perkara yang kita kesalkan. Saya tahu memang kita ada dikhaskan dua petak di tempat letak kereta tetapi Wakil Rakyat bila pergi bermesyuarat lebih daripada dua orang. Jadi saya rasa perlulah tempat letak kereta itu disesuaikan kepada Wakil-wakil Rakyat. Bukan kerana kita berkehendakkan tetapi adalah sebagai keistimewaan sebagai seorang Ahli Dewan. Letak pula itu dihujung padang. Kalau hujan, nak kena buka payung. Kadang-kadang basah kaki. Ini berlaku. Jadi saya harap perkara ini tidak akan berlaku pada masa akan datang dan semoga nama baik Ahli-ahli Dewan akan terjamin. Perkara ini bukan sekali tetapi sudah banyak kali berlaku. Jadi saya harap perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Satu lagi saya mendapat sungutan daripada pelancong-pelancong dan juga pengguna-pengguna daripada Pulau Pinang ini terutama menggunakan teksi. Kita tahu memang Persatuan Teksi tidak berkehendak sepertimana yang berlaku di Kuala Lumpur, Johor atau di pekan-pekan besar di Malaysia atau di negeri-negeri luar pun kita pergi seperti kita pergi di Medan, London, luar-luar negeri, Bangkok — kalau tak sebut tak sah, kena sebut juga (ketawa). Jadi kita nak naik teksi tak susah. Sekarang kalau kita nak pergi ke Ayer Itam, kita kena naik *private taxi* dengan izin. Jadi ini satu perkara yang agak ganjil sedikit di Pulau Pinang. Jadi apa yang harus kita buat? Sebenarnya kalau kita pergi ke Kuala Lumpur nak pergi dari satu tempat ke satu tempat, tak perlu lama. Kita berdiri saja, teksi berhenti bertanya: “Hendak ke mana?” Kita terus naik, dia tekan meter — habis. Ini perkara yang berlaku tetapi di Pulau Pinang menjadi sungutan kepada orang ramai. Kalau daripada tempat turun feri nak pergi ke Penang Road, amat sukar nak dapat teksi, terpaksa kena naik bas ataupun beca. Ini menjadi sungutan. Jadi kita harus fikirkan.

Juga kita dapati tempat letak teksi ini banyak sangat. Di kawasan KOMTAR saja, saya ingat 5 tempat letak teksi — depan Hotel Shangrila, sekarang baru buka pula di bawah KOMTAR. Kemudian kita ada lagi di depan Prangin Road, depan Panggong Capitol — dan terlamapu banyak sangat. Sudah menjadi satu tradisi di Pulau Pinang kalau kita nak naik teksi kita kena pergi ke *stand*. Pada hal tempat *taxi stand* itu kita boleh gunakan untuk letak kereta orang ramai dan kita boleh dapat lagi wang. Sama ada tempat letak teksi ini dikenakan

bayaran atau tidak terpulangnya kerana baru-baru ini ada sungutan bila saya pergi di bawah KOMTAR, orang tak tahu tempat itu jadi tempat teksi. Bila dia letak, pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang pergi bubuh saman, sebab dia tidak tahu tempat teksi, sebab dia biasa *park* hari-hari dan hari itu kosong, dia pun *park* — rupa-rupanya tempat itu diganti dengan tempat teksi. Ini satu perkara yang baru berlaku. Sepatutnya dimaafkanlah dalam masa sebulan ini — kalau kita nak buat tempat letak teksi pun. Jadi ini perkara berlaku. Ini bukan kata kita nak bercakap sebagaimana pihak pembangkang, dia tahu tuduh sahaja. Kalau ikut dalam Islam “Pesangka itu adalah dosa besar kepada manusia.”

Tuan Speaker, saya rasa saya patut tambah sedikit lagi. Berhubung dengan sepertimana kawan-kawan saya bercakap jugalah berkenaan dengan kawasan perumahan tender swasta yang terbiar seperti juga yang saya bangkitkan kelmarin dalam soalan tambahan terutama di kawasan bandaraya hendak pergi ke Telok Bahang. Terdapat beberapa bangunan yang mungkin hendak dibuat hotel ataupun bangunan rumah awam tempat tinggal, kadang-kadang kita tengok macam satu kawasan yang penuh dengan semak-samun, pada hal kawasan ini kawasan pelancongan. Tidakkah ada satu peraturan yang boleh dikenakan supaya dibersihkan kawasan itu. Kita tidak boleh kata, kalau tidak boleh jadi rumah, tidak boleh jadi hotel, itu terletakkah kepada pengusaha itu. Tetapi ini dibiarkan begitu saja sedangkan pelancong terutama di Batu Ferringhi saya tengok, nak buat Hotel Regent — tunggul pokok kelapa pun ada di depan itu, pada hal para pelancong “Dok pi balik, pi balik” kata Man Belon “Pi mai, pi mai.” Jadi ini saya rasa satu imej yang kurang baik. Patutlah ini diambil perhatian supaya kita mahu bersihkan kawasan itu supaya dapat menarik lebih ramai pelancong terutama pelancong-pelancong dari barat sebab kita pun biasa melancong ke negeri mereka, kita tengok kebersihan yang begitu baik, tempat yang dibawa kita melawat itu. Tetapi tempat kita ini memang menjadi tumpuan.

Jadi itulah menjadi harapan saya dan yang akhir sekali saya nak bercakap berkenaan dengan kontraktor seperti yang dikatakan oleh kawan kita iaitu pemborong-pemborong kita yang telah mendapat borongan. Saya nak tahu di mana silapnya. Hampir setiap pemborong yang menjalankan pembangunan ini separuh jalan, tak diselesaikan. Kalau saya nak sebut, banyaklah. Tak payah saya sebut-

lah. Kalau tadi wakil daripada Bagan Jermal kata, Mesjid di Seberang Jaya, kawasan saya pun ada juga. Mesjid terbengkalai, balai raya terbengkalai dan sebagainya. Kita tidak tahu di mana silapnya.

Saya biasa bertanya-tanya kepada pihak Jurulukis atau Arkitek menyatakan bahawa bangunan ini patut dibuat \$240 ribu di *estimate* oleh pihak pelukis bangunan tetapi tender yang di-buang, diterima hanya \$170.00 ribu. Di mana silapnya? Di mana letaknya kepakaran Kerajaan daripada Jabatan Kerja Raya atau bahagian yang menyelenggarakan projek ini? Tidakkah ada Jurutera kita ataupun jurulukis kita yang berpengalaman, yang mahir yang boleh menilai harga pembangunan itu? Kemudian kita bagi kepada kontraktor harga yang murah. Tak sampai separuh jalan, dia pun angkat kaki — terbengkalai. Ini masalah yang kita hadapi.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, minta penjelasan. Boleh dapat nama projek itu?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Boleh dapatlah — Mesjid Titi Teras — tempat sayalah.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Lim Hock Seng):

Semua sedia?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Semua sedia sebab perkara ini kita selalu melawat kawasan (ketawa). Kita tahu semua. Titi pun ada juga — Titi di Sungai Rusa. Titi di Telok Bahang tetapi Pengarah Jabatan Kerja Raya kata sudah bagi, cuma tinggal tender, kata 14 hari-bulan yang lalu tetapi sampai hari ini — saya tengok tak nampak kontraktor pergi ke tempat itu. Sudah masuk sebulan. Bulan sudah diberitahu tender sudah tutup dah diberi kepada pihak tender untuk mula kerja pada 14 November. Tetapi hari ini sudah masuk 13 Disember, maknanya sebulan — lagi sehari kurang. Belum nampak lagi muka kontraktor. Tempohnya tiga bulan. Ini satu perkara juga. Yang saya dukacita dan berasa sedih ini ialah projek-projek ini yang disebut tadi yang dijangka meningkat \$240 ribu diberi \$178 ribu, kemudian tak dapat buat, kemudian kontraktor

lari, kemudian nak didenda pula kontraktor itu. Sudahlah kawan itu dah teruk, didenda pula lagi kerana kelewatan sebab dia lari itu — itu sampai lewat tak boleh buatlah. Didenda pula lagi satu hari \$200.00 pun ada, kalau dah sebulan \$3,000.00 ada yang kena. Jadi sudahlah kawan tak ada modal. Bertambah-tambah lagi sepertimana kata rakan saya Bagan Jermal — modal sekarang ini dia ambil pinjaman bank. Jadi masalah ini untuk nak dapatkan *guarantee*. Jadi saya haraplah masalah macam ini dapat dibuat kajian pada masa yang akan datang supaya kontrak-kontrak ini biarlah kita mengkaji dengan lebih mendalam berhubung dengan harga yang akan dikenakan supaya tidaklah timbul di pertengahan jalan. Kalau pun ada *slack* sedikit, kenalah diberi bantuan oleh pihak-pihak yang berpengalaman. Beri bantuan, nasihat, bimbingan, '*counselling*' kata orang sekarang ini, supaya macam mana cara nak buat. Ini kata 3 bulan mahu siap. Bila sudah lepas 3 bulan tak siap, dah masuk 4 bulan sebulan dia kena denda — kawan itu cuma ada modal sedikit. Saya harap kalau boleh tak usahlah denda. Saya minta supaya tidak didendakan kerana kesilapan yang berlaku itu mungkin kedua-dua belah pihak. Saya tidak masuk mana-mana pihak, cuma yang saya ingin supaya kita dapat memperbaiki. Tujuan kita ialah untuk membina, bukan nak meng'*criticise*' atau memburukkan mana-mana pihak. Tujuan kita hendak membina supaya projek jadi. Ibarat kata orang tua-tua, "Rambut dalam tepong, rambut kita tarik, tepong ada elok" kemudian kita buat capati, ya, Encik Shanmugam.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

'Tose'.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

'Tose' tak ada tuak, sekarang susah sedikitlah.

Ahli Kawasan Prai (Encik Shanmugam s/o Nadason):

Ada tuak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad):

Jadi saya tidak berniat panjang kerana masa tidak mengizinkan dan akhir sekali saya suka nyatakan menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1989 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Sesiapa ingin mengambil bahagian?

Ahli Kawasan Jawi, tidak mahu?

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sekarang sehingga esok jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.52 petang.